

Jilid II
Bil. 11

Hari Selasa
22hb Mac, 1988



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

House of Representatives

PARLIMEN KETUJUH

Seventh Parliament

PENGGAL KEDUA

Second Session

KANDUNGANNYA

PENGUMUMAN TIMBALAN YANG DI-PERTUA:

Cuti kepada Ahli-ahli—Kebenaran:

Y.B. Tuan Lau Dak Kee [Ruangan 1881]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

[Ruangan 1881]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

[Ruangan 1941]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1987) [Ruangan 1941]

Jawatankuasa—

Jadual:

Maksud B.1, B.4, B.6 hingga B.8 [Ruangan 1958]

Maksud B.16 [Ruangan 1970]

Maksud B.19 [Ruangan 1972]

Maksud B.29 dan B.30 [Ruangan 1978]

Maksud B.36 [Ruangan 1979]

Maksud B.54 [Ruangan 1999]

Maksud B.57 [Ruangan 2010]

Maksud B.22 dan B.59 [Ruangan 2011]

KANDUNGANNYA—(Samb.)

USUL:

Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 2) 1987 [Ruangan 1941]

Jawatankuasa—

- Maksud P.7 [Ruangan 1958]
- Maksud P.13 [Ruangan 1969]
- Maksud P.14 [Ruangan 1970]
- Maksud P.17 [Ruangan 1971]
- Maksud P.18 [Ruangan 1971]
- Maksud P.19 [Ruangan 1972]
- Maksud P.20 [Ruangan 1976]
- Maksud P.21 [Ruangan 1977]
- Maksud P.25 [Ruangan 1977]
- Maksud P.26 [Ruangan 1977]
- Maksud P.28 dan P.31 [Ruangan 1978]
- Maksud P.33 [Ruangan 1978]
- Maksud P.34 [Ruangan 1979]
- Maksud P.36, P.37, P. 40 hingga P.42 [Ruangan 1979]
- Maksud P.44 [Ruangan 1989]
- Maksud P.45 [Ruangan 1990]
- Maksud P.46 hingga P.48 [Ruangan 1990]
- Maksud P.49 dan P.50 [Ruangan 1991]
- Maksud P.51 dan P.53 [Ruangan 1998]
- Maksud P.54 [Ruangan 1999]
- Maksud P.55 [Ruangan 2000]
- Maksud P.56 [Ruangan 2004]
- Maksud P.57 [Ruangan 2010]
- Maksud P.23, P.24 dan P.59 [Ruangan 2011]

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT YANG KETUJUH

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Dalam Negeri dan Menteri Kehakiman, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Labis).

„ Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' DR LIM KENG YAIK, D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Pertahanan, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).

„ Menteri Pendidikan, TUAN ANWAR BIN IBRAHIM (Permatang Pauh).

„ Menteri Luar Negeri, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

„ Menteri Kewangan, DATO PADUKA DAIM ZAINUDDIN (Merbok).

„ Menteri Kesihatan, DATO' CHAN SIANG SUN, S.I.M.P., D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentung).

Yang Berhormat Menteri Buruh, TUAN LEE KIM SAI, P.P.N. (Hulu Langat).

- „ Menteri Belia dan Sukan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (ORANG KAYA INDERA SHAHBANDAR), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P. (Pekan).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN KASITAH BIN GADDAM (Kinabalu).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN NG CHENG KIAT (Klang).
- „ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., S.I.M.P., D.P.M.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulau).
- „ Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, DATO' HAJI SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerluh).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATO NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Setiu).
- „ Menteri Kebajikan Masyarakat, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, DATO' MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, D.I.M.P., A.M.N., A.M.P. (Rompin).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN D. P. VIJANDRAN (Kapar).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' OO GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN NG CHENG KUAI, A.M.P. (Lumut).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, TUAN WANG CHOON WING, A.M.N. (Lipis).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' KOK WEE KIAT, A.M.N. (Selandar).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, TUAN WOON SEE CHIN, A.M.N., P.I.S. (Senai).
- „ Timbalan Menteri Buruh, TUAN KALAKAU UNTOL (Tuaran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN LOKE YUEN YOW, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN JAFFREY (Silam).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN ALIAS BIN MD. ALI, S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, TOH MUDA DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN (Ledang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DRS SULEIMAN BIN MOHAMED (Titiwangsa).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD, D.I.M.P. (Tumpat).

- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN PETER CHIN FAH KUI (Lambir).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN M. G. PANDITHAN, K.M.N. (Tapah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan, TUAN ABDUL RAMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Pendang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHAMED BIN JAMRAH, A.M.P., P.P.T. (Bagan Datok).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ADAM BIN ABDUL KADIR (Kuantan).
- „ TUAN ABDOL MULOK AWANG DAMIT (Labuan).
- „ DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- „ DR ABDUL HADI BIN DERANI, K.M.N., A.M.K., (Kota Setar).
- „ DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu).
- „ TUAN HAJI ABDUL MANAF BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN BAKAR (Marang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN ABU SAMAH, D.S.M., A.M.N., P.J.K. (Lembah Pantai).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATO' ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., A.D.K. (Kok Lanas).
- „ DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- „ TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).
- „ TUAN HAJI BASRI BIN BAJURI, K.M.N., P.J.K. (Kuala Langat).

Yang Berhormat DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K., (Penampang).

- „ TUAN HAJI BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHEW KAM HOY, A.M.K., J.P. (Padang Serai).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SAMSON CHIN CHEE TSU (Tawau).
- „ TUAN CHUA JUI MENG (Bakri).
- „ DR V. DAVID (Puchong).
- „ TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ DR ENG SENG CHAI (Petaling Jaya).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN GERARD MATH LEE MIN, A.S.D.K. (Gaya).
- „ TUAN HAJI GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- „ DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HAJI HASHIM BIN SAFIN *alias* SHAFAIN, A.M.N. (Tanah Merah).
- „ TUAN HSING YIN SHEAN (Tanjong Aru).
- „ TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB, P.P.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN HU SEPANG (Rasah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JIMBUN ANAK PUNGA *alias* JAMES JIMBUN ANAK PUNGA, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ DATUK KADOH AGUNDONG, P.G.D.K. (Padas).
- „ DATO' HAJI KAMARUZAMAN BIN HAJI AHMAD, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Tanjung Karang).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN LAINUS ANAK ANDREW LUWAK (Serian).
- „ TUAN LAU DAK KEE (Pasir Pinji).
- „ TUAN LAW LAI HENG *alias* GOH LAI HENG, P.I.S., B.S.I., K.M.N., A.M.N. (Pontian).

- Yang Berhormat TUN LEE LAM THYE (Bukit Bintang).
- „ DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ DR LIM ANN KOON, S.S.A., P.J.K. (Ampang Jaya).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LING CHOOI SIENG (Kluang).
- „ TUAN MADATANG BIN MOREJAL (Bandau).
- „ TUAN MAIDOM BIN PANSAI *alias* PAUL PANSAI (Kota Belud).
- „ TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED BIN HAJI ISA, A.M.N., P.S. (Kuala Kerai).
- „ TUAN MOHAMED SAM BIN HAJI SAILAN, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Muar).
- „ TUAN MOHAMED TAWFIK BIN TUN DR ISMAIL (Sungai Benut).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN YAAKOB (Rantau Panjang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD SUBKY BIN HAJI ABDUL RAOF, A.M.N., P.J.M. (Balik Pulau).
- „ TUAN MOHAMMED YUSOFF BIN ABDUL LATIFF, J.P. (Tasek Gelugor).
- „ DATUK SERI HAJI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- „ TUAN MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MOHD. ZIHIN BIN MOHD. HASSAN (Larut).
- „ DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Kota Tinggi).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN (Limbawang).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN NASRUDDIN BIN ALANG SAIDIN (Parit).
- „ TUAN NGOI THIAM WOH (Kampar).

Yang Berhormat DR NICHOLAS MUNONG ANAK IBAU (Rajang).

- „ TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- „ TUAN JOE OJIHI SUPIRING (Marudu).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Ipoh).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bayan Baru).
- „ DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., P.C., K.M.N., A.M.N. (Saratok).
- „ TUAN PITTING BIN HAJI MOHD. ALI (Kinabatangan).
- „ DATO' RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).
- „ DATIN PADUKA HAJJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., A.M.P., P.J.K. (Shah Alam).
- „ DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- „ Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Tasik Chenderoh).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Semporna).
- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- „ DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ PUAN HAJJAH SHARIFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Parit Sulong).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TUAN S. S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.S. (Hulu Selangor).
- „ TUAN TAIMAN BIN LUMAING (Pensiangan).
- „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI (Batang Lupar).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN TEOH TEIK HUAT (Bagan).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TIEU SUNG SENG *alias* TIU SIING SENG (Sibu).
- „ TUAN TING CHEK MING (Batu Gajah).
- „ DR TING CHEW PEH (Gopeng).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN HAJI WAN OMAR BIN WAN MAJID, S.M.K., P.P.N. (Pasir Puteh).

Yang Berhormat DATUK HAJI YAHAYA BIN MOHD. SHAFIE (Tambun).

- „ PUAN SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- „ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN JOHARI, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N.,
B.K.M., P.J.K., J.P. (Sik).
- „ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N.,
P.J.K. (Besut).
- „ TUAN ZUBIR BIN EMBONG (Kuala Terengganu).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz, D.P.M.P.,
J.M.N., S.M.P., P.P.T.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Haji Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Hajjah Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Selasa, 22hb Mac, 1988

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-*
pengerusikan Mesyuarat)

PENGUMUMAN
TIMBALAN YANG
DI-PERTUA

CUTI KEPADA AHLI—
KEBENARAN

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Dewan iaitu pada menjalankan kuasa-kuasa yang telah diberikan kepada saya mengikut ketetapan yang dibuat oleh Dewan ini pada 25hb April, 1961, saya telah membenarkan cuti daripada menghadiri mesyuarat di bawah Perkara 52 (2) Perlembagaan Persekutuan kepada:

1. Y.B. Tuan Lau Dak Kee bagi kawasan Pasir Pinji dari 21hb Mac, 1988 selama Yang Berhormat dalam tahanan.

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN

HUTANG TUNGGAKAN
PESAKIT

1. Dr Ting Chew Peh minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) jumlah hutang yang belum dijelaskan oleh para pesakit di semua hospital Kerajaan; dan

- (b) apakah langkah-langkah diambil untuk mendapatkan balik hutang itu.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Yang Berhormat jumlah hutang cumulative (jumlah tunggakan yang belum dijelaskan) oleh pesakit di semua hospital Kerajaan sehingga akhir tahun 1986 adalah seperti berikut:

	1986
Semenanjung Malaysia	\$25,964,741.00
Sabah dan Sarawak	\$867,564.00
JUMLAH ..	\$26,832,305.00

- (b) Berbagai langkah telah diambil oleh Kementerian Kesihatan untuk memungut hutang itu. Ini termasuklah menghantar surat peringatan kepada bekas pesakit supaya menjelaskan tanggungan mereka, menggunakan akhbar dan lain-lain media untuk mempengaruhi tanggungjawab dan kesedaran mereka, dan dalam kes-kes yang tidak dapat dielakkan dibuat tuntutan sivil di mahkamah. Kementerian juga sedang mengkaji langkah-langkah pungutan bayaran yang lebih berkesan, termasuk menggunakan Komputer, untuk mengelakkan daripada hutang-hutang itu bertambah di masa-masa hadapan.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Adalah difahamkan sebahagian besar mereka yang masih lagi terhutang dengan hospital-hospital Kerajaan terdiri daripada golongan yang berpendapatan rendah. Kalau perkara ini benar, dan memandangkan bahawa mereka ini terdiri daripada mereka yang susah atau miskin, adakah Kerajaan bercadang untuk menghapuskan sahaja hutang-hutang tersebut.

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mempunyai angka-angka yang dapat mengesan hujah dari Ahli Yang Berhormat itu, tetapi saya rasa mungkin golongan pesakit yang tidak menjelaskan bayaran hospital mereka yang besar sekali bukan golongan miskin, tetapi golongan yang berada sedikit yang menggunakan Wad-wad Kelas 1 dan Kelas 2 di Hospital-hospital Besar.

Memang Kementerian memper-timbangkan penghapusan hutang-hutang ini selepas semua usaha untuk mengutip balik tunggakan itu tidak berjaya dan tahun demi tahun beberapa jumlah dihapuskan mengikut peraturan kewangan negara.

Tuan Hu Sepang: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Saya ingin tanya Timbalan Menteri Kesihatan adakah beliau sedar ada sebahagian kakitangan hospital yang bersikap buruk dan kurang sopan terhadap pesakit-pesakit yang belum menjelaskan hutang ataupun bayaran ataupun bil perubatan mereka apabila mereka diwadkan di dalam hospital dan apabila pesakit-pesakit yang sebahagian besar mereka itu dari Wad 3 ataupun dari golongan berpendapatan rendah tidak ada kemampuan menjelaskan bil mereka, kakitangan hospital manahan mereka sebagai jenayah dan tidak melepaskan mereka

dari hospital itu sehingga mereka menjelaskan bil-bil perubatan atau hutang. Jika beliau sedar, adakah beliau akan mengeluarkan satu arahan kepada kakitangan hospital supaya mereka mengubah sikap yang kurang sopan itu.

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian tidak menjalankan pentadbiran kuku besi seperti yang diujahkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Rasah. Tidak ada kes yang dilaporkan kepada kami bahawa pesakit telah ditahan di hospital kerana tidak menjelaskan bilnya. Sebenarnya, kita tidak dapat membuat demikian kerana kita tidak mencukupi katil-katil untuk merawat pesakit-pesakit. Apa lagi hendak tahan orang yang sudah pulih atau baik; mereka terpaksa dihantar balik.

PAMERAN MUZIUM NEGARA DI SABAH

2. Datuk Haji Sakaran bin Dandai minta Menteri Kebudayaan dan Pelancongan menyatakan sama ada usaha-usaha oleh pihak Muzium Negara untuk mengadakan apa juga bentuk pameran yang diadakan di Muzium itu supaya dipamerkan juga di Muzium Sabah, bagi membolehkan rakyat negeri itu menyaksikan pameran-pameran tersebut. Memandangkan kebanyakan pameran-pameran yang diadakan di Muzium Negara penting untuk diketahui oleh rakyat di Sabah, maka adalah bijak bagi pihak Muzium Negara memanjangkan pameran serupa di Sabah dan Sarawak.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan (Tuan Abdul Raman bin Suliman): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat di atas cadangan beliau supaya pameran-pameran yang telah diadakan di Muzium Negara dipamerkan juga di Muzium Sabah.

Kementerian akan mengambil ingatan di atas cadangan ini. Namun begitu, kita juga harus sedar bahawa hampir setiap negeri mempunyai Muzium Negeri, oleh itu untuk berlaku adil kepada semua negeri, sudah tentu implikasi kewangan adalah besar, kecuali negeri-negeri yang berkenaan sanggup membiayai perbelanjaannya.

Kementerian juga sangat mengalu-alukan jika sekiranya sebahagian daripada bahan-bahan yang berkaitan dengan negeri-negeri lain termasuk Sabah juga dapat dipamerkan di Muzium Negara supaya rakyat di negara ini dapat mengetahui keadaan rakyat di negeri-negeri dalam Malaysia seluruhnya termasuk Sabah dengan tujuan untuk merapatkan lagi pemahaman di kalangan rakyat terhadap keadaan tiap-tiap negeri termasuk juga Sabah. Dengan itu diharapkan akan dapat mengukuhkan lagi perpaduan di negara ini.

Tuan Mohamed bin Haji Isa: Saya ingin mendapat jawapan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen iaitu adakah Kerajaan atau Kementerian bercadang untuk memberi kesempatan kepada seluruh penduduk di negara kita ini melihat barang-barang di Muzium Negara ataupun di lain-lain muzium di negara kita ini. Adakah Kementerian bercadang mengadakan pertunjukan barang-barang itu di tiap-tiap negeri ataupun bandar-bandar di seluruh negara kita ini untuk menunjukkan kepada rakyat kita barang-barang yang ada di Muzium Negara itu?

Tuan Abdul Raman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, memanglah dari segi hasrat Kementerian ini, kita mahu seluruh rakyat Malaysia dapat melihat bahan-bahan muzium yang ada di dalam negara kita. Namun begitu, seperti jawapan yang saya katakan tadi untuk mengadakan pameran di tiap-tiap negeri, ianya memerlukan kewangan yang besar, kecuali pihak

Kerajaan Negeri ataupun Muzium Negeri sanggup mengeluarkan perbelanjaan seperti yang dilakukan baru-baru ini iaitu pameran kucing, Kerajaan Negeri Sarawak telah sanggup untuk membiayai seluruh perbelanjaan dan kita telah menghantar bahan-bahan tersebut ke Muzium di Kuching, Sarawak.

Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah: Soalan tambahan. Saya ingin bertanya adakah pihak Muzium Negara bercadang untuk membuat pertukaran bahan-bahan umpamanya Muzium Negara akan menghantar bahan-bahan itu ke Muzium Sarawak dan juga berpusing tiap-tiap muzium, bermakna tiap-tiap muzium dapat melihat petukaran itu dilakukan setiap 6 bulan atau setahun, tidak perlu hendak mengadakan pameran di satu tempat sahaja. Adakah cadangan oleh pihak Perbadanan Pelancongan untuk berbuat begitu?

Tuan Abdul Raman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya dari segi cadangan itu telah pun dilaksanakan oleh pihak Muzium Negara kerana kita sentiasa mengadakan kerjasama yang erat di antara Muzium-muzium Negara dengan Muzium Negeri dari segi bahan-bahan serta juga perkara-perkara yang lain seperti bantuan teknik dan sebagainya.

TEKNOLOGI PERTANIAN THAILAND — PEMINDAHAN

3. Dato' Haji Kamaruzaman bin Haji Ahmad minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada dalam perbincangan beliau dengan rakan sejawatnya dari Thailand ke Malaysia baru-baru ini perkara pemindahan teknologi pertanian dari Thailand ke Malaysia telah dibincangkan memandangkan bahawa Negeri Thai adalah lebih maju dalam bidang pertanian terutama dari pokok-pokok buah-buahan, jika ya, adakah

cadangan untuk menghantar petani-petani kita ke sana untuk berkursus atau belajar cara-cara teknologi Thai.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan): Tuan Yang di-Pertua, semasa lawatan Yang Berhormat Menteri Luar baru-baru ini tidak ada perbincangan secara khusus diadakan dengan rakan sejawatnya mengenai perkara pemindahan teknologi pertanian dari Thailand ke Malaysia. Tetapi melalui beberapa taklimat yang diberi kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, adalah diperhatikan bahawa penyelidikan pertanian di Thailand amatlah maju. Umpamanya pihak Thailand telah membuat ujian menanam epal "mecademia" sejenis buah keras yang diimport dari Australia.

Juga terdapat banyak kolam air dikawasan pertanian di Thailand yang digunakan untuk menyimpan air bagi kegunaan dalam musim kemarau dan juga untuk memelihara ikan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sedia menghantar petani-petani Malaysia ke Thailand untuk mendapatkan teknologi Thai yang dianggap berguna dan sesuai dilaksanakan di Malaysia.

PROJEK PERUMAHAN TERBENGKALAI

4. Tuan Ting Chek Ming minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) adakah Kementerian bercadang untuk meminda "Standard Sale/Purchase Agreement" untuk melindungi hak-hak pembeli-pembeli, contohnya untuk memasukkan tempoh masa 18 bulan untuk menyediakan dan menyampaikan "vacant possession", jika tidak berikan alasan-alasan; dan

- (b) nyatakan juga berapakah skim perumahan yang telah terbengkalai di selamatkan (rescued) dan sama ada Housing Developer (Control and Licensing) Act, 1966, akan dipinda untuk mengenakan hukuman mandatori terhadap pemaju yang bertanggungjawab, jika tidak berikan alasan-alasan yang munasabah.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' S. Subramaniam): Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah pun mengkaji dan telah pun meminda tempoh 18 bulan itu kepada 24 bulan untuk membolehkan pemaju-pemaju perumahan menyediakan dan menyampaikan vacant possession kepada pembeli-pembeli rumah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Perjanjian Jual-Beli seragam yang menentukan tempoh 24 bulan itu telah diletakkan sebagai Jadual E kepada Peraturan 12 (1) Peraturan-peraturan Pemaju Perumahan (Kawalan dan Pelesenan), 1982 yang mula berkuatkuasa pada 1hb Jun, 1982.

Tempoh 24 bulan maksud penyerahan rumah-rumah baru telah ditetapkan kerana ianya didapati munasabah dari segi masalah yang dihadapi oleh kedua-dua pihak iaitu pemaju dan pembeli.

Bagi menjawab bahagian (b), Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sehingga kini telah memulihkan sebanyak 56 buah projek perumahan yang terbengkalai yang mengandungi sebanyak 10,370 unit rumah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan memang sedang dan tetap akan bertindak tegas

terhadap pemaju-pemaju yang tidak bertanggungjawab. Kementerian ini akan mengemukakan usul untuk meminda Akta Pemaju Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 untuk kelulusan Dewan sesi ini juga. Di antara pindaan-pindaan yang dicadangkan adalah untuk menaikkan hukuman ke atas kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh pemaju-pemaju yang tidak bertanggungjawab.

Tuan Haji Ghazali bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi saya mendengar Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan tindakan akan diambil kepada pemaju-pemaju perumahan yang gagal dalam usaha mereka. Setakat ini berapa ramaikah pemaju perumahan yang telah diambil tindakan kerana kegagalan seperti dalam soalan (b) tadi untuk makluman Dewan ini.

Dato' S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, angka yang tetap saya tidak dapat berikan, tetapi sukalah saya menjelaskan kepada Ahli Yang Berhormat tindakan berjenis-jenis telah pun diambil. Satu di antaranya ialah untuk menyenarai-hitamkan pemaju-pemaju yang tidak bertanggungjawab supaya mereka tidak diberi lesen pada masa-masa yang akan datang.

Kedua, beberapa pemaju telah dibawa ke Mahkamah untuk diambil tindakan melalui undang-undang. Jadi, angka-angka yang tepat tentang berapakah pemaju yang telah dibawa ke mahkamah atau berapa yang telah disenarai-hitamkan itu, saya tidak dapat memberikan angkanya.

Tuan Ngoi Thiam Woh: Soalan tambahan. Tadi dalam jawapan oleh Timbalan Menteri berkenaan bahawa Kerajaan telah mengambil alih 56 projek perumahan yang terbengkalai untuk menyempurnakan rumah-rumah yang belum siap itu. Adakah Kerajaan bercadang bahawa semua

projek perumahan terbengkalai yang terdapat sekarang di seluruh negara, Kerajaan akan mengambil alih supaya pembeli-pembeli rumah dapat menerima rumah yang mereka beli itu disempurnakan atau disiapkan. Sebagai contoh, di kawasan saya ada satu projek, Taman Sri Mas, rumah-rumah yang dibina oleh pemaju itu hanya separuh siap tetapi telah pun terbengkalai hampir 2-3 tahun pembeli-pembeli belum dapat menduduki rumah baru itu. Adakah Kementerian Perumahan akan mengambil balik projek ini dan menyempurnakan rumah-rumah yang terbengkalai itu?

Dato' S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, tentang apa yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat bahawa Kementerian telah mengambil ahli 56 buah projek yang terbengkalai dalam negara ini, suka saya menjelaskan itu adalah anggapan salah. Sebenarnya apa yang saya jawab tadi ialah 56 buah projek telah dipulihkan selepas beberapa tindakan yang diambil oleh Kementerian. Projek-projek yang terbengkalai adalah lebih daripada 56 dan kita sedang mengkaji projek-projek lain yang terbengkalai tentang langkah-langkah yang boleh diambil untuk menyelesaikan masalah.

Pada amnya, Kerajaan memang bersimpati dengan pembeli-pembeli dan memang ingin untuk menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi oleh pembeli-pembeli di dalam rancangan-rancangan yang dianggap terbengkalai. Tetapi pemulihan rancangan-rancangan itu tidak boleh dijamin oleh kerana tiap-tiap rancangan menghadapi masalah-masalah yang berlainan. Terpulanglah kepada kajian yang dijalankan dan viability projek-projek yang terbengkalai. Kalau kita dapati projek itu viable dan boleh dipulih, kita akan mengambil segala usaha

untuk memulih projek-projek yang terbengkalai untuk membantu pembeli-pembeli.

Tentang projek Sri Mas yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat, begitu jugalah jawapan. Saya tidak dapat menjelaskan adakah keadaan terbengkalai ini telah dilaporkan ke Kementerian atau tidak oleh kerana projek-projek yang terbengkalai adalah lebih kurang 184, saya tidak ingat dengan tepat, dan kalau dilaporkan kita akan menjalankan kajian dan jika didapati projek itu viable untuk dipulihkan, kita akan mengambil tindakan-tindakan yang wajar.

ETIKA KERJA

5. Tuan Ahmad bin Omar minta Perdana Menteri menyatakan kejayaan yang telah dijalankan dalam usaha mengadakan prosedur, amalan dan etika kerja yang berkesan pada tahun 1977—1988 khasnya dalam meninggikan khidmat kaunter di Pejabat Kerajaan yang menjadi tumpuan orang ramai.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor) : Tuan Yang di-Pertua, peningkatan mutu perkhidmatan kepada orang ramai terutamanya bagi Perkhidmatan Kaunter dan perkhidmatan yang melibatkan hubungan secara terus dengan orang ramai adalah merupakan salah satu keutamaan Kerajaan. Bagi maksud ini berbagai program dan usaha telah dijalankan meliputi aspek sistem, prosedur kerja, peningkatan aspek fizikal serta pembangunan sikap dan nilai-nilai kerja yang positif.

Dari aspek sistem, Pusat Bayaran Bil Setempat dan Pusat Perkhidmatan Setempat telah diperkenalkan. Dengan penubuhan Pusat Bayaran Bil Setempat ia telah dapat menjimatkan

masa, tenaga dan wang orang ramai kerana orang ramai boleh membuat bayaran bil-bil tertentu yang dikeluarkan oleh agensi-agensi Kerajaan seperti bil air, elektrik dan juga bil telefon di satu pejabat sahaja tanpa perlu pergi kepada tiap-tiap pejabat yang mengeluarkan bil-bil berkenaan. Sehingga kini terdapat sebanyak 880 Pusat Bayaran Bil Setempat di seluruh negara. Pusat Perkhidmatan Setempat pula menghimpunkan beberapa jenis perkhidmatan di satu pejabat seperti perkhidmatan mengangkat sumpah dan perkhidmatan setem. Terdapat sebanyak 140 Pusat Perkhidmatan Setempat di seluruh negara pada masa ini.

Kemudahan-kemudahan fizikal di kaunter-kaunter telah diberi perhatian yang utama. Berbagai usaha telah dijalankan termasuklah peningkatan penggunaan mesin-mesin moden, menyediakan kemudahan untuk orang ramai seperti tempat menunggu yang selesa, penambahan bilangan kaunter-kaunter, susunatur-kaunter yang lebih kemas dan melicinkan aliran kerja dan penyediaan tanda arah dan panduan-panduan tentang cara mendapatkan perkhidmatan dan mengisi borang-borang. Usaha secara menyeluruh juga telah dijalankan bagi memperbaiki borang-borang yang digunakan supaya menjadi lebih kemas, ringkas dan mudah diisi.

Di samping aspek sistem dan kemudahan fizikal satu lagi aspek yang diberikan keutamaan ialah dari segi sikap dan layanan kepada orang ramai. Pegawai-pegawai yang mengendalikan kaunter dari semasa ke semasa dihantar mengikuti kursus-kursus tentang cara mengendalikan kaunter dengan baik, penuh rasa tanggungjawab dan bersopan santun. Pegawai-pegawai yang memberikan khidmat kaunter sentiasa diberikan semangat dan galakan supaya memberikan perkhidmatan yang

bermutu dan bersopan santun. Salah satu usaha yang telah dijalankan ke arah ini ialah dengan mengadakan program Penganugerahan Pejabat Terbaik di seluruh negara. Untuk makluman Yang Berhormat, sebagai peringkat permulaan program ini telah dijalankan di kalangan Jabatan/Pejabat yang memberikan perkhidmatan kaunter atau secara terus kepada orang ramai. Tujuan utama program ini ialah untuk memberi penghargaan sebagai pengiktirafan dan sanjungan kepada pejabat yang didapati telah menunjukkan prestasi kerja yang tinggi dan bermutu.

Hasil dari usaha yang bersungguh-sungguh yang telah dijalankan secara berterusan mutu perkhidmatan kaunter telah dapat dipertingkatkan dan orang ramai telah dapat menikmati banyak kemudahan dan keselesaan. Walaupun begitu pihak Kerajaan akan terus berusaha untuk meningkatkan lagi mutu perkhidmatan yang diberikan kepada orang ramai khususnya dalam pemberian khidmat kaunter di seluruh Pejabat-pejabat Kerajaan.

Tuan Mohammed Yusoff bin Abdul Latiff: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Menteri sehingga ini adakah pihak Kementerian ada membuat pemeriksaan dan penyelidikan yang serius ke atas pelaksanaan etika kerja yang dijalankan di semua jabatan Kerajaan untuk meninggikan mutu kerja dan meningkatkan prestasi?

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Tuan Yang di-Pertua, pada pandangan Kerajaan telahpun serius, tetapi tidak tahulah kalau ada beberapa orang di sini yang memandang tidak serius.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Terdapat tanda-tanda

kejayaan dan hasil-hasil yang memberangsangkan hasil usaha Kerajaan mengadakan prosedur, amalan dan etika kerja yang diperkenalkan oleh Kerajaan, misalnya bertambahnya kecekapan, tepat, rajin dan seumpamanya. Tetapi terdapat juga halangan-halangan tertentu terutamanya daripada sikap orangramai (public). Soalan saya, bolehkah dinyatakan rancangan-rancangan lanjut Kerajaan untuk mengatasi masalah tersebut selain daripada memberikan tumpuan kepada kakitangan di khidmat-khidmat kaunter itu sendiri?

Soalan kedua, tadi dinyatakan bahawa pihak Kerajaan telah menubuhkan Pusat Perkhidmatan Setem bagi menyenangkan, memudah serta menyelesaikan kesesakan di khidmat-khidmat kaunter tetapi ternyata hari ini masalah itu terus meningkat dan berpusar dalam keadaan yang lazim kita lihat. Apakah tindakan ini kurang berkesan atau adakah pihak Kementerian akan mencari atau mengadakan rancangan-rancangan baru bagi mengatasi masalah-masalah ini terutama di Pejabat Pos, bil-bil air, bil-bil elektrik dan seumpamanya?

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Tuan Yang di-Pertua, rancangan-rancangan lanjut memang ada bagi mengatasi masalah-masalah yang timbul. Tetapi rancangan-rancangan lanjut yang dibuat oleh Kerajaan ini adalah bergantung kepada rancangan-rancangan yang telah kita buat dan sedang kita nilaikan pada masa ini. Ia akan merupakan rancangan lanjutan kepada apa yang telah kita buat yang telah saya sebutkan tadi ada yang berbentuk kursus kepada pegawai-pegawai dan kakitangan dan di samping itu satu perkara yang baru ialah tentang bagaimana kita hendak mendidik atau membimbing masyarakat umum supaya dapat

memberikan kerjasama kepada apa yang dibuat di dalam jabatan-jabatan Kerajaan. Kalau sekiranya kita membuat beberapa sistem dalam jabatan tetapi kerjasama dari orang ramai tidak didapati maka sesuatu halangan yang berlaku itu bukan semestinya berpunca daripada dalam jabatan atau dalam bangunan pejabat, tetapi ia ada kaitan dengan sikap orang ramai. Kerana itu ingin saya menegaskan bahawa lanjutan terhadap rancangan-rancangan yang dibuat akan diasaskan kepada satu sistem pengukuran terhadap kedua-dua pihak iaitu pegawai dan kakitangan dalam jabatan Kerajaan dan juga kepada orang ramai yang sentiasa memerlukan kepada bimbingan daripada semua pihak.

Mengenai dengan masalah Pusat Perkhidmatan Setempat yang mungkin pada pandangan Yang Berhormat masih terdapat beberapa tempat yang belum memuaskan, saya akui tentang perkara itu. Tetapi di mana tempat yang kita dapati tidak memuaskan itu, itulah yang menjadi tumpuan kita hari ini untuk kita mempertingkatkan dan memperkemaskan sistem perkhidmatan setempat yang telah kita jalankan di beberapa ruang pejabat.

UJIAN BAKAT DI RTM

6. Tuan Haji Hussein bin Haji Taib minta Menteri Penerangan menyatakan hasil menguji bakat 4,000 peserta dalam berbagai bidang sempena Minggu Penerangan dan Penyiaran baru-baru ini beberapa ramaikah mereka yang mempunyai bakat dalam berbagai bidang yang diterima berkhidmat di RTM.

Timbalan Menteri Penerangan (Tuan Railey bin Jaffrey): Tuan Yang di-Pertua, sukacita saya menerangkan di sini bahawa tujuan RTM mengadakan uji bakat adalah untuk mengesan dan mengenal apa saja

bakat dan kebolehan yang difikirkan berguna untuk RTM. Oleh itu walaupun seramai lebih kurang 4,000 orang peserta yang telah diuji bakat sejak Minggu Penyiaran dan Penerangan yang telah diadakan beberapa waktu yang lalu iaitu dalam bulan Disember, sebenarnya RTM telah menguji lebih ramai dari itu dan ujian-ujian tersebut akan terus berjalan sepanjang masa.

Hasil daripada ujian itu seramai kira-kira 298 orang peserta telah didapati mempunyai bakat yang boleh digunakan, misalnya sebagai Pembaca Berita (50 peserta), Juruhebah (68 peserta), Pengulas Sukan (30 peserta), Penemuramah (30 peserta), Penyanyi (50 peserta) dan Pelakon (70 peserta).

Ingin saya menerangkan di sini bahawa calon-calon ini hanya berjaya di peringkat uji bakat awal sahaja dan ujian yang lebih teliti akan diadakan kelak. Biasanya cuma kira-kira 20% daripada calon-calon tersebut yang akhirnya akan berjaya dan dengan tambah ramainya calon yang berminat maka tentunya RTM akan menggunakan asas-asas pemilihan yang lebih ketat. Mereka yang akhirnya terpilih akan mengalami berbagai latihan untuk menjamin supaya mutu rancangan RTM di masa akan datang akan lebih bertambah baik.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, hasil daripada uji bakat yang diadakan di sepanjang minggu penyiaran, setakat hari ini hanya lebih kurang 10 orang peserta sahaja telah diuji sekali lagi dan yang berjaya sedang menjalani latihan khusus di Bilik Berita, RTM.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri bagaimanakah peserta-peserta yang

terlibat dengan uji bakat tadi selepas itu mereka dapat kerja, contohnya seperti penyanyi, untuk membolehkan mereka terus berada dengan RTM dan terus mendapat publisiti dengan RTM tanpa digam. Maksud saya apakah etika kerja dan juga peraturan termasuk orang politiklah untuk membolehkan mereka terus berada dengan RTM supaya tidak digam. Jadi saya ingin tahu apakah peraturan yang harus diikuti.

Tuan Railey bin Jaffrey: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan mereka yang telah disenaraikan sebagai dipilih seperti penyanyi yang mana kita panggil sebagai "resident singer" atau penyanyi setempat, mereka ini dikenakan garis panduan sepertimana yang kita maklum bahawa antara lain iaitu ciri-ciri yang dilarang seperti membesar-besarkan budaya barat, berambut panjang, berpakaian ketat dan menonjol dan lain-lain perkara lagi yang tidak sopan dan tidak sesuai dengan kebudayaan Malaysia.

Tuan Haji Ghazali bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya minta Timbalan Menteri memberi sedikit penjelasan berhubung dengan kriteria bagi seseorang yang hendak menjadi Juruhebah atau Pembaca Berita apakah kerana cantik kalau ianya wanita dan mudah senyum ataupun suaranya begitu lunak seperti buluh perindu. Dan adakah untuk ujian bagi menjadi 'DJ' di Radio Malaysia kita khususnya di banyak stesyen yang saya dengar ada kalanya DJ ini dia bercakap macam orang hampir mabuk. Itu separuh DJnya. Adakah itu satu perkara yang diuji dan ditapisan terlebih dahulu sebelum mereka menjadi DJ dalam RTM kita.

Tuan Railey bin Jaffrey: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan Pembaca Berita di TV umpamanya kalau saya tidak silaplah berdasar pertanyaan

Yang Berhormat, memang kecantikan menjadi satu kriteria. Ini penting, sebab perkara pertama yang akan menarik perhatian umum ialah daripada rupa bentuk atau kecantikan Pembaca Berita itu sendiri. Selain daripada itu memang pentinglah cara penyampaian yang disampaikan oleh Pembaca Berita itu. Maka itu ujian yang menyeluruh serta ujian demi ujian adalah penting untuk menapis sehingga kita mendapat calon yang betul-betul matang dalam penyampaian berita.

Berkenaan dengan Juruhebah atau DJ di RMIK atau RMKT dan sebagainya adalah berlainan daripada Juruhebah atau Pembaca Berita di TV kerana peranan mereka itu adalah bebas. Bebas ertinya bukanlah bererti mereka boleh bercakap perkara yang tidak sopan dan sebagainya tetapi untuk menarik perhatian umum bahawa mereka dibenarkan mengadakan cara mereka yang tersendiri yang boleh menarik perhatian umum.

DOKTOR HOUSEMAN— PELUANG PEKERJAAN

7. Dr Chen Man Hin minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) sama ada peluang-peluang pekerjaan baru kepada Doktor-doktor "houseman" dibekukan, dan juga nyatakan jumlah "houseman" yang akan dibiarkan tanpa perkerjaan selepas mereka tamat "housemanship" di tahun ini; dan
- (b) juga menyatakan langkah-langkah yang telah diambil supaya memastikan doktor-doktor yang perlu dan sesuai diambil atau diberikan pekerjaan memandangkan kekurangan doktor di perkhidmatan perubatan.

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, bagi jawapan:

- (a) Doktor-doktor yang telah menamatkan latihan siswazah mereka (housemanship) akan terus diambil bekerja dan soal membekukan jawatan selepas mereka menamatkan housemanship tidak timbul pada masa ini.
- (b) Kementerian Kesihatan telah dan akan terus mengenal-pasti keperluan tambahan perkhidmatan Pegawai-pegawai Perubatan di negara kita. Permohonan pertambahan jawatan diberikan pertimbangan sewajarnya oleh Kerajaan dari masa ke semasa. Siswazah-siswazah kelulusan Fakulti Perubatan yang telah didaftarkan oleh Majlis Perubatan Malaysia akan dikemukakan kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam untuk ditemuduga dan dilantik di dalam perkhidmatan awam. Pada masa ini sebanyak 4 temuduga diadakan setahun menurut masa yang sesuai dengan tarikh siswazah lulusan perubatan tamat pengajian di universiti-universiti tempatan dan juga di luar negeri.

Dr Chen Man Hin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pada masa Budget yang lalu kita telah dengar daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan berkata bahawa barangkali ada 400 housemen yang tamat housemanship tidak akan dapat kerja pada bulan April atau Mei. Saya ingin tahu sama ada keadaan ini sudah bertukar di mana 400 housemen ini akan diberi kerja apabila masanya sampai dalam satu bulan atau dua bulan ini. Adakah cadangan ini diterima oleh Perbendaharaan atau Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (PSC) ataupun belum?

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya sepanjang tahun ini kita akan memperoleh lebihkurang 550 para doktor yang perlu menjalani housemanship di hospital-hospital Kerajaan dan semuanya akan diambil dan dilantik untuk menjalankan housemanship itu. Baru-baru ini kita telah mendapat kelulusan jawatan yang cukup bagi tujuan itu dan Jabatan Perkhidmatan Awam telah bersetuju.

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa doktor houseman yang berkhidmat di Hospital Besar Kuala Lumpur sangat berkurangan dan mereka ini terpaksa bertugas dalam masa yang sangat panjang sehingga tidak ada masa rehat dan ini memberi akibat yang buruk kepada pesakit-pesakit yang menerima rawatan semasa doktor berkenaan di dalam keletihan dan kelesuan kerana tidak cukup rehat. Apakah langkah yang telah diambil?

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, ini berlaku bukan sahaja di Hospital Besar Kuala Lumpur tetapi juga di beberapa hospital yang lain di mana doktor-doktor terpaksa menjalani kerja biasa mereka disambung dengan kerja "on call", dengan izin, dan mungkin pada beberapa ketika mereka bertugas 30 jam atau lebih berturut-turut. Kita sedang berusaha untuk mengatasi masalah ini dengan mewujudkan lebih banyak lagi jawatan doktor-doktor untuk membolehkan doktor-doktor menjalankan tugas mereka dalam keadaan yang lebih selesa.

EMAS DI KELANTAN— PROJEK CARIGALI

8. Tuan Haji Ibrahim bin Ali minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan apakah Malaysia Mining

Corporation (MMC) dan Pernas yang telah diberi hak oleh Kerajaan Negeri Kelantan menjalankan projek "carigali emas" di Ulu Kelantan telah memulakan operasinya. Jika tidak, bila dan berapakah jumlah pekerja yang diperlukan untuk tujuan tersebut.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Alias bin Md. Ali): Tuan Yang di-Pertua, projek mencarigali emas ini sebenarnya adalah satu usahasama di antara Malaysia Mining Corporation Sdn. Bhd. (MMC) dengan Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK). Buat masa ini kedua-dua belah pihak sedang berusaha untuk menyelesaikan beberapa perkara berhubung dengan masalah-masalah hakmilik tanah serta penyediaan prasarana iaitu infrastruktur di kawasan Pulau di mana projek ini akan dijalankan. Pengeluaran hanya dapat dimulakan sebaik sahaja masalah-masalah tersebut dapat diatasi dan semua kerja pembangunan lombong dijangka dapat diselesaikan dalam tahun ini. Pihak MMC menjangkakan projek ini akan menggunakan kira-kira 93 orang pekerja.

Tuan Haji Hussein bin Haji Taib: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, selain daripada kawasan Ulu Kelantan sebagaimana soalan asal, di manakah tempat-tempat lain dalam negara ini yang dikenalpasti mempunyai emas dan apakah tindakan-tindakan lanjut diambil ke tempat-tempat yang dimaksudkan itu kiranya ada?

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini agak lari daripada soalan asal, tetapi bolehlah saya maklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa selain daripada Kelantan, usaha-usaha carigali juga sedang dijalankan di negeri Pahang

dan juga terdapat deposit emas yang kita ketahui di negeri Perak dan ada juga di negeri Terengganu.

KENAIKAN YURAN PELAJARAN DI UNITED KINGDOM

9. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah pendirian Kerajaan Malaysia mengenai cadangan kenaikan yuran pelajar 7 peratus untuk pelajar-pelajar asing di United Kingdom bagi tahun akademik 1989/1990. Apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan untuk membantu pelajar-pelajar Malaysia yang terlibat oleh kenaikan itu yang berada dalam keadaan susah.

Timbalan Menteri Pendidikan (Dr Leo Michael Toyad): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mengenai syor University Grant Council, United Kingdom supaya yuran pengajian di universiti-universiti di United Kingdom dinaikkan paling minimanya 7% adalah sesuatu yang mendukacitakan, memandangkan ianya melibatkan pelajar-pelajar Malaysia yang sedang menuntut atau yang akan pergi ke United Kingdom. Bagaimanapun satu hakikat yang mesti kita terima ialah keputusan menaikkan yuran pengajian oleh negara-negara asing ini adalah hak mutlak negara-negara berkenaan untuk berbuat sedemikian. Dari pengalaman yang lepas, adalah sangat sukar bagi Kerajaan Malaysia untuk meminta negara-negara berkenaan mengubah keputusan mereka memandangkan mereka mempunyai alasan untuk menaikkan yuran pengajian.

Bagi negara United Kingdom, yuran pengajian dinaikkan pada tiap-tiap tahun selaras dengan kenaikan perbelanjaan institusi pengajian dan inflasi dalam kos perbelanjaan di sesebuah institusi itu terutamanya

dalam kenaikan gaji kakitangan akademik. Kenaikan yang dialami pada tiap-tiap tahun ialah di antara 4% hingga 15%.

Pelajar-pelajar yang memilih untuk melanjutkan pengajian di United Kingdom sepatutnya telah mengetahui mengenai trend kenaikan yuran pengajian di negara tersebut dan mereka sepatutnya telah bersedia untuk menanggung beban kewangan akibat dari kenaikan yuran pengajian yang berlaku setiap tahun.

Mengenai bantuan Kerajaan kepada pelajar-pelajar yang terlibat dengan kenaikan yuran pengajian tersebut dimaklumkan Kerajaan pada masa ini tidak dapat memberi apa-apa bantuan kewangan oleh kerana keadaan kewangan negara yang tidak mengizinkan. Seperti yang pernah Kementerian syorkan, pelajar-pelajar yang tidak lagi mampu menanggung beban kenaikan yuran pengajian dan kos belanja hidup di United Kingdom patutlah bertukar ke universiti-universiti di negara lain yang yuran pengajian dan belanja hidup lebih murah.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri memandangkan kepada jawapan yang telah diberikan tadi, sama ada Kerajaan bercadang untuk menubuhkan satu tabung khas di mana syarikat-syarikat British yang telah melabur di negara kita boleh memberi sumbangan kepada tabung khas itu ataupun menderma kepada tabung khas itu agar tabung ini dapat digunakan untuk membantu para pelajar Malaysia yang terlibat dalam kenaikan yuran pelajaran di United Kingdom?

Dr Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat bahawa bantuan-bantuan

yang telah diberi melalui tabung pinjaman dari Kerajaan kepada penuntut-penuntut kita di luar negeri termasuk di Australia dan juga United Kingdom telahpun dijalankan dan setakat ini kira-kira lebih dari 400 orang pelajar di Australia dan United Kingdom telah mengambil kesempatan ini setakat sehingga 1hb September, 1986 dan termasuk juga pelajar-pelajar yang telah terlibat dalam kenaikan yuran di Australia.

Mengenai tabung pinjaman itu, untuk penuntut kita di luar negeri, khususnya di United Kingdom, bantuan dan kewangan biasiswa yang ditawarkan oleh pihak-pihak swasta atau yang tertentu adalah kebanyakannya khusus untuk lepasan ijazah sahaja terutama dalam bidang-bidang penyelidikan.

Dr Chen Man Hin: Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri itu sedar bahawa penuntut-penuntut dari negara-negara Eropah telah diberi layanan khas daripada United Kingdom dan penuntut-penuntut itu membayar yuran yang sama dengan penuntut-penuntut dari United Kingdom, oleh sebab negara-negara Eropah adalah menjadi ahli-ahli dalam satu Pertubuhan iaitu E.E.C. Bolehkah Timbalan Menteri, apabila ada peluang, pada masa akan datang iaitu di Mesyuarat Komanwel, membuat satu cadangan oleh sebab United Kingdom dan Malaysia adalah anggota dalam Komanwel, supaya United Kingdom beri satu subsidi atau satu layanan yang khas sama dengan apa yang diberi kepada negara-negara di Eropah?

Dr Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, cadangan Ahli Yang Berhormat itu adalah diambil perhatian dan Kerajaan memang terus berusaha mencari cara untuk mengatasi masalah ini untuk pelajar kita di luar negeri.

**SYARIKAT ANTAH-BIWATER—
PROJEK BEKALAN AIR DI
SABAH**

10. Tuan Maidom bin Pansai minta Menteri Kerjaraya menyatakan tentang prestasi kerja-kerja pelaksanaan Projek Bekalan Air di Sabah oleh Syarikat Antah Biwater J.V. Sdn. Bhd.

Timbalan Menteri Kerjaraya (Tuan Osu bin Haji Sukam): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di negeri Sabah terdapat 10 skim bekalan air luar bandar yang akan dilaksanakan oleh Antah-Biwater. Setakat ini sebanyak 4 skim telah pun dikeluarkan surat arahan untuk memulakan kerja dan daripada jumlah itu 2 skim telah pun memulakan kerja-kerja pembinaan, iaitu 1 skim di Keningau dan 1 lagi di Beaufort, manakala lain-lain skim masih lagi dalam peringkat rekabentuk.

Tuan Nurnikman bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berkenaan dengan projek bekalan air di Sabah yang dikendalikan oleh Syarikat Antah-Biwater Sendirian Berhad ini saya ingin tahu berapakah jumlah wang yang digunakan untuk pelaksanaan projek ini.

Kedua, setakat ini di mana kita ketahui 2 projek sudah bermula. Saya ingin tahu dalam apa peringkatkah kemajuan pelaksanaan projek air tersebut.

Tuan Osu bin Haji Sukam: Tuan Yang di-Pertua, jumlah kos 10 skim yang akan dilaksanakan oleh Antah-Biwater di negeri Sabah ialah \$149,312,700.19.

Mengenai kemajuan yang telah dicapai di dua skim yang sedang dalam pelaksanaan sekarang, iaitu skim Keningau dan Beaufort kerja-kerja telah pun ditawarkan kepada syarikat-syarikat yang berjaya untuk melaksanakan projek ini.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Tuan Yang di-Pertua, kita semua tahu bahawa perjanjian di antara Syarikat Antah-Biwater dengan Kerajaan telah ditandatangani lebih kurang hampir dua tahun yang lepas. Selain daripada masalah yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat dari Sabah sebentar tadi berkenaan pelaksanaan projek bekalan air di Sabah, saya ingin tahu apakah masalah yang belum dapat diatasi oleh syarikat tersebut sehinggakan pelaksanaan projek pembekalan air di seluruh negara masih lagi belum dilaksanakan oleh syarikat tersebut.

Tuan Osu bin Haji Sukam: Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan bahawa tidak ada masalah yang khusus yang dihadapi oleh Syarikat Antah-Biwater, cuma pelaksanaannya dibuat mengikut keutamaan yang dikemukakan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri.

HAKISAN PANTAI

11. Tuan Zubir bin Embong minta Perdana Menteri menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk mengatasi masalah hakisan pantai terutama di Pantai Timur. Setakat ini berapakah jumlah wang yang dibelanjakan untuk tujuan tersebut.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Othman bin Abdul): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat bahawa Kerajaan telah menyediakan satu rancangan jangka panjang untuk mengatasi masalah hakisan pantai di seluruh Malaysia. Di bawah Rancangan Malaysia Kelima peruntukan akan diperolehi bagi kerja-kerja kawalan hakisan pantai di kawasan-kawasan yang mengalami masalah ini untuk membina benteng-benteng di tepi pantai berkenaan.

Kerajaan juga telah membuat satu kajian, iaitu yang dinamakan Kajian Hakisan Pantai Negara (National

Coastal Erosion Study) yang dijalankan dalam tahun 1985, telah menentukan 49 kawasan pantai yang mengalami hakisan yang kritikal sepanjang 140 km termasuklah 7 kawasan di Pantai Timur, iaitu Pantai Cinta Berahi dan Pantai Sabak di Kelantan, Pantai Kuala Terengganu ke Kuala Ibai, Pantai Cendering Selatan dan Pantai Dungun Selatan di Terengganu dan Pantai Hiburan Utara bagi negeri Pahang. Di samping itu, Kerajaan juga telah melaksanakan beberapa projek untuk mengawal kawasan-kawasan pantai di Malaysia mengenai hakisan. Salah satu projek yang sedang dijalankan ialah kawasan Chendering di Terengganu yang melibatkan perbelanjaan sebanyak \$5.2 juta. Sehingga ini jumlah wang yang telah dibelanjakan untuk projek-projek kawalan hakisan pantai di negara kita adalah berjumlah sebanyak \$17.24 juta.

Dato' Dr Affudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adalah menjadi satu kenyataan bahawa berlainan pantai memerlukan berlainan cara untuk mencegah hakisan yang berlaku. Soalan saya ialah adalah didapati satu sistem di negara ini yang mana boleh digunakan untuk mencegah hakisan di semua jenis pantai secara efisien dan secara ekonomik. Jika ada, adakah sistem ini dipakai di mana-mana pantai di antara 49 pantai yang disebut oleh Yang Berhormat tadi?

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat bahawa kawasan-kawasan yang kita kawal ialah kawasan-kawasan yang telah dihakis di mana terdapat kemudahan-kemudahan perumahan, jalan raya dan lain-lain bentuk kemudahan di tepi pantai. Satu bentuk kawalan yang didapati dalam kajian ini yang akan dibuat menurut kajian yang telah pun dibentangkan kepada Kerajaan ialah dengan membina benteng-benteng ini sahaja.

Kita tidak dapat untuk mengawal dengan lain-lain cara yang berkesan mengenai hakisan ini yang adalah sebagai salah satu daripada unsur alam yang sukar hendak dikawal. Jadi cadangannya ialah untuk membina benteng-benteng di tepi pantai bagi semua kawasan yang dijangkakan akan mengalami proses hakisan dan yang telah pun dihakis oleh ombak.

Tuan Hashim bin Safin: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen telah menjelaskan bahawa sejumlah tertentu dikhaskan untuk mengawal hakisan dan memperbaiki hakisan pantai dan disebut tadi satu pantai di Kelantan bernama Pantai Cinta Berahi. Apakah Kerajaan setelah memperbaiki dan memperelokkan pantai itu tidak boleh mencadangkan supaya nama itu dipinda kerana perkataan "Berahi" itu agak kurang baik. Setelah kita belanjakan wang yang banyak, bolehkah dicadangkan tukar nama daripada "Cinta Berahi" kepada lain-lain yang lebih sesuai.

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, ini bergantunglah kepada Kerajaan Negeri untuk menukar nama Pantai Cinta Berahi. Bagi pihak Jabatan Perdana Menteri, kita tidak ada sebarang masalah jika sekiranya Kerajaan Negeri bersetuju untuk meminda nama-nama di dalam negeri masing-masing.

PENGANGGURAN PARA REMAJA

12. Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan apakah rancangan-rancangan oleh Kementerian Belia dan Sukan terhadap para remaja lepasan sekolah yang sedang menganggur.

Menteri Belia dan Sukan (Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak): Tuan Yang di-Pertua, dalam mengatasi masalah pengangguran di

kalangan para remaja lepasan sekolah, Kementerian Belia dan Sukan sedang dan telah mengambil berbagai langkah, antaranya melatih belia dalam berbagai bidang iaitu kemahiran, keusahawanan dan kepimpinan.

Dalam bidang kemahiran, program latihan vokasional dan teknikal diberi perhatian. Latihan berbentuk institusi dijalankan di Pusat-pusat Latihan Belia Dusun Tua, Pertak dan Terengganu. Manakala yang bukan berbentuk institusi dijalankan secara tidak formal dengan kerjasama pertubuhan-pertubuhan belia dan swasta. Program yang terangkum dalam latihan yang bukan berinstitusi ialah Latihan Sambil Bekerja, Latihan Kemahiran Tidak Formal dan Bengkel Teknologi Desa.

Dalam bidang keusahawanan, Kementerian juga sentiasa memberi dorongan dan galakan kepada belia untuk berniaga. Kursus-kursus seperti Dorongan Keusahawanan, Motivasi Perniagaan, Melahir dan Membina Usahawan, pinjaman perniagaan seperti Rancangan Belia Berniaga dan Rancangan Peniaga Kecil juga disediakan kepada para belia yang mempunyai keyakinan penuh untuk menjalankan perniagaan.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat tahu dari Yang Berhormat Menteri mengenai dengan program kemahiran, usahawan dan kepimpinan yang telah dijalankan selama ini. Berapa ramai yang sudah dilatih dan berapa ramai yang sudah mempunyai pekerjaan ataupun perniagaan daripada hasil-hasil usaha yang telah dijalankan oleh Kementerian dan begitu juga sejauh manakah bilangan belia-belia yang sudah dapat berdikari melalui program belia berniaga kerana mengikut apa yang saya tahu peruntukan yang diwujudkan oleh Kementerian Belia

dan Sukan begitu terhad seperti dalam Supplementary Bill semalam pun sebanyak \$3 juta. Jadi, melihat kepada keseluruhan masalah pengangguran dan belia-belia lepasan sekolah ini sudah barang tentu sukar untuk Kementerian mengatasi masalah-masalah yang begini besar. Oleh itu, sukalah saya mendapat penjelasan dari Yang Berhormat Menteri secara yang objektif yang boleh kita menampakkan hasil-hasil usaha yang telah dibuat selama ini.

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, maklumat yang diperlukan oleh Ahli Yang Berhormat itu memang ada pada pihak Kementerian, tetapi saya memerlukan notis.

Pada dasarnya memang benar masalah pengangguran ini agaknya besar, tetapi ianya perlu dilihat dari segi dua pendekatan iaitu pertama, perkembangan ekonomi di peringkat mikro yang pesat lagi dan tidak mungkin Kerajaan dapat menampung segala keperluan untuk mengatasi masalah pengangguran ini dan kedua ialah untuk menambahkan peruntukan dari segi kewangan kalau keadaan ekonomi negara mengizinkan.

DOKTOR PAKAR— KEKURANGAN

13. Tuan S. S. Subramaniam minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah Kementerianya mengakui apa yang telah dikatakan oleh Prof. Mohd. Roslani bin Majid dari USM Medical School bahawa negara kita tidak mempunyai doktor-doktor pakar dengan mencukupi dan langkah yang sedang diambil oleh Kerajaan tidak boleh menyelesaikan masalah ini hingga tahun 1995. Adakah Kerajaan sedar berkaitan dengan masalah ini dan sebab apakah Kerajaan tidak mengambil langkah-langkah yang lebih positif hingga masa kini untuk menyelesaikan masalah kepakaran ini.

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan Malaysia memang menghadapi kekurangan doktor-doktor pakar dalam beberapa bidang seperti Anaesthesia, ENT, Ortopidik, Pathologi dan sebagainya. Keadaan dalam bidang-bidang lain adalah bertambah baik.

Walau bagaimanapun, Kementerian di dalam perancangannya, telah dan sedang mengambil langkah-langkah bagi mengatasi masalah kekurangan doktor pakar. Ini termasuklah mengadakan skim latihan di dalam dan di luar negeri dalam kursus-kursus ijazah lanjutan dan latihan "inservice", untuk meningkatkan prestasi dan kemahiran kedua-dua universiti tempatan, Universiti Malaya dan juga Universiti Kebangsaan juga sedang menjalankan latihan "post graduate" dalam beberapa bidang perubatan. Adalah diharapkan bahawa peluang-peluang ini akan dapat diperluaskan, termasuk di Universiti Sains Malaysia juga pada masa akan datang.

Kementerian Kesihatan juga telah mengadakan beberapa insentif secara kenaikan pangkat dan kemudahan semasa bekerja untuk menggalakkan doktor-doktor dan pakar-pakar kekal dengan perkhidmatan Kerajaan.

Di samping itu, Kerajaan juga mengambil pakar-pakar perubatan asing secara kontrak bagi menambahkan bilangan pakar-pakar di negara ini sementara rakyat kita dilatih.

Tuan Chen Man Hin: Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar banyak graduan-graduan dari universiti tempatan tidak ada peluang untuk jadi doktor pakar. Sungguhpun beliau sedar, ada pakar-pakar untuk beberapa disiplin. Saya ingat dalam negara kita sungguhpun ada beberapa sekolah perubatan seperti Universiti

Sains, Universiti Malaya dan Universiti Kebangsaan, tetapi tidak ada satu post graduate school, dengan izin, sehingga sekarang, tidak ada rancangan, tidak ada pelan dan tidak ada direction. Oleh sebab itu saya ingat tidak ada satu rancangan atau study-plan untuk graduan kita dari universiti tempatan. Kita sangat kurang specialist sekarang.

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, walaupun tidak ada satu Jabatan di universiti-universiti tempatan untuk menjalankan latihan ijazah lanjutan atau post graduate dalam bidang perubatan, universiti-universiti tempatan, khususnya Universiti Kebangsaan Malaysia dan Universiti Malaya, sedang menjalankan beberapa kursus dengan cara yang berkesan. Di Universiti Kebangsaan Malaysia umpamanya dijalankan kursus-kursus post graduate di dalam bidang perubatan Paediatrics, Surgery Am, Perbidanan dan Sakitpuan, Bius, Telinga, Hidung dan Tekak atau ENT, Surgery Opthamology, Surgery Ortopidik dan Psychiatric dan Perubatan Radiology. Di Universiti Malaya pula terdapat Perubatan Penyakit Lelah, Paediatrics, Perbidanan dan Sakitpuan, Bius, Perubatan Saikology, Kaji Penyakit atau Pathology, Kesihatan Awam dan sebagainya. Jadi, usaha-usaha sedang dijalankan dan saya tidak syak bahawa dalam masa akan datang usaha ini akan dapat tempat dan peranan yang kukuh di universiti-universiti tempatan juga.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 14 hingga 39 adalah diberi di bawah ini).

LATIHAN AMALI DI UNIVERSITI TEMPATAN

14. Tuan Mohamed Sam bin Haji Sailan minta Menteri Pendidikan

menyatakan sama ada beliau bersetuju dengan rancangan mengadakan sistem "Latihan Amali" bagi semua bidang pengajian di Universiti Malaya yang baru-baru ini diumumkan oleh Timbalan Canselor Universiti tersebut. Kiranya rancangan ini merupakan satu rancangan yang baik terutamanya pendedahan di syarikat-syarikat swasta kepada pelajar Universiti, adakah "filasafah" ini akan juga dikenalkan kepada universiti-universiti lain dalam negara.

Dr Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat sistem "Latihan Amali" yang dijalankan memberi pendedahan pelajar-pelajar kepada alam pekerjaan dan sistem ini akan melibatkan semua pelajar-pelajar di universiti-universiti tempatan.

RANCANGAN KESBAN

15. Dato' Dr Affifuddin bin Haji Omar minta Perdana Menteri menyatakan sejauh manakah konsep pertahanan "non-military" yang pada masa ini diwujudkan di dalam bentuk KESBAN, diimplementasikan. Adakah strategi kependudukan di kampung-kampung terkawal (strategi hamlet), dijalankan mengikut usaha sepadu yakni ianya diletakkan di bawah satu badan penyenggaraan sahaja.

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Konsep penggabungan unsur-unsur keselamatan dan pembangunan (KESBAN) dalam rancangan pembangunan dan pertahanan negara sudah wujud sekian lama. Namun begitu perhatian serta pelaksanaan yang khusus rancangan KESBAN di kawasan tertentu yang dikenalpasti di sempadan Malaysia-Thailand telah mula dilaksanakan dalam tahun 1982 sehingga masa kini. Rancangan ini yang merupakan pembangunan secara besar-besaran di kawasan sempadan Malaysia-Thailand

melibatkan pembukaan tanah bagi penempatan penduduk serta pertanian; menyediakan kemudahan-kemudahan asas serta infrastruktur; dan juga menambahkan peluang bagi pembangunan ekonomi serta perusahaan dan perdagangan. Usaha-usaha pembangunan KESBAN ini diselaraskan melalui Jawatankuasa-jawatankuasa KESBAN di peringkat negeri hingga ke peringkat persekutuan dari aspek perancangan penentuan projek dan pengawasan. Walau bagaimanapun rancangan pembangunan KESBAN dilaksanakan oleh agensi-agensi pembangunan yang sedia ada seperti FELDA, FELCRA, RISDA, KEDA, JKR dan sebagainya.

PELABURAN ARAB

16. Tuan Muhamad Subky bin Haji Abdul Raof minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan hasil daripada persidangan pelaburan Malaysia—Arab pada bulan November, 1987 yang lalu, berapakah jumlah pelaburan yang diperbagaikan oleh pelabur-pelabur Arab ke Negara ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian (Tuan M. G. Pandithan): Soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat itu adalah lebih kurang sama dengan soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad dan jawapannya telah pun diberikan pada 15hb Mac, 1988.

SEKOLAH RENDAH JENIS KEBANGSAAN (C) SALAK SOUTH—BILIK DARJAH

17. Tuan Liew Ah Kim minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada Kerajaan akan memulakan projek pembinaan 18 bilik darjah baru untuk Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina Salak South memandangkan projek tersebut telah dijanjikan oleh

Kerajaan pada tahun 1983 tetapi masih belum dilaksanakan; jika ya, bila; jika tidak, mengapa.

Dr Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek gantian pembinaan 18 buah bilik darjah baru dan lain-lain kemudahan untuk Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) Salak South, Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur akan dimulakan pada tahun ini. Buat masa ini pihak Jabatan Kerjaraya sedang melaksanakan kerja-kerja ukur dan penyiasatan tanah.

MUSUH TANAMAN PADI

18. Tuan Haji Mohamed bin Yaacob minta Menteri Pertanian menyatakan apakah tindakan Kementerian ini untuk mengatasi musuh-musuh tanaman padi:

- (i) Tikus;
- (ii) Kesing Kura;
- (iii) Kesing Rangas;

yang mana ketiga-tiga musuh ini selalu memusnahkan padi-padi petani kita.

Timbalan Menteri Pertanian (Dato' Alexander Yu Lung Lee): Tindakan-tindakan Kementerian Pertanian untuk mengatasi musuh tanaman padi ialah seperti berikut:

1. Masalah Tikus

Serangan tikus di sawah merupakan satu masalah yang dihadapi oleh pesawah-pesawah setiap tahun. Kawasan-kawasan yang sering diserang oleh perosak ini ialah di Krian, Kelantan dan Tg. Karang. Beberapa program untuk mengatasi masalah tikus telah dijalankan oleh Kementerian Pertanian, seperti Program Kawalan Tikus Secara Bersepadu di mana racun-racun diberi kepada pesawah-pesawah di mana perbelanjaan sebenar

pada tahun 1987 ialah \$279,000.00. Satu lagi program yang dijalankan ialah Program Demonstrasi Bersepadu di mana pesawah-pesawah diajar teknik-teknik mengumpukan dan Kempen Pengawalan Tikus untuk menyedarkan pesawah-pesawah tentang kepentingan kawalan tikus di sawah.

2. Masalah Kesing Kura dan Kesing Rangas

Kesing kura atau kutu beruang menyebabkan kerosakan tanaman padi dengan menghisap "sap" pokok padi yang akan menjadi layu, kering dan mati. Semua peringkat padi boleh diserangi oleh perosak ini. Kesing rangas atau pianggang menyerang buah padi pada peringkat bersusu dan menyebabkan padi menjadi hampa.

Di antara tindakan-tindakan kawalan yang dijalankan oleh Kementerian Pertanian ialah mempertingkatkan kerja-kerja pengawasan dan ramalan, memberi penerangan dan tunjuk ajar melalui sistem 2L, memberi bantuan bahan-bahan input kawalan kepada petani-petani, mengumpul dan mengawasi petani-petani dalam operasi kawalan, menjalankan kerja-kerja susulan dan penilaian serta menjalankan latihan mengenai pendekatan Pengurusan Perosak Bersepadu. Kos bantuan untuk tahun 1987 kepada kawalan serangan merebak ialah \$400,000.00.

Anggaran hasil padi yang dapat diselamatkan melalui kawalan ke atas ketiga-tiga makhluk perosak tanaman padi ialah berjumlah 28,600 tan metrik padi yang bernilai \$17.7 juta.

**JALAN RAYA RANTAU
PANJANG—PASIR MAS**

19. Tuan Haji Mohamed bin Yaacob minta Menteri Kerjaraya menyatakan adakah beliau sedar bahawa Lebuhraya Rantau Panjang—Pasir Mas menjadi batasan air yang kuat hingga kawasan sebelah atas selalu ditenggelami air setiap tahun, adakah Kementerian ini bercadang:

- (i) membuat jambatan; dan
- (ii) atau membuat kalbot.

Tuan Osu bin Haji Sukam: Kerajaan memang sedar berlakunya banjir akibat daripada pembinaan jalan raya Rantau Panjang—Pasir Mas. Setakat ini saya telah difahamkan bahawa Jabatan Kerjaraya Negeri Kelantan akan membina 3 baris pembentong kotak (Box Culvert) yang berukuran 6 x 6 kaki. Perkara ini sedang dalam tindakan Jabatan Kerjaraya Negeri Kelantan.

PASUKAN UDARA KHAS

20. Tuan Gerard Math Lee Min minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (i) berapakah jumlah peruntukan kepada Kementerian Yang Berhormat untuk membeli kapal terbang bagi menambahkan ketahanan pasukan udara khas yang mengawal sepanjang pantai di Malaysia;
- (ii) setakat ini berapakah kapal terbang yang dikhaskan kepada unit pasukan udara tersebut;
- (iii) berapakah buah pula yang ditempatkan di Sabah; dan
- (iv) setakat ini, sejauh manakah kejayaan yang telah dicapai dalam membanteras bot nelayan asing yang menceroahi perairan Malaysia secara haram.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah Rancangan Malaysia Kelima, sejumlah \$26 juta telah diperuntukkan bagi tujuan pembelian pesawat untuk kegunaan Unit Udara Polis. Sehingga kini unit tersebut telah memiliki 11 buah pesawat kepak kaku dari jenis Pelatus dan Cessna.

Setakat ini tiada pesawat yang ditempatkan secara khusus di Sabah tetapi sukalah saya memaklumkan Ahli Yang Berhormat bahawa terdapat 5 buah pesawat ditempatkan di Miri untuk tujuan operasi di Sabah serta Sarawak. Dengan adanya rondaan di udara serta laut di sepanjang pantai perairan negara, banyak kejayaan telah dicapai dalam usaha membanteras pencerobohan nelayan asing. Di sepanjang tahun 1987 sebanyak 26 bot nelayan asing serta 138 kakitangannya telah ditangkap. Sehingga 1-3-1988 pula, sebanyak 8 buah bot nelayan asing serta 38 kakitangannya telah ditangkap. Kejayaan ini sebahagiannya adalah hasil dari maklumat yang diberi oleh Unit Udara kepada Cawangan Merin Polis.

PEMIMPIN PAS DI BAWAH ISA

21. Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bahawa dalam keterangan khasnya di Dewan Rakyat ini selepas penangkapan beramai-ramai di bawah ISA, Menteri berkenaan telah menjelaskan bahawa antara sebab-sebab pemimpin dan penyokong PAS ditahan ialah kerana kegiatan yang boleh menimbulkan ketegangan antara penganut agama yang berlainan di negara ini. Sedarkah Yang Berhormat Menteri berkenaan bahawa dalam tuduhan-tuduhan terhadap tahanan dari PAS itu tidak pun menyentuh perkara yang dibangkitkan oleh Menteri itu. Setujukah beliau bahawa

kenyataannya di Dewan Rakyat bercanggah dengan tuduhan yang dikemukakan.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Dalam kenyataan khas di Parlimen pada 28 Oktober 1987, Yang Amat Berhormat Menteri Dalam Negeri telah membuat kenyataan mengenai PAS secara umum dan bukan merupakan butir-butir pertuduhan terhadap individu-individu yang ditangkap dan kemudiannya dikenakan Perintah Tahanan. Butir-butir pertuduhan di antara individu dengan individu yang lain tidak semestinya sama dan bergantung kepada hasil siasatan yang dibuat oleh pihak Polis.

GURU-GURU CINA— KENAIKAN PANGKAT

22. Tuan Cheng Heng Kai minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah keputusan yang tercapai oleh Jawatankuasa 5 orang terhadap masalah kenaikan pangkat guru-guru yang tidak berkelayakan dalam bahasa ibunda di SRJK (C) dan SRJK (T) dan setakat 31-1-1988 masih ada beberapa guru-guru tersebut memegang jawatan-jawatan yang berkenaan.

Dr Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, isu penempatan guru-guru Cina yang tidak mempunyai kelayakan bahasa Mandarin ke jawatan kenaikan pangkat di SRJK (C) telah pun diselesaikan.

PEGAWAI GUNASAMA PERSEKUTUAN

23. Tuan Mohamad bin Abdullah minta Perdana Menteri menyatakan adakah Kerajaan sedar di atas beban kerja yang dijalankan oleh Pegawai-pegawai Gunasama Persekutuan di

Kementerian-kementerian, Negeri-negeri dan Daerah-daerah yang berkenaan adalah berbeza. Di mana keseluruhannya beban kerja di peringkat Negeri dan Daerah adalah lebih daripada Kementerian-kementerian. Kalau sedar apakah tindakan-tindakan yang telah dijalankan bagi mengatasi perkara ini. Kalau tidak adakah Kerajaan bercadang untuk mengkaji semula mengenai penempatan pegawai-pegawai tersebut mengikut bidang dan beban kerja yang sebenar.

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Kerajaan sedar di atas perbezaan beban kerja di kalangan anggota perkhidmatan awam. Oleh sebab itulah, maka Kerajaan sentiasa mengkaji kedudukan kepegawaian di agensi-agensinya di semua peringkat dari semasa ke semasa dan mengubahsuaikannya mengikut keperluan. Prinsip ini adalah terpakai kepada pegawai-pegawai gunasama dan juga kepada pegawai-pegawai bukan gunasama.

PENGANGGURAN SISWAZAH/ SEKOLAH MENENGAH

24. Tuan Basri bin Bajuri minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa salah satu sebab berlakunya pengangguran terutamanya di kalangan lulusan sekolah menengah dan siswazah adalah kerana kurangnya pendedahan dan kesedaran mereka terhadap alam dan peluang perniagaan dan perusahaan, jika ya:

- (i) apakah langkah yang telah, sedang atau akan diambil oleh Kementerian menuju ke arah tersebut;
- (ii) adakah Kementerian merancang untuk bekerjasama dengan Kementerian lain dalam mengatasi masalah tersebut; dan

- (iii) adakah Kementerian Pendidikan dengan kerjasama Kementerian lain bercadang untuk memberi kursus intensif keusahawanan kepada siswazah-siswazah merdeka (manganggur).

Dr. Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan sentiasa berikhtiar dan mengambil langkah-langkah menambah pendedahan pelajar-pelajar kepada alam peluang perusahaan dan perniagaan.

- (i) Langkah-langkah yang diambil termasuklah:

- (a) Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) digubal dan dirancang ke arah membentuk manusia, yang antara lain, mempunyai keupayaan mencapai kesejahteraan diri. Di samping memberi penekanan terhadap pengetahuan dan kemahiran, tiap-tiap pelajar akan juga dipupuk dengan nilai dan sikap yang membolehkan mereka menjadi warga-negara yang mampu berdikari.
- (b) Langkah-langkah juga telah dan sedang diambil untuk memasukkan unsur pendidikan perdagangan dan keusahawanan serta kemahiran manipulatif ke dalam kurikulum sekolah biasa selain daripada Sekolah Menengah Vokasional dan Teknik. Tumpuan pengajarannya ialah kepada kemahiran menjalankan kerja buat sendiri yang mudah, menggunakan daya usaha

dan peluang yang ada, kesedaran tentang bidang-bidang keusahawanan yang boleh diteroka dan asas pengetahuan pengurusan perdagangan. Bagi peringkat sekolah rendah, pengenalan unsur seperti itu sedang dicuba di beberapa buah sekolah.

- (c) Di peringkat pendidikan tinggi, Kerajaan telah mengambil berbagai langkah untuk menanam sikap dan semangat berdikari di kalangan siswazah-siswazah dan memberikan latihan asas keusahawanan dengan harapan mereka boleh menceburkan diri dalam perniagaan secara kecil-kecilan.

Sebagai langkah jangka panjang, universiti-universiti tempatan telah diminta menyesuaikan kurikulum kursus-kursus yang ditawarkan agar dapat melahirkan siswazah yang dapat berdikari.

- (ii) Usaha-usaha ini memanglah merupakan usaha bersama di antara Kementerian/Jabatan berkenaan, iaitu seperti Kementerian Pendidikan, Jabatan Perkhidmatan Awam, Jabatan Hasil Dalam Negeri, Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Kewangan dan juga universiti serta institusi-institusi latihan tempatan.
- (iii) Pada masa ini, kursus-kursus intensif keusahawanan memang ada dijalankan di institusi-institusi latihan seperti Pusat Daya Pengeluaran Negara dan juga ITM.

JENAYAH DI SABAH

25. Tuan Samson Chin Chee Tsu minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) mengapakah lebih 65 peratus daripada kegiatan jenayah berat di negeri Sabah dilakukan oleh orang asing; dan
- (b) langkah-langkah sewajarnya yang telah diambil untuk mengurangkan kegiatan jenayah ini.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Adalah tidak benar bahawa 65% kes jenayah yang berlaku di Sabah adalah dilakukan oleh orang-orang asing.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dari sejumlah 4,465 kes jenayah yang dilaporkan dalam tahun 1986, hanya 25 kes atau 0.55% sahaja yang dilakukan oleh orang asing. Manakala bagi tahun 1987 pula, dari sejumlah 4,696 kes jenayah yang dilaporkan hanya 264 kes atau 4.88% sahaja yang dilakukan oleh mereka.

Antara langkah-langkah yang telah diambil untuk mengawal aktiviti jenayah di Sabah ialah:

- (i) meningkatkan rondaan kawasan yang seringkali berlakunya jenayah;
- (ii) membuat pemeriksaan mengejut di tempat-tempat yang disyaki menjadi sarang penjenayah;
- (iii) mengadakan operasi khas dari masa ke semasa di kawasan yang tinggi kadar jenayah;
- (iv) melakukan serbuan di tempat-tempat yang diketahui menjadi perlindungan jenayah; dan
- (v) mendapatkan kerjasama orang ramai dengan mempamerkan gambar-gambar penjenayah di balai

polis serta akhbar-akhbar dengan tujuan supaya orang ramai mengenali mereka dan seterusnya memberi maklumat mengenai penjenayah-penjenayah tersebut.

JARUM SUNTIKAN

26. Tuan Hsing Yin Shean minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada Kementerian beliau sedar bahawa hospital-hospital di negara ini terutamanya Sabah menggunakan kembali jarum-jarum yang sepatutnya dibuang setelah digunakan sekali. Mengapakah perkara ini terjadi. Dan sama ada beliau bersetuju dengan arahan pengeluar-pengeluar (manufacturers) supaya jarum-jarum tersebut dibuang setelah digunakan. Memandangkan kuman-kuman penyakit seperti Hepatitis B, AIDS dan lain-lain tidak boleh dihapuskan dengan cara "sterilization", adakah Kementerian beliau akan menasihatkan hospital-hospital di seluruh negara untuk tidak menggunakan kembali jarum-jarum yang telah dipakai; jika tiada, mengapa.

Dato' K. Pathmanaban: Terdapat dua (2) jenis jarum suntikan yang sedang digunakan di hospital Kerajaan di seluruh negara termasuk negeri Sabah. Satu jenis ialah jarum "non-disposable" yang boleh digunakan beberapa kali dengan syarat jarum ini di "sterilize"kan selepas setiap kali penggunaannya.

Jenis yang satu lagi ialah "disposable" dan ianya digunakan hanya sekali sahaja dibuang setelah digunakan.

Kementerian Kesihatan telah pun mengambil tindakan secara berperingkat-peringkat untuk memberhentikan kegunaan jarum "non-disposable" dan digantikan dengan jarum jenis "disposable".

Untuk makluman Yang Berhormat, kuman penyakit Hepatitis "B" dan AIDS boleh dihapuskan dengan cara "sterilization" seperti yang dipraktikkan di semua hospital Kerajaan.

TABUNG PINJAMAN PELAJAR MALAYSIA DI AUSTRALIA

27. **Tuan Chua Jui Meng** minta Menteri Pendidikan menyatakan untuk tabung wang pinjaman sebanyak \$250,000.00 bagi pelajar-pelajar Malaysia di Australia (yang diluluskan oleh Kementerian Pendidikan pada tahun 1987) berapakah pelajar Malaysia yang memohon, berapakah bilangan pinjaman yang diluluskan dan jumlah pinjaman yang diluluskan.

Dr Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah pelajar yang telah membuat permohonan pinjaman kewangan dari Tabung Pinjaman untuk pelajar-pelajar Malaysia di Australia sehingga bulan Disember 1987 ialah seramai 20 orang. Jumlah pelajar yang diluluskan pinjaman ialah 18 orang. Jumlah pinjaman yang diluluskan ialah \$36,786.35.

PELABURAN ASING

28. **Tuan Mohamad Yussof bin Haji Abdul Latib** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menerangkan mengenai pelaburan modal luar. Benarkah syarat/peraturan Kementerian berkenaan yang terlalu ketat dan rumit menyebabkan timbul kelembapan pelaburan luar negeri di negara ini dan setengah-setengah pelabur memindahkan pelaburan ke negara-negara jiran. Sejauh manakah pelabur-pelabur Asia Barat ingin membuat pelaburan di sini.

Tuan M. G. Pandithan: Ingin saya memaklumkan kepada Yang Berhormat bahawa kedudukan

pelaburan asing di negara kita adalah memuaskan. Jumlah pelaburan ekuiti asing dalam projek-projek di sektor perkilangan dan perhotelan yang diluluskan telah bertambah dari tahun ke setahun. Kedudukan bagi tahun 1983 hingga 1987 adalah seperti berikut:

Tahun	Jumlah Ekuiti Asing (\$M juta)
1983	329.1
1984	332.1
1985	361.3
1986	528.4
1987	757.8
Jumlah ..	2308.7

Adalah tidak benar bahawa Kementerian ini telah mengenakan syarat/peraturan yang terlalu ketat kepada pelabur-pelabur asing. Untuk makluman Yang Berhormat pada 1hb Oktober, 1986 Kerajaan telah pun mengumumkan tentang kelonggaran kepada peraturan-peraturan yang berkaitan dengan; perlesenan di bawah Akta Penyelarasan Perindustrian, 1975; galakan-galakan pelaburan baru; penyertaan ekuiti asing; pengambilan pekerja ekspatriat dan penyelarasan prosedur-prosedur pentadbiran bagi mempercepatkan penubuhan projek-projek perindustrian.

PELAJAR PERSENDIRIAN KE LUAR NEGERI

29. **Tuan Haji Mohamed bin Haji Isa** minta Menteri Pendidikan menyatakan terdapat beratus-ratus rakyat Malaysia pergi ke luar negeri untuk melanjutkan pelajaran dalam berbagai jurusan dengan perbelanjaan sendiri setiap tahun. Kehadiran mereka di luar negeri sudah tentu menjadi perbelanjaan Negara (pengaliran wang keluar negeri). Sesudah tamat pengajian serta mendapat ijazah

mereka bekerja di negara lain (terutamanya Singapura) oleh kerana ketiadaan jawatan di Malaysia, maka dengan ini Singapura mendapat pakar-pakar profesional dengan percuma tanpa mengeluarkan wang pendidikan. Nyatakan berapa ramaikah Kementerian membenarkan pelajar-pelajar kita keluar negeri dengan perbelanjaan sendiri setiap tahun. Adakah Kerajaan bercadang menyekat supaya setiap pelajar yang pulang hendaklah bekerja di negara sendiri.

Dr Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelajar-pelajar persendirian yang ingin melanjutkan pelajaran ke luar negeri, tidak perlu mendapatkan kelulusan dari Kementerian Pendidikan. Oleh itu Kementerian tidak menyimpan perangkaan mengenai pelajar-pelajar tersebut. Berdasarkan kepada sistem demokrasi yang diamalkan oleh negara ini, hak untuk mendapatkan pelajaran adalah hak individu. Oleh yang demikian, Kerajaan tidak ada cadangan untuk menyekat sesiapa jua yang hendak mendapatkan ilmu pengetahuan, sama ada di dalam atau di luar negeri pada masa ini.

PROJEK HYDRO BAKUN

30. Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan adakah Projek Hidro Bakun di Sarawak yang dianggarkan perbelanjaan hampir-hampir \$10 billion itu diteruskan. Jika benar apakah hasil untuk jangka pendek dan jangka panjang dan berapa tahunkah dianggarkan untuk dapat menampung semula segala kos tersebut di atas.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Tuan Abdul Ghani bin Othman): Memandangkan kepada keadaan ekonomi negara sekarang, dan kos modal yang begitu besar, Kerajaan telah mengambil keputusan

supaya pelaksanaan projek Hidro Elektrik Bakun itu ditangguhkan kepada satu masa yang lebih sesuai.

Apabila projek tersebut dilaksanakan nanti, ia adalah dianggarkan memberi kadar pulangan ekonomi sebanyak 12.2%. Juga, dari kajian-kajian yang telah dijalankan didapati faedah-faedahnya untuk jangka panjang dan jangka pendek adalah seperti berikut:

Jangka Panjang—

- (i) Projek ini akan dapat menghasilkan tenaga elektrik pada kadar 3.1 sen/kwj berbanding dengan 5.1 sen/kwj bagi penjanaan stesen-stesen janakuasa haba di Semenanjung Malaysia. Dengan kadar penjanaan yang sedemikian, projek ini akan dapat menggalakkan pertumbuhan perindustrian di negara kita.
- (ii) Perbelanjaan ke atas import bahanapi bagi loji-loji haba alternatif adalah pada kadar \$1.1 billion ringgit setahun. Dengan adanya projek Bakun, negara akan dapat menjimatkan kos tersebut.
- (iii) Pemindahan teknologi serta kepakaran pengurusan projek-projek besar diharapkan akan berlaku. Dengan ini agensi-agensi yang terlibat akan dapat meninggikan lagi mutu perkhidmatan & teknologi mereka.
- (iv) Penduduk setempat dapat ditempatkan semula ke suatu kawasan yang lebih baik dengan kemudahan-kemudahan infrastruktur. Dengan ini taraf kehidupan mereka dapat dipertingkatkan lagi.

- (v) Masalah banjir akan dapat dikawal dengan lebih berkesan dan projek ini juga akan memberikan potensi yang tinggi untuk pengairan ke kawasan-kawasan pertanian.
- (vi) Satu sumber tenaga tempatan dengan keupayaan yang tinggi dan yang boleh diperbaharui (renewable energy) dapat digunakan dengan sepenuhnya dan ini akan menjimatkan atas pertukaran wang asing (foreign exchange).
- (vii) Akan membantu mengurangkan pergantungan negara kita terhadap bahanapi minyak dan memperluaskan penggunaan tenaga ke sumber-sumber alternatif yang lain, selaras dengan "Strategi Empat Bahanapi Negara" (Four Fuel Strategy).

Jangka Pendek—

- (i) Akan menghasilkan banyak peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan.
- (ii) Pembangunan setempat akan dapat dilaksanakan, termasuk pembangunan infrastruktur, perikanan, pelancongan perindustrian dan aktiviti-aktiviti ekonomi yang lain.

**FELDA—PENYERTAAN
OFF-SHORE FISHERMEN**

31. Tuan Ting Chek Ming minta Menteri Pertanian menyatakan berapakah "off-shore fishermen" dari Pantai Barat telah ditempatkan di dalam Skim Tanah dan berikan alasan-alasan mengapa penempatan adalah kurang dan lambat dan hanya sebilangan kecil sahaja telah berjaya.

Dato' Alexander Yu Lung Lee: Setakat ini tidak ada "off-shore fishermen" dari Pantai Barat yang telah menyertai Skim Tanah FELDA. Walau bagaimanapun sejak tahun 1986

hingga sekarang seramai 133 orang nelayan pantai (in-shore fishermen) dari Pantai Barat telah ditempatkan di dalam Skim Tanah FELDA, iaitu 83 orang di Perak dan 50 orang di Johor. Mereka telah memohon melalui LKIM.

Permohonan untuk menyertai Rancangan FELDA adalah terbuka kepada nelayan-nelayan dari berbagai kaum. Seramai 843 orang nelayan kesemuanya adalah terdiri daripada nelayan-nelayan Bumiputera yang memohon untuk sertai Rancangan FELDA dan tidak ada nelayan-nelayan bukan Bumiputera yang memohon untuk menyertai Rancangan FELDA. Pihak FELDA telah membuat "shortlisting" dan hanya seramai 223 sahaja yang telah dipanggil temuduga. Nelayan-nelayan yang dipanggil temuduga, terpaksa bersaing dengan permohonan-permohonan yang terdiri dari kalangan bukan nelayan. Dari jumlah yang menghadiri temuduga, hanya 170 orang sahaja yang berjaya dipilih untuk menyertai Rancangan FELDA. Dari sejumlah 170 orang yang telah berjaya, didapati hanya 133 orang sahaja yang membuat keputusan untuk pergi ke Rancangan FELDA yang telah ditawarkan manakala 37 orang lagi yang berjaya dipilih, telah menukar fikiran untuk terus kekal sebagai nelayan. Syarat-syarat pemilihan peserta FELDA pilihan nelayan untuk menjadi peserta-peserta Rancangan, serta bilangan kekosongan untuk menyertai Rancangan FELDA yang terhad adalah merupakan faktor-faktor yang menyebabkan bilangan nelayan yang menyertai Rancangan FELDA rendah.

IMPORT BAHAN MAKANAN

32. Tuan Ahmad bin Omar minta Menteri Pertanian menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil bagi menentukan pengurangan import bahan makanan dalam kontek

Kerajaan membuat kajian semula dasar pembatasan import:

- (a) Sayuran;
- (b) Buah-buahan;
- (c) Daging; dan
- (d) Bijiran.

Dato' Alexander Yu Lung Lee:

Dalam usaha mengurangkan import bahan makanan, Kementerian Pertanian pada dasarnya hanya menggalakkan pengeluaran jenis-jenis makanan yang telah dikenalpasti boleh dikeluarkan di negara ini secara kompetitif dan dayamaju supaya tidak menjejaskan kepentingan para pengguna. Hasil-hasil pertanian yang dikeluarkan digalakkan dieksport untuk mengimbangkan bil. pengimportan bahan-bahan makanan yang tidak dapat dikeluarkan di negara ini secara kompetitif.

Pada masa kini, Kerajaan masih membenarkan pengimportan sayur-sayuran, buah-buahan, daging dan bijiran dari luar negeri untuk memenuhi permintaan dalam negeri. Sebahagian besar sayur-sayuran yang diimport adalah berjenis "temperate" dan tidak sesuai dikeluarkan di negara ini. Bagi sayur-sayuran yang dapat dikeluarkan secara komersial seperti kubis bulat, kawalan import secara kuota telah pun dikenakan. Sebahagian besar buah-buahan yang diimport adalah juga tidak dapat dikeluarkan di negara ini disebabkan iklim dan pengeluaran beberapa jenis buah-buahan tempatan adalah tidak mencukupi untuk memenuhi keperluan dalam negeri. Selain daripada itu, Kerajaan juga sering menerima sungutan daripada pengguna bahawa harga buah-buahan tempatan adalah tinggi berbanding dengan buah-buahan yang diimport. Walau bagaimanapun, Kerajaan sedang berusaha melalui kempen-kempen untuk mengubahkan citarasa

para pengguna tempatan supaya lebih menggemari buah-buahan tempatan. Pengimportan daging lembu dan biri-biri masih diteruskan memandangkan pengeluaran tempatan adalah tidak mencukupi pada masa kini. Selain daripada itu kemasukan jagung bijiran tidak disekat pada masa kini memandangkan negara ini masih belum berupaya mengeluarkan tanaman tersebut secara kompetitif dan langkah-langkah sedang diambil untuk mengurangkan kos pengeluaran tanaman ini.

Untuk makluman Yang Berhormat, Malaysia sebagai salah satu anggota GATT (General Agreement of Tariffs and Trade), pengenaan sekatan import terhadap bahan-bahan makanan mempunyai implikasi besar dalam arena perdagangan antarabangsa. Di samping itu, Malaysia juga perlu memastikan bahawa langkah-langkah sekatan import tersebut tidak menjejaskan perhubungan perdagangan dengan negara-negara lain yang merupakan negara pembeli komoditi-komoditi utama dari Malaysia. Oleh itu, Kerajaan akan hanya menimbang memperkenalkan sekatan import terhadap bahan-bahan makanan sekiranya mempunyai justifikasi yang kuat dari segi ekonomi dan faktor-faktor sosio-ekonomi.

SIJIL KELAHIRAN ANAK

33. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada sijil beranak merupakan bukti tunggal bahawa seseorang kanak dilahirkan di Malaysia dan disebabkan itu beliau adalah warganegara Malaysia tanpa memperhitungkan sama ada ibubapanya adalah rakyat Malaysia; jika ya, nyatakan bilangan pelarian-pelarian dan pendatang-pendatang haram di Sabah yang diberi sijil beranak dan apakah langkah-langkah yang diambil untuk memastikan bahawa pengeluaran sijil beranak tidak akan disalahgunakan.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Sijil kelahiran seseorang itu bukanlah merupakan bukti tunggal bahawa pemegangnya seorang warganegara Malaysia. Ia merupakan dokumen yang mencatatkan maklumat peribadi mengenai ibubapa dan bayi yang dilahirkan itu. Namun demikian, sijil tersebut adalah sangat diperlukan apabila seseorang itu membuat permohonan untuk mendapatkan taraf warganegara.

Setiap kelahiran seseorang penduduk di negara ini hendaklah didaftarkan. Bagi negeri Sabah ataupun negeri-negeri lain di Persekutuan, Jabatan Pendaftaran Negara tidak menyediakan daftar yang berasingan untuk warganegara, Penduduk Tetap atau selainnya. Oleh itu saya tidak dapat menyatakan bilangan sijil kelahiran yang dikeluarkan bagi pendaatang-pendatang tersebut.

Prosidur merekodkan butir-butir kelahiran ke dalam buku daftar dan juga di dalam sijil kelahiran adalah dibuat dengan teliti untuk mengelakkan pemalsuan sijil-sijil berkenaan.

INDUSTRI MOTOR TEMPATAN

34. Tuan Hsing Yin Shean minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada Kementerian beliau sedar bahawa bilangan jualan setahun untuk kereta biasa (passengers car) telah menurun sejak 4 tahun kebelakangan ini sementara jumlah bilangan pengeluaran industri telah jatuh dalam masa tiga tahun berturut-turut semenjak tahun 1985. Dengan kenaikan nilai matawang asing seperti "yen" terhadap nilai ringgit Malaysia, adakah Kerajaan akan menimbangkan untuk menggantung buat sementara waktu kenaikan yang dikenakan oleh Kastam ke atas CIF (Cost Insurance Freight) kepada kos CKD (Completely

Knocked Down) packs, dan mengkaji semula kadar cukai masakini dan struktur cukai yang mempengaruhi kenderaan CKD dan membuat penyesuaian yang perlu untuk mengatasi kesulitan Industri Motor Tempatan.

Tuan M. G. Pandithan: Jawapan kepada soalan ini adalah sama seperti yang telah diberikan kepada soalan daripada Yang Berhormat Dr Eng Seng Chai pada 11 Mac 1988.

PELABURAN LUAR NEGERI

35. Tuan Teoh Teik Huat minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan jumlah pelaburan dari luar negara sejak 27hb Oktober, 1987 sehingga ke hari ini dengan memberi nama pelabur-pelabur tersebut, negara asal mereka dan jumlah yang dilaburkan masing-masing, jika ada.

Tuan M. G. Pandithan: Jumlah pelaburan dari luar negeri (ekuiti asing) dalam projek-projek perindustrian yang diberi kelulusan sejak 27hb Oktober, 1987 sehingga 31hb Januari, 1988 ialah \$360.7 juta. Oleh sebab senarai nama syarikat-syarikat dengan negara asal mereka adalah panjang (sebanyak 72 syarikat), ianya akan dihantar kepada Yang Berhormat kemudian. Walau bagaimanapun jumlah pelaburan dari negara-negara berkenaan bagi tempoh tersebut ialah seperti berikut:

<i>Negara</i>	<i>Ekuiti Asing (\$ juta)</i>
Australia	26.6
Canada	11.2
Denmark	0.6
Holland	0
Hong Kong	2.2
India	26.5
Japan	108.4

<i>Negara</i>	<i>Ekuiti Asing (\$ juta)</i>
Korea	0.6
Singapore	33.4
Sweden	0.6
Switzerland	3.4
Taiwan	81.6
United Kingdom	24.5
U.S.A.	39.5
Lain-lain	1.4

Dengan pendekatan baru ini adalah diharapkan pengaliran masuk pelaburan asing akan bertambah lagi.

Menurut pengetahuan saya, setakat ini belum ada pelabur-pelabur asing yang menubuhkan projeknya di negara kita dan kemudian memindahkan projeknya ke negara-negara jiran.

Mengenai pelabur-pelabur dari Asia Barat, setakat ini ekuiti pelaburan di sektor perkilangan berjumlah M\$29.3 juta. Pelaburan keseluruhannya adalah lebih tinggi daripada itu jika dicampurkan dengan modal pinjaman dari institusi-institusi kewangan.

Adalah diharapkan Persidangan Perdagangan dan Pelaburan Malaysia-Arab pada bulan November, 1987 yang lalu dan lawatan saya ke negara-negara Arab pada penghujung tahun 1987 lalu dapat mendorong pelabur-pelabur Arab untuk melabur lebih banyak lagi di negara kita kerana mereka kini lebih faham tentang peluang-peluang pelaburan dan tawaran-tawaran yang menggalakkan yang diberi oleh Kerajaan kita.

PILIHANRAYA DI TANJUNG PUTERI

36. Tuan Hu Sepang minta Perdana Menteri menyatakan apakah tindakan yang beliau ingin mengambil terhadap Pegawai Pengurus dan kakitangannya kerana salah pengurusan dan

melanggar peraturan-peraturan pilihanraya berkaitan dengan pilihanraya umum negeri bagi Tanjung Puteri pada 4 Ogos 1986 yang mana pilihanraya tersebut diisytiharkan tidak sah pada 24 Januari 1988 oleh Mahkamah Tinggi Johor Bahru; apakah Kementeriannya ingin mendakwa mereka itu di bawah Akta Kesalahan Pilihanraya 1954 dan apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kementeriannya untuk memastikan Pilihanraya dijalankan dengan baik dalam masa akan datang sebagai mematuhi segala undang-undang dan peraturan-peraturan pilihanraya negara.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor): Suruhanjaya Pilihanraya tidak bercadang untuk mengambil sebarang tindakan terhadap pegawai-pegawai pilihanraya yang terlibat. Perlanggaran-perlanggaran peraturan yang menjadi kes dakwaan mahkamah adalah perkara-perkara kecil dan berlaku secara tidak disengajakan atau tidak dengan tujuan melakukan penipuan atau penyelewengan yang boleh menjejaskan keputusan pilihanraya tersebut.

Yang Berhormat tidak perlu bimbang terhadap keupayaan Suruhanjaya Pilihanraya untuk menjalankan sebarang pilihanraya dan kes ini tidak boleh dijadikan ukuran atau "yardstick" tentang keupayaan Suruhanjaya Pilihanraya melaksanakan tanggungjawabnya.

SEKOLAH MENENGAH SWASTA YU HUA/SEK HWA

37. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Pendidikan menyatakan keadaan sekarang berkenaan dengan menubuhkan semula Sekolah Menengah Swasta Yu Hwa, Kajang dan Sekolah Menengah Swasta Sek Hwa, Segamat. Sekiranya permohonan telah ditolak, apakah alasannya.

Dr Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan telah mengkaji secara teliti kedua-dua permohonan yang dimaksudkan itu dan membuat keputusan tidak meluluskan permohonan-permohonan tersebut.

Keputusan ini dibuat berasaskan kepada hakikat bahawa penubuhannya tidak akan memberi sumbangan kepada pencapaian matlamat dasar pendidikan kebangsaan yang mana objektif utamanya adalah untuk menyatupadukan rakyat di negara ini.

SISWAZAH/PENUNTUT YANG MENGANGGUR

38. Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar memberitahu setakat manakah beliau-belia dan penuntut-penuntut keluaran universiti yang menganggur melibatkan diri mereka dalam industri kecil dan usaha-usaha lain yang dibantu oleh Kementerian tersebut.

Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali): Sememangnya Kementerian ini mengambil perhatian berat terhadap masalah pengangguran yang dialami oleh para siswazah. Kerap-kali Kementerian menganjurkan atau mengambil bahagian dalam majlis-majlis perjumpaan/dialog untuk menerangkan kepada mereka peluang-peluang yang boleh diperolehi daripada program-program di bawah Kementerian, umpamanya Program Industri Kampung atau dikenali juga sebagai Skim Revolusi Mesin di kalangan siswazah.

Di bawah program ini sebanyak 21 buah projek kelolaan siswazah, yang melibatkan 37 orang siswazah, telah

diluluskan bantuan mesin serta bengkel bernilai kira-kira \$837,000. Masih ada lagi permohonan-permohonan yang diterima daripada golongan siswazah yang sedang berada dalam pertimbangan Kementerian.

Mengenai usaha-usaha lain yang dibantu oleh Kementerian, dimaklumkan bahawa pihak MARA sedang berusaha untuk mempertingkatkan tahap sosio-ekonomi kaum Bumiputera. Beliau dan siswazah Bumiputera yang menganggur boleh menyertai mana-mana program kendalian MARA yang dirasakan sesuai untuk memperlengkapkan diri mereka sehingga mereka boleh mencapai satu tahap hidup yang menjamin masa depan mereka.

Dalam bidang Industri Kecil, beliau dan siswazah menganggur yang berminat untuk membuka usahaniaga sendiri bolehlah menyertai Program Kawasan Industri Kecil (KIK) yang sedang diuruskan oleh MARA di tiga (3) kawasan, iaitu di Mukim Batu, Wilayah Persekutuan (bagi perusahaan kayu dan metal), di Ipoh, Perak (bagi perusahaan makanan) dan di Nibong Tebal, Pulau Pinang (bagi perusahaan berasaskan kayu).

Di bawah program ini MARA akan menyediakan kemudahan-kemudahan seperti bengkel, khidmat nasihat dan latihan meningkat kemahiran, pemasaran dan pusat gunasama (common facilities centre).

Sebagai usaha sokongan, MARA juga mempunyai program lain di bawah Aktiviti Pembangunan Usahawan, yang di antara lain termasuk Khidmat Rundingan, Kursus-kursus Perniagaan, Galakan Pemasaran, Pusat Pameran Barang Keluaran Bumiputera, Pusat Pengeluaran dan Teknologi Perabot, Pinjaman Perniagaan.

Di samping itu juga, sebuah agensi di bawah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, MARA sentiasa memberi kerjasama memberikan perkhidmatan sokongan untuk menjayakan program pengwujudan industri kecil di kampung-kampung secara berkelompok.

Di bawah program ini pengusaha yang terpilih akan menerima bantuan peralatan (mesin dan alat perkakas) dari Kementerian dan MARA boleh memberikan Khidmat Nasihat, Kursus Perniagaan dan Bantuan Pinjaman jika diperlukan, mengikut mana yang sesuai kepada pengusaha-pengusaha ini. Program ini juga adalah terbuka kepada semua Pengusaha Bumiputera termasuklah belia dan siswazah menganggur yang berminat.

Oleh kerana program-program MARA tidak dikhususkan kepada belia dan siswazah menganggur sahaja, ukuran yang jelas tidak dapat ditentukan setakat manakah mereka ini telah melibatkan diri dalam program-program yang dikendalikan.

SEKOLAH VOKASIONAL

39. Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar memberitahu apakah langkah-langkah yang telah/sedang dan akan diambil oleh Kementerian dalam usaha-usahanya membanyakkan lagi sekolah vokasional bagi penuntut yang tercicir dari pelajaran mereka dan adakah keluaran-keluaran dari sekolah-sekolah vokasional ini mendapat pekerjaan yang menjamin hidup mereka, kalau tidak, kenapa.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Bagi makluman Yang Berhormat, langkah yang telah dan sedang diambil ialah MARA telah pun

membina 9 buah Institut Kemahiran MARA (IKM) iaitu di Johor, Melaka, Kuala Lumpur, Petaling Jaya, Lumut, Sg. Petani, Alor Star, Pekan dan Sarawak. Seterusnya 2 buah lagi IKM, iaitu di Perlis dan Terengganu sedang dalam perancangan.

Sebagai usaha selanjutnya, MARA bercadang membina sebanyak 45 buah Pusat GIAT (Pusat Latihan Kemahiran Kecil) sepanjang tempoh RML 1986-1990 ini. Setakat ini sebanyak 12 buah Pusat GIAT telah pun beroperasi, iaitu di Baling dan Jitra (Kedah), Kota Bharu (Kelantan) Paka dan Bt. Payong (Terengganu) Muazam Shah dan Jengka (Pahang), Linggi (Negeri Sembilan), Macang Bubuk (Pulau Pinang), Grik (Perak), Banting (Selangor) dan Kangar (Perlis).

Apabila ke semua 45 buah Pusat Giat ini beroperasi sepenuhnya, ianya dijangka dapat melatih lebih kurang seramai 5000 orang pelatih dalam satu masa.

Pihak MARA tidak menjamin pekerjaan kepada bekas-bekas pelatihnya. Walau bagaimanapun matlamat utama pusat-pusat latihan kemahiran ini ialah untuk melengkapkan pelatih-pelatih dengan ilmu dan kemahiran dengan harapan mereka berupaya untuk berdikari dengan menggunakan kemahiran yang ada bagi mendapatkan pekerjaan atau memulakan sesuatu usahaniaga yang sesuai.

Pada hakikatnya, bidang pekerjaan yang memerlukan kemahiran bergantung kepada pertumbuhan industri dan kemajuan ekonomi. Oleh kerana keadaan kemelesetan yang dihadapi sekarang ini, maka permintaan gunatenaga juga terjejas. Dalam permintaan gunatenaga yang lembab ini, sudah tentu keupayaan untuk mendapat pekerjaan menjadi agak sukar dan lebih "competitive".

**RANG
UNDANG-UNDANG
DIBAWA KE DALAM
MESYUARAT**

**RANG UNDANG-UNDANG
PEMAJU PERUMAHAN
(KAWALAN DAN PELESENAN)
(PINDAAN)**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Pemaju Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG
PERBEKALAN TAMBAHAN
(1987)**

Bacaan Kali Yang Kedua

DAN

USUL

**ANGGARAN PEMBANGUNAN
(TAMBAHAN) (BIL. 2) 1987**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbincangan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1987) dibacakan kali yang kedua sekarang" dan bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

"Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak \$542,377,650 diperuntukkan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun kewangan 1987, untuk menampung sejumlah \$542,377,650

bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua 1987 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 4 Tahun 1988 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesebelas dan kedua belas penyata tersebut." (21hb Mac, 1988).

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat Menteri boleh sambung.

3.36 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Mohamed Farid bin Ariffin): Saya ingin menyambung balik gulungan ucapan-ucapan yang telah dibuat oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat kelmarin.

Mengenai syor dari Yang Berhormat dari Bukit Bintang yang mengesyorkan supaya Kerajaan Malaysia berunding dengan Kerajaan Singapura untuk membolehkan penyimpanan CPF dari warganegara Malaysia mengeluarkan simpanan mereka lebih awal daripada syarat-syarat yang ditetapkan, pihak Kerajaan pada masa ini masih belum mengadakan rundingan dengan Kerajaan Singapura berkenaan dengan pengeluaran caruman oleh warganegara Malaysia di CPF. Walau bagaimanapun, Kerajaan akan memberi pertimbangan sewajarnya terhadap cadangan-cadangan ini. Dalam hubungan ini, ingin saya menekankan bahawa berdasarkan kepada keputusan-keputusan kedua pihak berkenaan iaitu Kerajaan-kerajaan yang berkenaan, syarat-syarat pengeluaran akan ditetapkan selaras dengan matlamat iaitu matlamat utama penubuhan kedua-dua Kumpulan Wang Simpanan iaitu

bertujuan memenuhi kehendak-kehendak seseorang pencarum semasa hari tua kelak.

Seterusnya Yang Berhormat dari Bukit Bintang mahu supaya dihapuskan sekatan-sekatan bagi menggalakkan pembinaan rumah di bawah program perumahan khas. Di sini Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri telah pun mengenalpasti projek-projek pembinaan rumah di bawah program khas dan telah juga mengambil tindakan-tindakan yang tertentu untuk meningkatkan pembinaan rumah tersebut. Langkah-langkah yang telah diambil adalah termasuk penyediaan beberapa kemudahan dan galakan kepada pemaju-pemaju dan pembeli-pembeli. Untuk menggalakkan pemaju swasta, di antara langkah-langkah yang telah diambil di bawah program khas tersebut adalah seperti berikut:

- (i) Mengurangkan kadar premium tukar syarat tanah;
- (ii) Mengecualikan bayaran ukur;
- (iii) Mengurangkan piawaian (standardisation), dengan izin, perancangan dan piawaian infrastruktur;
- (iv) Kerajaan Negeri membekalkan tanah untuk pembangunan perumahan di bawah program penswastan;
- (v) Mempercepatkan kelulusan pembiayaan untuk pembangunan perumahan.
- (vi) Mempercepatkan kelulusan berkaitan dengan pembinaan perumahan seperti tukar syarat, pecah sempadan tanah dan pelan pembangunan; dan
- (vii) Membenarkan pembangunan perumahan cara campuran.

Bagi pembeli-pembeli pula, antara langkah-langkah yang telah diambil adalah seperti berikut:

- (1) Menyarankan institusi-institusi kewangan supaya menyediakan

amaun tertentu untuk pinjaman bagi pembelian rumah yang berharga tidak melebihi \$100,000 seunit.

- (2) membenarkan pengeluaran sebahagian dari wang dengan Kumpulanwang Simpanan Pekerja untuk membeli rumah;
- (3) mempercepatkan kelulusan dan melonggarkan syarat-syarat untuk pinjaman bagi membeli rumah yang berharga tidak melebihi \$100,000 seunit;
- (4) mengekal atau melonggarkan syarat-syarat pinjaman iaitu pinjaman perumahan untuk kakitangan-kakitangan yang berkaitan dengan kadar faedah dan umur yang berkelayakan;
- (5) mengecualikan duti setem untuk pindahmilik rumah dan gadaian bagi menjamin pinjaman untuk pembelian rumah yang dibina di bawah program khas perumahan kos rendah; dan
- (6) menetapkan kadar faedah pinjaman pada tahap 1.75% setahun di atas purata kadar asas berian pinjaman, ataupun BLR iaitu mengikut dua buah bank tempatan yang besar, ataupun 9% setahun mengikut mana yang lebih rendah untuk membeli rumah yang berharga tidak melebihi \$100,000 seunit.

Seterusnya Yang Berhormat dari Bukit Bintang juga ingin mengetahui mengapa ceiling RML bagi butiran Perparitan dan Tebatan Banjir di kawasan bandar iaitu Rancangan Perparitan Wilayah Persekutuan diturunkan daripada \$17 juta kepada \$6 juta. Memang benar peruntukan ceiling RML bagi Rancangan Perparitan Wilayah Persekutuan telah dikurangkan daripada \$17 juta kepada \$6.5 juta. Pengurangan ini dibuat semasa penyemakan semula keseluruhan peruntukan ceiling RML oleh UPE dalam tahun 1987

berasaskan kedudukan ekonomi negara yang kurang baik. Peruntukan \$6.5 juta juga yang diluluskan adalah untuk projek-projek yang sudah terikat dari segi kontrak, ataupun contractually committed projects, sementara projek-projek yang belum diikat kontrak terpaksa dipotong.

Mengenai tambahan peruntukan untuk mengurangkan banjir kilat, Yang Berhormat dari Bukit Bintang mengesyorkan supaya ceiling RML dinaikkan di antara \$30 juta kepada \$50 juta. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, peruntukan bagi Rancangan Perparitan Wilayah Persekutuan dan Rancangan Tebatan Banjir Kuala Lumpur sekarang berjumlah \$43.07 juta yang terbahagi kepada Perparitan \$6.5 juta dan Tebatan Banjir \$36.57 juta. Peruntukan tambahan bagi kedua-dua projek berkenaan hanya boleh dipertimbangkan sekiranya Kerajaan memutuskan untuk menambah peruntukan ceiling RML yang ada sekarang.

Yang Berhormat dari Simunjan yang telah pun mengatakan bahawa Dewan ini selalu meminta hanya tambahan dan tidak ada rang undang-undang untuk mengurangkan peruntukan selaras dengan kemelesetan ekonomi. Untuk makluman Yang Berhormat, adalah tidak tepat menyatakan yang Kerajaan tidak pernah mengurangkan peruntukan perbelanjaannya semasa kemelesetan ekonomi. Malahan sebagai contoh, pada tahun 1986 Kerajaan telah mengurangkan peruntukan bagi Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan yang telah diluluskan oleh Parlimen sebanyak \$1.86 ribu juta iaitu \$1.86 billion. Urusan pengurangan peruntukan ini adalah dibuat melalui waran sekatan ataupun, dengan izin, limitation warrant di bawah kuasa Menteri Kewangan menurut Seksyen 13 (3) (b) Akta Prosedur Kewangan, 1957 bagi Anggaran Perbelanjaan

Mengurus dan Seksyen 8 Akta Kumpulanwang Pembangunan, 1966 bagi Anggaran Perbelanjaan Pembangunan. Oleh itu, segala urusan untuk mengurangkan peruntukan atau menyekat perbelanjaan adalah dibuat melalui peruntukan undang-undang yang sedia ada.

Yang Berhormat dari Marang mahu supaya ditambah peruntukan Tabung Taman Laut dan Rizab Laut. Untuk makluman Yang Berhormat, peruntukan permulaan sebanyak \$10 juta telah diluluskan untuk Tabung Taman Laut dan Rizab Laut. Peruntukan ini juga dijangka mencukupi untuk menampung aktiviti-aktiviti awal di bawah program Taman Laut dan Rizab Laut. Jika program ini memerlukan peruntukan tambahan, Kementerian berkenaan bolehlah mengemukakan permohonan kepada Perbendaharaan untuk pertimbangan sama ada secara *ad hoc* ataupun melalui proses Belanjawan.

Yang Berhormat dari Marang juga meminta supaya peruntukan pertandingan keindahan rumah-rumah di kampung ditambah lagi. Untuk makluman Yang Berhormat, dalam tahun 1987 peruntukan yang diberi ialah untuk pertandingan di peringkat Negeri sahaja. Bagi peringkat Kebangsaan, peruntukan adalah disediakan dalam Anggaran Belanjawan 1988 sebanyak \$2 juta. Memandangkan pentingnya program ini, maka Kerajaan telah memutuskan supaya tambahan sebanyak \$2 juta lagi diberi menjadikan jumlah sebanyak \$4 juta. Jumlah ini adalah mencukupi untuk menampung perbelanjaan bagi maksud pertandingan tersebut.

Yang Berhormat dari Pasir Mas hendak mengetahui berkenaan dengan kriteria-kriteria bagi pemilihan kawasan projek-projek khas infrastruktur, keagamaan dan sosial dan bagaimana ia dilaksanakan. Untuk makluman Yang Berhormat, projek-projek berkenaan dilaksanakan di

seluruh negara dan kebanyakannya di kawasan-kawasan luar bandar. Projek-projek berkenaan diluluskan berasaskan kepada keperluan dan faedah kepada penduduk-penduduk setempat sama ada dari segi keselamatan, keperluan keagamaan ataupun peningkatan kualiti hidup mereka. Keperluan-keperluan projek ini biasanya adalah di luar rancangan mana-mana agensi Kerajaan dan dari itu telah tidak disediakan anggaran peruntukan yang khusus di bawah mana-mana agensi yang tersebut.

Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas juga hendak mengetahui dan memastikan adakah beras-beras yang dibeli daripada Thailand oleh LPN itu baik mutunya ataupun tidak. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, LPN menukarkan sistem pembelian beras negara Thai secara Kerajaan dengan Kerajaan ataupun "G to G" kepada pasaran terbuka ialah dengan tujuan untuk menambahkan bilangan pembekal-pembekal beras dan dengan demikian akan mendapat harga saingan yang paling baik. Cara pembelian beras dari pasaran terbuka ini didapati amatlah menguntungkan LPN bukan sahaja beras yang dibeli itu murah harganya, bahkan mutunya adalah lebih baik jika dibandingkan dengan beras yang dibeli daripada Kerajaan. Dasar LPN pada masa ini ialah untuk membawa lebih banyak beras jenis mutu sederhana dan mengurangkan import beras Thai mutu baik. Dasar ini dilaksanakan bagi mengelakkan beras-beras mutu baik menjadi saingan kepada beras-beras yang dikeluarkan oleh pengilang-pengilang tempatan. Di samping itu pula, cara ini akan menggalakkan pengilang-pengilang tempatan mengeluarkan beras mutu baik tanpa saingan daripada beras yang diimport daripada negara Thai.

Yang Berhormat dari Pasir Mas dan juga dari Marang ingin mengesyorkan

Tuan Haji Ibrahim bin Ali (Pasir Mas): Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan, boleh beri jalan?

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Ya.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan, dalam kita membeli beras daripada pasaran terbuka di Thailand, apabila kita telah memasuki sesuatu perjanjian, terdapatkah pada sesuatu masa pihak yang telah bersetuju untuk membekalkan beras menanggungkan bekalan beras tersebut ke satu masa ke satu masa, dan selepas itu pula kemudian meminta runding kembali harga yang telah dipersetujui sebelum itu. Akibat daripada itu berlakulah dari segi mutu beras itu kadang-kadang, baik dan kadang-kadang tidak baik.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat beri penjelasankah?

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Penjelasanlah itu, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Minta penjelasan.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Ya, minta penjelasan. Kadang-kadang mutu itu banyak dipersoalkan oleh pemborong ataupun penjual-penjual beras tempatan. Apakah Yang Berhormat sedar perkara ini?

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Terima kasih, Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, apabila kontrak itu diikat dengan pihak swasta iaitu daripada pengedar-pengedar ataupun pengilang-pengilang tempatan, mungkin sekali-sekala terdapat permintaan untuk menyesuaikan semula harga kontrak tetapi Kementerian Kewangan sendiri

mempunyai dasar-dasar tertentu bagaimana kita boleh ataupun tidak boleh menaikkan ataupun menambah harga kontrak tersebut.

Pada amnya dasar Kementerian Kewangan tidak membenarkan penambahan harga tersebut dan jika sekiranya supply, dengan izin, itu dilambatkan oleh kerana harganya tidak naik maka Kementerian Kewangan akan ambil tindakan yang tertentu. Salah satu daripada tindakan adalah dinamakan LAD ataupun liquidated agreed damages, yang selalu dikenakan oleh Kementerian Kewangan kepada kontraktor-kontraktor yang lambat menghantar barang-barang yang telah pun mereka janjikan menghantarnya.

Izinkan saya teruskan, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Sila.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Yang Berhormat dari Pasir Mas dan Marang telah pun mengesyorkan supaya peruntukan bagi Kumpulanwang Amanah Pembangunan Ekonomi Belia sebanyak \$3 juta telah diminta diberi tambahan lagi.

Untuk makluman Yang Berhormat, memandangkan bahawa Tabung Kumpulanwang Amanah Pembangunan Ekonomi Belia baru sahaja diwujudkan dalam Dewan yang mulia ini dalam sesi yang lepas, Kementerian Belia dan Sukan akan mengesan secara terperinci keupayaan Tabung tersebut melaksanakan matlamat dan tujuan yang ditetapkan. Jika didapati bahawa Tabung ini benar-benar memerlukan peruntukan tambahan, pihak Kerajaan akan menambahkan peruntukan Tabung tersebut sesuai dengan keperluannya.

Seterusnya Yang Berhormat dari Pasir Mas juga telah meminta supaya Kementerian Kewangan menerangkan

siapakah pemegang-pemegang saham Sports Toto dan berapakah jumlah dan peratus pegangannya dan seterusnya meminta menerangkan sudahkah pemegang-pemegang saham ini menjual saham-saham mereka setelah disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur.

Untuk makluman Yang Berhormat, saya akan memberi jawapan secara umum kalau sekiranya Yang Berhormat hendak maklumat yang lebih detail, saya boleh beri maklumat ini kepada Yang Berhormat.

Untuk makluman Yang Berhormat, semasa Sports Toto Malaysia diswastakan iaitu pada 21hb Mei, 1985 struktur pegangan saham syarikat adalah seperti berikut.

B & B Enterprise memegang 60% daripada saham syarikat tersebut iaitu sebanyak lebih kurang 60,100 saham. Menteri Kewangan yang diperbadankan memegang 30% iaitu lebihkurang 300,100 saham, Melewar Corporation memegang 10% iaitu 100,000 saham. Pemegang-pemegang saham kemudiannya menawarkan kepada orang ramai, orang awam iaitu pada 6hb Julai, 1987, saham-saham tersebut dan nisbahnya adalah seperti berikut. B & B Enterprise telah menjual 15% daripada sahamnya.

Menteri Kewangan yang diperbadankan tidak menjual apa-apa sahamnya. Melewar Corporation telah menjual 2.5% daripada sahamnya. Jadi bermakna orang awam memegang 17.5% daripada saham yang telah dijual oleh B & B Enterprise dan Melewar Corporation.

Kemudian selepas saham ini disenaraikan di BSKL struktur pemegang saham telah bertukar corak dan struktur pemegang saham adalah seperti berikut.

B & B Enterprise masih memegang 45%. Melewar Corporation telah

menjual sahamnya sebanyak 2% kepada Berjaya Corporation. Menteri Kewangan yang diperbadankan tidak ada perubahan apa-apa. Orang awam telah mendapat tambahan sedikit daripada 17.5% kepada 18.18%.

Dan Berjaya Corporation hari ini pula telah pun mendapat sedikit tambahan daripada penjualan tersebut. Jadi hari ini kita dapati bahawa semasa saham ini disenaraikan Melewar telah lagi menjual 5.5% kepada orang awam seperti yang telah terangkan awal tadi dan Berjaya Corporation telah membeli daripada orang awam sebanyak 4.18%.

Itulah lebihkurang maklumat yang dapat saya beri berkenaan dengan Sports Toto.

Yang Berhormat dari Petaling Jaya mahu tahu kenapakah orang ramai golongan atasan yang membuat pinjaman kepada CCB tidak dibayar balik pinjaman mereka. Untuk makluma Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Tawfik bin Tun Dr Ismail: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, Yang Berhormat dari Sungai Benut bangun.

Tuan Mohamed Tawfik bin Tun Dr Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin meminta penjelasan sedikit berkenaan dengan Sports Toto. Saya merujuk kepada ucapan saya semasa perbahasan Anggaran Belanjawan pada 3-11-1987, dan ingin bertanya adakah Kerajaan membuat siasatan terhadap Sports Toto? Adakah Kerajaan meminta Bursa Saham Kuala Lumpur meminta penjelasan dari Sports Toto apakah sebabnya Sports Toto mengeluarkan akaun setengah tahun yang berlebihan sekurang dua kali ganda dari anggaran yang diberikan dalam "prospectus" yang dikeluarkan pada pemohon-pemohon

saham? Tidakkah ini merupakan satu manipulasi pasaran untuk meningkatkan harga saham itu ke satu paras yang "unrealistic", dengan izin.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Yang Berhormat dari.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Sungai Benut.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Sungai Benut meminta supaya Kementerian Kewangan menyatakan adakah Menteri Kewangan meminta Sports Toto. Walaupun soalan ini adalah soalan yang agak terkeluar daripada soalan pokok yang kita bincangkan hari ini, oleh kerana maklumat-maklumat yang saya ada ini tidak begitu lengkap, maka saya ingin Yang Berhormat yang bertanya tadi memberi notis untuk saya menyediakan maklumat lengkap. Izinkan saya teruskan.

Untuk makluman Yang Berhormat dari Petaling Jaya.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, Yang Berhormat dari Sungai Benut minta penjelasan.

Tuan Mohamed Tawfik bin Tun Dr Ismail: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya beri pada Timbalan Menteri itu rujukan kepada ucapan saya pada 3hb November tahun lepas di mana saya telah menyenaraikan butir-butir berkenaan dengan saham-saham syarikat tersebut.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Terima kasih. Tetapi izinkan saya teruskan, Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Yang Berhormat dari Petaling Jaya, CCB sebenarnya telah pun menghadapi masalah untuk mendapatkan balik pinjaman yang dikeluarkan dan masalah-masalah itu adalah disebabkan seperti berikut. Iaitu pinjaman diberi untuk tujuan

spekulasi. Had pinjaman tidak dikenakan kepada seseorang peminjam. Tumpuan pinjaman yang lebih dan kurang bijak diberi kepada sektor harta tanah dan pembelian saham. Pengawasan pinjaman dan prosedur bagi mendapatkan balik pinjaman yang dikeluarkan adalah lemah. Dan kemelesetan ekonomi serta kesan-kesan ke atas pasaran harta tanah dan saham. CCB telah pun menubuhkan sebuah panel yang dinamakan Loan Recovery Panel, dengan izin, bagi mengawasi dan mendapat balik pinjaman yang dikeluarkan. Panel ini mengadakan pertemuan dengan peminjam-peminjam untuk mendapat reaksi positif dari peminjam-peminjam bagaimana pinjaman-pinjaman mereka dapat dibayar balik.

CCB telah diletakkan di bawah Peraturan Perlu (Perlindungan kepada Pendeposit) 1986 pada 6hb Januari, 1988. Dan pengawasan CCB telah diambil alih oleh Bank Negara Malaysia pada 7hb Januari, 1988.

Sebenarnya tujuan untuk mengambil alih bank tersebut oleh Bank Negara adalah untuk menentukan wang pendeposit-pendeposit itu dapat diselamatkan. Dan oleh kerana itu tidaklah benar bahawa tuduhan Yang Berhormat yang mengatakan bahawa bank ini sebenarnya membantu orang-orang yang meminjam.

Dr Eng Seng Chai: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, Yang Berhormat dari Petaling Jaya bangun.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Izinkanlah saya teruskan.

Dr Eng Seng Chai: Minta penjelasan Yang Berhormat. Dia boleh beri.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Nanti, nanti.

Berikah tidak Yang Berhormat?

Dr Eng Seng Chai: Dia beri. Dia telah beri.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Saya ingin meneruskannya. Saya telah cakap tadi ingin meneruskannya.

(Tuan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Ahli Yang Berhormat dari Petaling Jaya juga meminta supaya dikurangkan sekatan untuk menggalakkan perindustrian perhotelan dan pelancongan. Sebenarnya untuk makluman Ahli Yang Berhormat adalah menjadi dasar Kerajaan.

Dr Eng Seng Chai: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Minta penjelasan, beri atau tidak?

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Saya hendak teruskan, Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Dia tak beri.

Dr Eng Seng Chai: Ini adalah di antara soalan yang penting, Tuan Yang di-Pertua, iaitu berkenaan dengan hutang lapuk sebanyak \$741 juta.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Petaling Jaya, Yang Berhormat Timbalan Menteri tak beri jalan.

Dr Eng Seng Chai: Tuan Yang di-Pertua, sudah dua tahun kita tunggukan jawapan, tetapi sehingga hari ini saya belum dapat jawapan, tetapi hari ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Petaling Jaya, kalau tak duduk, saya minta Ahli Yang Berhormat keluar daripada mesyuarat

ini. Sekarang saya minta Bentara Mesyuarat tolong keluarkan Ahli Yang Berhormat itu.

Dr Eng Seng Chai: Keluar untuk satu hari atau sekejap.

Tuan Yang di-Pertua: Satu hari untuk hari ini.

Dr Eng Seng Chai: Atas apa peraturan?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, jika Yang Berhormat tak keluar.

Dr Eng Seng Chai: Bukan saya tak mahu keluar, saya minta atas apa peraturan.

Tuan Yang di-Pertua: Atas peraturan tidak.

Dr Eng Seng Chai: Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan, atas tanggungjawab saya, saya minta satu jawapan yang tepat. Tetapi dia pun tak beri peluang untuk saya minta penjelasan. Inilah tolak-tolak sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat.

Dr Eng Seng Chai: Saya akan keluar, sekarang saya kemaskan barang-barang saya. Sudah dua tahun kita tunggu, tunggu, hari ini pun tak dapat jawapan.

(Ahli dari Petaling Jaya keluar Dewan diiringi oleh Bentara Mesyuarat).

Tuan Yang di-Pertua: Sila teruskan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Adalah menjadi dasar Kerajaan untuk menggalakkan perkembangan pelancongan di negara ini.

Sebuah Kementerian khusus telah pun diwujudkan bagi mengesan perkembangan pelancongan di negara ini. Bilangan jawatan dan peruntukan telah pun dipertingkatkan semata-mata bertujuan untuk menggalakkan perkembangan pelancongan di negara ini. Jika ada didapati peraturan-peraturan yang merupakan rintangan ataupun penghalang kepada penggalakkan pelancongan, maka Kerajaan akan menimbang untuk menghapuskannya.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja secara ringkasnya ucapan gulungan saya kepada ucapan-ucapan yang dibuat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan saya ucapkan terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang hendaklah disetujukan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya kemukakan masalah bahawa Usul di atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan di dalam Aturan Urusan Mesyuarat ini diedarkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis hendaklah disetujukan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Diputuskan,

Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat

ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak \$542,377,650 diperuntukkan daripada Kumpulan-wang Pembangunan bagi tahun kewangan 1987, untuk menampung sejumlah \$542,377,650 bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua 1987 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 4 Tahun 1988 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesebelas dan kedua belas penyata tersebut.

Majlis bersidang dalam Jawatan kuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempergunakan Jawatankuasa*)

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Pengerusi, saya memohon mencadangkan supaya wang sejumlah tidak lebih daripada \$315,955,510 yang diperuntukkan dalam Anggaran Pebelanjaan Mengurus Tambahan Kedua, 1987 bagi Maksud-maksud Bekalan B.1, B.4, B.6, hingga B.8, B.16, B.19, B.22, B.29, B.30, B.36, B.54, B.57 dan B.59 untuk Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan yang berkenaan dijadikan Jadual dan wang sejumlah tidak lebih daripada \$542,377,650 yang diperuntukkan dalam Anggaran Perbelanjaan Pembangunan (Tambahan) (Bil. 2) 1987 bagi Maksud-maksud Pembangunan P.7, P.13, P.14, P.17, hingga P.21, P.23 hingga P.26, P.28, P.31, P.34, P.36, P.37, P.40 hingga P.42, P.44 hingga P.46, P.48 hingga P.51, P.53 hingga P.57 dan P.59 untuk Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan yang berkenaan seperti yang ditunjukkan dalam Penyata yang dibentangkan

sebagai Kertas Perintah No. 4, Tahun 1988 dijadikan Anggaran Perbelanjaan.

Tuan Pengerusi, saya telah pun menerangkan tentang keperluan bagi mengadakan peruntukan-peruntukan tambahan dalam Anggaran Perbelanjaan Mengurus, 1987 dan juga Anggaran Perbelanjaan Pembangunan, 1987 sebentar tadi. Di samping itu penjelasan lanjut mengenai cadangan-cadangan Anggaran Tambahan ini adalah juga diberi dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah No. 3A Tahun 1988 bagi Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Kedua 1987 dan Kertas Perintah 4A Tahun 1988 bagi Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua, 1987. Oleh itu saya tidak berhajat hendak memberi apa-apa penerangan tambahan lagi.

Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Maksud B.1, B.4, B.6, B.7 dan B.8 (Jadual)—

Maksud P.7 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2) 1987)—

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala Bekalan B.1, B.4, B.6, B.7 dan B.8 dan Kepala Pembangunan P.7 di bawah Jabatan Perdana Menteri terbuka untuk dibahas. Ahli Yang Berhormat dari Bandar Kuching.

Tuan Sim Kwang Yang (Bandar Kuching): Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Maksud B.4—Suruhanjaya Pilihanraya dan menurut Memorandum yang dibentangkan secara bentuk Kertas Perintah No. 3A/

1988, tambahan sebanyak \$2,824,000 adalah dikehendaki untuk menampung kekurangan peruntukan bagi membiayai bayaran perjalanan, pengangkutan orang, pengangkutan barang-barang, pembelian minyak petrol, sewaan kenderaan, pencetakan kertas undi, alat tulis, perkhidmatan ikhtisas dan lain-lain perbelanjaan mengurus berhubung dengan urusan mengadakan Pilihanraya Umum Dewan Undangan Negeri Sarawak pada 15hb dan 16hb April, 1987.

Terlebih dahulu ingin saya mengucapkan terima kasih kepada Suruhanjaya Pilihanraya kerana berjaya untuk mengurangkan bilangan hari mengundi oleh kerana masalah komunikasi di Negeri Sarawak kerana Sarawak adalah sebuah negeri yang besar. Pada zaman 60an dan 70an, pilihanraya umum di peringkat negeri selalu mengambil masa 4-5 hari dan saya difahamkan pula pada masa sekarang pilihanraya umum dapat dijalankan dengan licin dalam tempoh dua hari sahaja. Saya harap kita akan dapati satu tahap yang mana kita boleh menghabiskan pilihanraya umum Dewan Undangan Negeri Sarawak itu dalam tempoh satu hari.

Tuan Yang di-Pertua, pada pilihanraya umum khas di negeri Sarawak itu pihak Suruhanjaya Pilihanraya menggunakan senarai ataupun dengan izin, electoral roll, yang dahulu. Maksudnya ialah bahawa electoral roll baru yang didapati selepas kajian semula sempadan kawasan-kawasan pilihanraya tidak gunakan walaupun sempadan kawasan pilihanraya telah dikajisemula lebih kurang satu tahun setengah dahulu. Walaupun demikian, sehingga sekarang pun kita dari negeri Sarawak belum dapat mengesahkan electoral roll baru ini kerana ianya tidak dibentangkan dalam Parlimen ini. Saya harap Yang Berhormat Menteri yang berkenaan dalam jawapannya nanti boleh memberitahu dalam Dewan yang

mulia ini bilakah electoral roll yang baru ini boleh dibentangkan supaya kita dari negeri Sarawak boleh menyemak dan memeriksa itu khususnya memandangkan bahawa banyak aduan-aduan, bantahan-bantahan, cadangan-cadangan telah dikemukakan kepada pihak Suruhanjaya Pilihanraya apabila pembicaraan oleh pihak itu dibuat pada tahun 1986 dan 1987. Ini satu soalan yang sudah ditunggu-tunggu lama oleh rakyat Sarawak.

Perkara kedua yang saya ingin membangkitkan ialah mengenai Pilihanraya Umum di negeri Sarawak pada 15hb dan 16hb April, 1987 yang lalu. Saya memahami masalah-masalah yang dihadapi oleh pihak Suruhanjaya Pilihanraya ini untuk menjalankan tugas mereka mengadakan pilihanraya yang amat sensitif kerana kuasa memerintah negeri itu telah diraguragukan di antara dua pihak iaitu satu pihak yang diketuai oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sekarang dan satu lagi oleh Tun Abdul Rahman, bekas Governor dan bekas Ketua Menteri Negeri Sarawak. Maka pilihanraya itu merupakan pilihanraya yang paling hangat di sejarah negeri Sarawak, selepas Sarawak menyertai Malaysia. Saya ingin tahu berapakah aduan yang telah diterima oleh pihak Kerajaan.

(Kerosakan elektrik)

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat boleh teruskan, lampu sudah boleh menyala sekarang.

Tuan Sim Kwang Yang: Okay, terima kasih. Pilihanraya umum pada tahun lepas itu paling hangat oleh kerana soalan pokok ialah siapakah akan menguasai pemerintahan negeri Sarawak khususnya memandangkan bahawa satu kuasa baru telah pun muncul iaitu Parti Bangsa Dayak Sarawak yang mewakili pihak rakyat Dayak di negeri Sarawak yang terdiri

daripada lebih kurang 28 bangsa-bangsa asal di negeri Sarawak itu. Maka saya sebagai seorang calon dalam pilihanraya ini pula mengalami banyak masalah apabila bertanding dengan calon-calon Barisan Nasional 3 di Sarawak. Di Sarawak bukan ianya "Barisan Nasional" sahaja tetapi "Barisan Nasional 3" dan amalan-amalan yang tidak diinginkan telah dilakukan oleh pihak-pihak tertentu.

Ingin saya menarik mengambil perhatian Dewan yang mulia ini kepada aduan-aduan yang telah timbul daripada pilihanraya ini seperti yang saya sebutkan tadi, oleh kerana Sarawak merupakan sebuah negeri yang besar dengan bilangan penduduk-penduduk yang kecil, satu kawasan pilihanraya negeri mungkin terdiri daripada 6,000-7,000 orang sahaja dan sesiapa yang mendapat 3,000 atau 4,000 undi sudah boleh menang. Ini cakup senang, tetapi hendak buat susah, kerana masalah komunikasi. Apabila seseorang hendak berkempen di negeri Sarawak, contohnya dalam satu kawasan pilihanraya di Sarikei, kita harus pergi dari Sarikei ke satu kampung dengan bot untuk menyeberangi sungai itu, kemudian mendarat dan berjalan kaki selama dua jam dan baru sampai di kampung itu untuk memberi ceramah kepada pemilih-pemilih sebanyak 100 atau 50 orang sahaja.

Oleh kerana itu pilihanraya di Sarawak merupakan satu amalan yang amat mahal—minyak, bot, makanan dan sebagainya. Mengikut adat pihak Dayak, kita tidak boleh pergi dengan tangan kosong sahaja. Kalau pun tidak ada babi atau lembu besar, itu tidak apa, tetapi ayam dan biskut mesti ada. Kalau tidak adapun "Guinness Stout" tetapi arak murah, arak tempatan mesti dibawa sebagai satu token atau tanda persahabatan. Oleh kerana ianya itu amat mahal. Tetapi di samping itu sejak kemerdekaan, sejak Sarawak masuk Malaysia, saya rasa money

politics telah menguasai politik di luar bandar di negeri Sarawak, oleh kerana seorang hanya perlu mendapat sebanyak 4,000 undi untuk menang. Oleh kerana itu tidak mahal untuk "membeli" 4,000 undi.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, Yang Berhormat bercakap di atas dasar itu.

Tuan Sim Kwang Yang: Bukan, ini tentang tugas Suruhanjaya Pilihanraya. Saya ingin

Tuan Pengerusi: Ya, tetapi perbincangan dalam Jawatankuasa ini hendaklah dihadkan kepada butir-butir yang hendak dibelanjakan duit itu dan tidak boleh menyentuh dasar perbelanjaan—Peraturan Mesyuarat 67 (9).

Tuan Sim Kwang Yang: Ya, saya sedar. Tetapi oleh kerana wang ini diuntukkan kepada Suruhanjaya Pilihanraya untuk menjalankan tugas mereka pada pilihanraya umum baru-baru ini, maka saya mahu Suruhanjaya Pilihanraya mengkaji semula macam mana boleh mengadakan satu pilihanraya yang adil di negeri Sarawak. Maka tuduhan telah dibuat oleh pihak Pembangkang di negeri Sarawak bahawa satu undi di satu kawasan luar bandar berharga sebanyak \$1,000 atau \$1,500.

Saya belum difahamkan sama ada Suruhanjaya Pilihanraya sudah menerima apa-apa aduan ataupun election petitions dan sama ada election petitions ini telah dikemukakan kepada Mahkamah. Tetapi dalam negeri Sarawak ini adalah satu perkara yang selalu diberi perhatian khususnya memandangkan bahawa rakyat luar bandar amat miskin dan sekali dalam tempoh 5 tahun mereka mendapat keuntungan besar ini, memanglah mereka dipengaruhi oleh pertimbangan keuntungan secara jangka pendek ini dan mungkin

memang mereka tidak akan mengundi mengikut conscience mereka. Saya harap ini tidak akan berlaku lagi di negeri Sarawak oleh kerana kalau duit adalah faktor pertimbangan utama di kalangan pengundi, maka mereka tidak akan memberi perhatian cukup kepada prinsip demokrasi, kepada konsep demokrasi, program-program yang diaturkan oleh pihak parti-parti politik yang bertanding ini. Maka ini akan merupakan satu kerugian besar kepada proses demokrasi ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Seremban.

4.20 ptg.

Dr Chen Man Hin (Seremban): Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh sedikit sahaja di bawah satu dua perkara iaitu B.4 berkenaan dengan Suruhanjaya Pilihanraya. Saya hendak sebut satu perkara sedikit ialah berkenaan dengan pendaftaran pengundi.

Pada masa ini ada satu sistem di mana satu bulan satu tahun satu exercise pendaftaran pengundi. Masa satu bulan ini tidak mencukupi disebabkan beberapa faktor barangkali ada banyak pengundi yang ada bekerja di luar negeri seperti Singapura, Indonesia yang tidak dapat balik untuk mendaftar. Ini satu masalah yang mana dia tidak boleh menjadi seorang pengundi. Dia sudah dinafikan dia punya hak untuk menjadi seorang pengundi. Sebab itu saya harap dan saya bercadang pihak berkenaan adakan satu sistem apabila ada pendaftaran bukan had satu bulan sahaja tetapi satu tahun. Round the year registration. Ini untuk memberi peluang kepada orang yang layak menjadi pengundi balik mendaftar. Orang apabila dia balik dari luar negeri dia boleh keluar mendaftar dan lain-lain. Itulah yang saya hendak cadangkan.

Tuan Pengerusi, ada satu perkara lagi di bawah P.7, kod 01100 Lembaga Perpaduan Negara, saya rasa ingin menyentuh sedikit. Pada hari Ahad dua hari lalu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada merayu rakyat memberi sumbangan untuk mendirikan satu masyarakat yang progresif yang boleh menjadi satu negara newly industrialised country (NIC). Di sini saya ingat bukan sahaja bergantung dengan rakyat jelata tetapi bergantung kepada semua pihak baik pihak Kerajaan, eksekutif dan lain-lain. Ada tanggungjawab atau responsibility, dengan izin, untuk menjadi satu negara yang industrialised.

Saya hendak Lembaga Perpaduan Negara ini supaya menyalut apa sebab rakyat jelata ada banyak kumpulan tidak puas hati. Misalnya tiap-tiap tahun ada beribu-ribu kita punya rakyat jelata keluar dari negara pergi ke Australia, Canada, United Kingdom, Amerika Syarikat dan lain-lain untuk mencari penghidupan yang lebih sesuai. Apa sebab ini? Jangan ingat ini seribu, dua ribu atau sepuluh ribu orang satu kumpulan yang sedikit sahaja, bukan. Sungguhpun dia sedikit sahaja kalau dibandingkan dengan rakyat yang berjumlah 15 atau 17 juta tetapi kumpulan sepuluh ribu orang yang ada kemahiran, intelektual dan sebagainya dia boleh beri perkhidmatan atau sumbangan yang baik. Orang ini akan menjadi entrepreneur dan lain-lain. Kalau ini semua mengalir, negara kita tidak boleh mencapai kemajuan. Saya harap diambil berat dalam perkara ini.

Ada banyak contoh lain. Misalnya Ireland, negaranya kecil, rakyat yang ada kemahiran, ada skill, ada profesion semua mengalir ke lain tempat. Sekarang Ireland sudah jadi satu negara yang paling miskin di Eropah. Saya harap perkara ini diambil perhatian.

Lembaga Perpaduan Negara terus menjadi satu lembaga yang boleh kerja baik-baik, menyiasat apa sebab negara kita selepas 30 tahun merdeka belum jadi satu negara perpaduan, apa sebab? Lebih baik saya cadang Lembaga Perpaduan Negara ini ditukar menjadi satu badan macam misalnya satu Lembaga

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, adakah peruntukan di bawah Lembaga Perpaduan Negara ini?

Dr Chen Man Hin: Ya, muka 6.

Tuan Pengerusi: Muka 6, tetapi yang saya tengok ialah tidak ada peruntukan di bawah 01100.

Dr Chen Man Hin: \$10.00.

Tuan Pengerusi: \$10.00 bukan peruntukan, itu token.

Dr Chen Man Hin: Token?

Tuan Pengerusi: Ya.

Dr Chen Man Hin: Maaf, sedikit lagi habis.

Tuan Pengerusi: Sesudah kita tahu Yang Berhormat tidak boleh bercakap dalam perkara itu maka berucaplah mengenai perkara lain.

Dr Chen Man Hin: Okay, sedikit lagi habis. Saya harap ditukar kepada satu badan dengan izin, Institute of Industrial Relations, lebih sihat. Ini satu badan yang boleh dikatakan neutral, independent. Analyse semua sebab-sebab. Kalau macam ini saya ingat kita boleh dapat satu laporan yang lebih berkesan. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Kampar.

4.25 ptg.

Tuan Ngoi Thiam Woh (Kampar): Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Butiran 01700, Peniaga-peniaga Kecil, tambahan sebanyak \$1.432 juta adalah

dikehendaki untuk membiayai projek-projek baru di bawah Program Peniaga-peniaga Kecil.

Adalah baik dan kena pada masanya bahawa Kerajaan mengambil berat tentang perkembangan ataupun pembangunan peniaga-peniaga kecil. Peniaga-peniaga kecil adalah merupakan kegiatan kebanyakan rakyat jelata di negara kita.

Kerajaan Barisan Nasional selalu menegaskan, menitikberatkan pelaburan besar-besaran iaitu untuk menyebarkan perindustrian dan perusahaan-perusahaan yang besar-besaran iaitu untuk orang yang kaya-raya sahaja. Untuk melabur ke bidang perindustrian atau perusahaan yang besar ini para rakyat yang di peringkat bawahan atau rakyat jelata biasa yang tidak sanggup. Jadi adalah kena pada masanya.

Saya ingin pada hemat saya peruntukan ini adalah tidak cukup. Sebaiknya Kerajaan mesti memberi peruntukan yang lebih besar untuk membantu peniaga-peniaga kecil yang juga merupakan satu link, dengan izin yang penting dalam ekonomi negara kita. Lebih-lebih lagi pada masa ekonomi negara kita yang meleset ini banyak pekerja-pekerja telah dibuang kerja dari kilang ataupun lombong-lombong bijih timah dan mereka cuba menjadi peniaga-peniaga kecil.

Di sini saya ingin hendak menarik perhatian Kerajaan di masa-masa lampau Kerajaan telah banyak atau kerap kali menyebut untuk mengembangkan atau membangunkan industri kraftangan. Di sini saya ingin mengesyorkan Kerajaan supaya menolong penduduk-penduduk di luar bandar terutama kampung-kampung tradisi rakyat orang Melayu yang fasih dan pandai dalam membuat barangan kraftangan. Sebab industri ini tidak dikembangkan dengan serius atau program yang baik jadi barangan

kraftangan keluaran rakyat jelata di negara kita ini masihlah di peringkat yang tidak memuaskan, di peringkat yang masih rendah. Jadi kalau Kerajaan boleh memberi lebih peruntukan kepada peniaga-peniaga kecil di kampung-kampung di luar bandar supaya mereka sanggup mengorganisekan usaha mereka untuk menyebarkan barangan kraftangan kepada semua suri rumah tangga yang biasanya suri rumah tangga di luar bandar selain daripada kerja sawah mereka juga ada banyak masa lapang yang mereka boleh membuat barangan kraftangan secara di rumah lalu menjual barangan-barangan ataupun hasil kraftangan mereka kepada peniaga-peniaga kecil ini dan peniaga-peniaga kecil ini boleh memasarkan barangan ini ke bandar-bandar.

Jikalau Kerajaan dapat menyusun satu program yang begini dan memberi peruntukan dan bantuan yang lebih kepada peniaga-peniaga kecil ini saya ingat industri kraftangan ini dapat dikembangkan dengan lebih cepat. Seperti yang kini didapati di negara Pakistan yang secara begitu telah pun diwujudkan di negara Pakistan dan kraftangan Pakistan boleh dikatakan barangan kraftangan mereka adalah bermutu tinggi dan juga dapat sambutan yang baik di seluruh dunia. Itu sahaja terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Menteri menjawab.

4.30 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor): Tuan Pengerusi, saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan ini dan saya sangat sukacita bila mendengar bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat seolah-olah berpuas hati tentang cara perbelanjaan yang telah dijalankan

oleh Kerajaan sehingga memerlukan kepada tambahan sebagaimana yang disebutkan.

Adapun tentang perkara-perkara yang disebutkan mengenai dengan dasar maka perkara itu saya ingin menyatakan di sini bahawa ia akan dijelaskan dengan terperinci bila kita membahaskan perkara-perkara yang berkaitan dengan dasar dan pada masa itu akan dinyatakan segala perkara yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat.

Ahli Yang Berhormat dari Bandar Kuching, Seremban dan Kampar tidak menekankan kepada masalah-masalah cara perbelanjaan. Walau bagaimanapun saya ingin menegaskan bahawa perkara yang menarik perhatian saya ialah apabila Yang Berhormat dari Kampar menyebutkan tentang perlunya ditambah peruntukan yang lebih besar bagi tujuan peniaga-peniaga kecil. Ini satu perkara yang sangat baik dan menarik perhatian saya bagi pihak Kerajaan kerana perkara ini dianggap penting dalam usaha kita untuk mengatasi masalah pengangguran yang berlaku dalam negara kita pada masa ini.

Tadi saya telah jelaskan bahawa perkara-perkara dasar adalah lebih sesuai ditimbulkan dalam perbincangan di tempat yang lain. Walau bagaimanapun, saya ingin menegaskan di sini iaitu mengenai dengan teguran Yang Berhormat dari Bandar Kuching tadi yang telah menimbulkan masalah pilihanraya, secara ringkas ingin saya menyatakan bahawa daftar pemilih 1986 berdasarkan kepada bahagian-bahagian pilihanraya yang lama telah digunakan dalam pilihanraya umum di Sarawak dalam tahun 1987.

Mengenai dengan perkara yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Seremban supaya diwujudkan satu sistem pendaftaran

sepanjang tahun, perkara ini sebenarnya adalah perkara yang berkaitan dengan dasar juga dan bila sampai masanya saya yakin pihak Suruhanjaya Pilihanraya akan menyatakan.

Itulah sahaja yang dapat saya jelaskan. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$527,100 untuk Maksud B.1; \$2,824,000 untuk Maksud B.4; \$94,600 untuk Maksud B.6; \$47,003,900 untuk Maksud B.7 dan \$31,500,000 untuk Maksud B.8 di bawah Jabatan Perdana Menteri jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$527,100 untuk Maksud B.1; \$2,824,000 untuk Maksud B.4; \$94,600 untuk Maksud B.6; \$47,003,900 untuk Maksud B.7 dan \$31,500,000 untuk Maksud B.8 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$9,949,890 yang disebutkan dalam Maksud P.7 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 1987 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$9,949,890 untuk Maksud P.7 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2), 1987.

Maksud P.13 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2) 1987)—

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Maksud P.13 di bawah

Kementerian Kehakiman terbuka untuk dibahas. Ya, yang itu "token".

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$10 yang disebutkan dalam Maksud P.13 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 1987 di bawah Kementerian Kehakiman hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$10 untuk Maksud P.13 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2) 1987.

Maksud B.16 (Jadual)—

Maksud P.14 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2) 1987)—

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Maksud Bekalan B.16 dan Maksud Pembangunan P.14 di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan terbuka untuk dibahas.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$3,209,200 untuk Maksud B.16 di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$3,209,200 untuk Maksud B.16 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$5,250,020 yang disebutkan dalam Maksud P.14 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 1987 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$5,250,020 untuk Maksud P.14 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2) 1987.

Maksud P.17 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2) 1987)—

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Maksud P.17 di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan terbuka untuk dibahas.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$1,323,000 yang disebutkan dalam Maksud P.17 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 1987 di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$1,323,000 untuk Maksud P.17 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2) 1987.

Maksud P.18 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2) 1987)—

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Maksud Pembangunan P.18 di bawah Kementerian Perusahaan Utama terbuka untuk dibahas.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$50 yang disebutkan dalam Maksud P.18 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 1987 di bawah Kementerian Perusahaan Utama hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$50 untuk Maksud P.18 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2) 1987.

Maksud B.19 (Jadual)—

Maksud P.19 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2) 1987)—

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Maksud Bekalan B.19 dan Maksud Pembangunan P.19 di bawah Kementerian Pertanian terbuka untuk dibahas.

Yang Berhormat dari Bagan.

4.35 ptg.

Tuan Teoh Teik Huat (Bagan): Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada Kertas Perintah 4/1988, muka surat 42, Perikanan, Butiran 22200, Menangkap ikan cara moden, Penguatkuasa Perikanan dan Kapal Pemeriksaan.

Tuan Pengerusi, saya ingin membangkit mengenai perkara penguatkuasaan perikanan dan menggunakan cara menangkap ikan moden.

Tuan Pengerusi, dengan menggunakan cara menangkap ikan secara moden bukan sahaja tidak memberi manfaat kepada nelayan-nelayan khususnya nelayan kecil, ianya membawa penderitaan kepada para nelayan kecil. Sebagai contoh saya ingin menarik perhatian Dewan ini kepada kes-kes yang berlaku di Kota Kuala Muda, Kedah.

Tuan Pengerusi, baru-baru ini timbul satu masalah di kawasan Sungai Merbok, Kota Kuala Muda, Kedah di mana sebuah syarikat telah ditubuhkan di tebing sungai ini. Apa yang dilakukan oleh syarikat ini telah menimbulkan kegelisahan dan kemarahan yang amat sangat kepada

nelayan-nelayan kecil yang tinggal di tebing sungai yang mana mata pencarian mereka adalah bergantung semata-mata kepada sungai ini sahaja.

Saya tidak berapa pasti tentang nama syarikat ini, tetapi menurut para nelayan kecil yang tinggal di sana syarikat berkenaan adalah bernama Syarikat Maxi Laba. Syarikat ini menjalankan projek menangkap ikan, udang, ketam di Sungai Merbok ini dengan cara moden yang berasal dari negara Thai. Cara yang digunakan oleh syarikat ini adalah menyedut air dari dasar sungai dengan menggunakan pam berkuasa tinggi. Air yang disedut itu kemudian disalurkan ke dalam kolam yang dibina di tebing sungai dan air ini akan ditapis sebelum dilepaskan kembali ke dalam sungai. Dengan menggunakan cara ini semua udang, ketam dan ikan habis disedut ke dalam kolam yang dibina, ini termasuk benih-benihnya sekali. Bukan sahaja ini tidak mencukupi, saya diberitahu bahawa sebelum ikan-ikan disedut ke dalam kolam diracuni oleh kerana takut ikan-ikan ini akan makan udang-udang yang ada di tepi sungai. Akibat perbuatan ini mata pencarian para nelayan kecil seramai 100 orang yang bergantung nasib di sungai ini telah terjejas.

Kalau dahulunya pendapatan mereka adalah lebih kurang \$20 hingga ke \$30 sehari, tetapi sejak wujudnya syarikat berkenaan untuk mencari \$5 sehari pun adalah sukar sekali bagi nelayan-nelayan ini yang mana kehidupan mereka adalah ibarat kais pagi makan pagi, kais petang makan petang. Menurut nelayan ini syarikat dapat menangkap udang galah harimau bernilai \$20,000 sehari. Ini adalah satu angka yang besar.

Tuan Pengerusi, nasib nelayan-nelayan kecil di kawasan ini telah menjadi amat perit sekali dan penderitaan ini telah berlarutan sejak 6 bulan yang lalu, iaitu sejak syarikat

ini mula beroperasi. Masalah penderitaan nelayan-nelayan kecil ini pernah diadakan ke pihak atasan, tetapi tiada reaksi dari pihak berkuasa. Bukan sahaja tiada reaksi

Dato' Alexander Yu Lung Lee:
(Bangun)

Tuan Pengerusi: Ya, Yang Berhormat Timbalan Menteri?

Dato' Alexander Yu Lung Lee: Tuan Pengerusi, saya rasa peruntukan ini "token vote" sahaja.

Tuan Pengerusi: Di muka berapa itu, boleh disebutkan?

Tuan Teoh Teik Huat: (Bangun)

Tuan Pengerusi: Ya, nanti sekejap. Saya tanya daripada Timbalan Menteri, muka berapa itu?

Dato' Alexander Yu Lung Lee: Iaitu 22200—Menangkap Ikan Secara Moden, tidak ada peruntukan.

Tuan Pengerusi: Muka berapa?

Dato' Alexander Yu Lung Lee: Muka 42.

Tuan Pengerusi: Ya, Yang Berhormat dari Bagan.

Tuan Teoh Teik Huat: Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada Butiran 00200—Program Perikanan, termasuk Program LKIM dan Jabatan Perikanan itu ada terlibat dengan program-program Perkhidmatan Perkembangan juga, iaitu 00200 di muka surat 28.

Tuan Pengerusi: Muka surat 28 itu berkenaan dengan Ibu Pejabat, Yang Berhormat.

Tuan Teoh Teik Huat: Ya, dengan program ini termasuk Perkhidmatan Perkembangan Perikanan di mana peruntukan \$16 juta ditambah ke \$21 juta dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima.

Tuan Pengerusi: Buku mana Yang Berhormat baca, Kertas Perintah 4?

Tuan Teoh Teik Huat: Memorandum di muka surat 28 di mana Butiran 00200 dan memorandum itu di muka surat 18

Dato' Alexander Yu Lung Lee: (Bangun)

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Timbalan Menteri tolong nanti sekejap. Apa Yang Berhormat Timbalan Menteri hendak bercakap?

Dato' Alexander Yu Lung Lee: 00200 itu ialah Bank Pertanian, bukan Perikanan.

Tuan Teoh Teik Huat: Ya, di dalam 00200 ada Program Perikanan, termasuk Program LKIM dan Jabatan Perikanan—05.

Dato' Alexander Yu Lung Lee: Ini tidak ada peruntukan.

Tuan Pengerusi: Tidak ada peruntukan, Yang Berhormat.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$9,125,420 untuk Maksud B.19 di bawah Kementerian Pertanian jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$9,125,420 untuk Maksud B.19 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$17,740,570 yang disebutkan dalam Maksud P.19 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 1987 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$17,740,570 untuk Maksud P.19 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2) 1987.

Maksud P.20 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2) 1987)—

Tuan Pengerusi: Kepala Pembangunan P.20 di bawah Kementerian Perdagangan dan Perindustrian terbuka untuk dibahas.

Dr Goh Cheng Teik (Nibong Tebal): (Bangun)

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Nibong Tebal, ini "token vote".

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Pengerusi, saya hendak ulas sedikit sahaja mengenai

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, ini "token vote", tak boleh berucap di bawah "token vote". Ini bukan dibelanjakan lagi, hanya sebagai "token". Jika Yang Berhormat hendak berucap, bermaknalah Yang Berhormat berucap di atas dasar.

Dr Goh Cheng Teik: Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$10 yang disebutkan dalam Maksud P.20 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 1987 di bawah Kementerian Perdagangan dan Perindustrian hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$10 untuk Maksud P.20 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2) 1987.

Maksud P.21 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2) 1987)—

Tuan Pengerusi: Kepala Pembangunan P.21 di bawah Kementerian Belia dan Sukan terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$60 yang disebutkan dalam Maksud P.21 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 1987 di bawah Kementerian Belia dan Sukan hendaklah diluluskan.

Maksud P.25 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2) 1987)—

Tuan Pengerusi: Kepala Pembangunan P.25 di bawah Kementerian Pertahanan terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$50 yang disebutkan dalam Maksud P.25 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 1987 di bawah Kementerian pertahanan hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$50 untuk Maksud P.25 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2) 1987.

Maksud P.26 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2) 1987)—

Tuan Pengerusi: Kepala P.26 di bawah Kementerian Pendidikan terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$40 yang disebutkan dalam Maksud P.26 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 1987 di bawah Kementerian Pendidikan hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$40 untuk Maksud P.26 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2) 1987.

Maksud B.29 dan B.30 (Jadual)—

Maksud P.28 dan P.31 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2) 1987)—

Tuan Pengerusi: B.29 dan B.30 dan P.28 dan P.31 di bawah Kementerian Kewangan terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$100,500,000 untuk Maksud B.29 dan \$35,980,100 untuk Maksud B.30 di bawah Kementerian Kewangan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$100,500,000 untuk Maksud B.29 dan \$35,980,100 untuk Maksud B.30 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$307,585,920 yang disebutkan dalam Maksud P.28 dan \$2,708,500 dalam Maksud P.31 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 1987 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$307,585,920 untuk Maksud P.28 dan \$2,708,500 untuk Maksud P.31 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2) 1987.

Maksud P.33 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2) 1987)—

Tuan Pengerusi: Kepala Pembangunan P.33 di bawah Kementerian Perusahaan Awam terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$10 yang disebutkan dalam Maksud P.33 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 1987 di bawah Kementerian Perusahaan awam hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$10 untuk Maksud P.33 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2) 1987.

Maksud P.34 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2) 1987)—

Tuan Pengerusi: Kepala Pembangunan P.34 di bawah Kementerian Kesihatan terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$30 yang disebutkan dalam Maksud P.34 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 1987 di bawah Kementerian Kesihatan hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$30 untuk Maksud P.34 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2) 1987.

Maksud B.36 (Jadual)—

Maksud P.36, P.37, P.40, P.41 dan P.42 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2) 1987)—

Tuan Pengerusi: Kepala Bekalan B.36 dan P.36, P.47, P.40, P.41 dan P.42 di bawah Kementerian Dalam Negeri terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Bukit Bintang.

4.55 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Bukit Bintang): Tuan Pengerusi, izinkan saya merujuk kepada maksud B.36 berkaitan dengan Polis Diraja Malaysia di bawah Kementerian Dalam Negeri di mana tambahan sebanyak \$21.5 juta diperlukan.

Di sini saya juga ingin menarik perhatian, Tuan Pengerusi kepada Kertas Perintah 3 Tahun 1988 di muka surat 9, Kertas Perintah 3A muka surat 9, di mana telah diterangkan bahawa tambahan sebanyak \$21.5 juta adalah dikehendaki untuk menampung kekurangan peruntukan bagi membiayai bayaran gaji dan elaun-elaun kepada Anggota-anggota Pangkat Rendah Polis dan Kakitangan Awam di dalam Pasukan Polis berikutan dari pelaksanaan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5 Tahun 1985, Pekeliling Perkhidmatan Bil. 4 Tahun 1986 dan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5 Tahun 1986.

Tuan Pengerusi, di samping menyokong peruntukan \$21.5 juta bagi Jabatan Polis Diraja Malaysia untuk maksud-maksud yang telah diterangkan dalam Kertas Perintah 3A Tahun 1988, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk membangkitkan satu, dua perkara berkaitan dengan pentadbiran oleh anggota-anggota polis dan juga dari aspek penguatkuasaan oleh pihak Polis dalam perkara-perkara di dalam bidang kuasa pihak Polis.

Sejak pengumuman pengharaman atau larangan mengadakan ceramah ataupun mengadakan majlis perjumpaan awam oleh Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri pada 27hb Oktober, banyak pertubuhan-pertubuhan yang berbentuk kebudayaan dan keagamaan, badan-badan sukarela, persatuan-persatuan kebajikan serta juga orang perseorangan yang telah

melahirkan perasaan dan masalah mereka bagaimana hendak menjalankan aktiviti-aktiviti mereka tanpa melanggar undang-undang.

Saya menyentuh perkara ini oleh sebab ini adalah berkaitan dengan aspek pentadbiran oleh pihak Polis. Mereka tidak diberikan garis-panduan yang jelas oleh Kementerian yang berkenaan, bagaimana mereka boleh menjalankan kegiatan mereka dan sama ada permit Polis dikehendaki bagi setiap perjumpaan yang mereka anjurkan. Jika permit Polis diperlukan maka soalan yang telah timbul ialah berapa lama pula mereka perlu mendapatkan sesuatu permit itu dan sama ada pihak Polis boleh memastikan bahawa sesuatu permit itu boleh diberikan dengan tidak menimbulkan kesulitan kepada pertubuhan-pertubuhan.

Saya juga suka membangkitkan masalah-masalah parti-parti politik yang hendak mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan mereka ataupun AGM. Bolehkah misalannya, parti-parti politik seperti parti DAP menjalankan Mesyuarat Agung Tahunannya dalam sebuah bilik persidangan di Hotel tanpa perlu memohon permit polis kerana mesyuarat agung tahunan itu hanya terhad kepada para perwakilan parti yang dipilih oleh ahli-ahli parti berkenaan.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang, saya rasa itu terkeluar dari tajuk kita. Tajuk kita ialah membiayai bayaran gaji dan elaun-elaun. Rasa saya tidak termasuk kepada tugas. Kalau sekiranya masuk kepada tugas, maka bermakna kita bercakap di atas dasar. Saya minta maaf di atas perkara ini.

Tuan Lee Lam Thye: Saya berpendapat bahawa saya boleh menyentuh tentang tugas yang dijalankan oleh anggota-anggota Polis

memandangkan bahawa di sini ada satu peruntukan yang diminta untuk membayar gaji dan elaun-elaun. Dari aspek ini saya percaya saya boleh menyentuh satu dua perkara di mana saya hendak mendapat penjelasan, itu sahaja. Oleh sebab ini adalah berkaitan dengan pentadbiran anggota-anggota Polis.

Tuan Pengerusi: Saya tidak bersetuju dengan Yang Berhormat.

Tuan Lee Lam Thye: Yang sebenarnya saya tidak bercadang hendak bercakap panjang lebar, cuma ada satu dua perkara di mana saya ingin mendapat penjelasan, ini sahaja.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, saya takut ini bercanggah dengan Peraturan Mesyuarat 67 (9). Kita bercakap di atas gaji dan elaun, bukan di atas tugas-tugas. Jikalau ini dibenarkan, maka ini bukanlah Jawatankuasa lagi.

Tuan Lee Lam Thye: Jikalau itu merupakan keputusan daripada Tuan Pengerusi, maka saya ingin mengakhiri ucapan saya. Akan tetapi berkenaan dengan soalan-soalan yang tadi saya telah bentangkan, saya haraplah bahawa boleh mendapat sedikit penjelasan ataupun jawapan daripada pihak Kementerian yang berkenaan.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Arau.

5.02 ptg.

Tuan Shahidan bin Kassim (Arau): Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Maksud P.41, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli di bawah ketiga-tiga tajuk iaitu Pembangunan Ekonomi, Perkhidmatan Sosial dan Rancangan Pengumpulan semula di mana tambahan peruntukan telah dipohon sebanyak \$300,000; \$400,000 dan \$1.2 juta.

Tuan Pengerusi: Muka surat berapa, Yang Berhormat?

Tuan Shahidan bin Kassim: Muka surat 68, 69 dan 31 di bawah Huraian.

Tuan Pengerusi: Ya, sila.

Tuan Shahidan bin Kassim: Saya ingin menyentuh yang pertama sekali berhubung dengan Pembangunan Ekonomi. Di antara perkara yang ditekankan di dalam tambahan peruntukan ini ialah untuk membeli alat jentera pertanian, pembinaan pusat ternakan bagi Orang-orang Asli. Cuma persoalan yang timbul sekarang ialah siapakah Orang-orang Asli yang diberi perhatian. Kita dapati dalam negara ini terdapat lebih daripada 50,000 Orang-orang Asli dan daripada 50,000 ini saya berpendapat tidak sampai separuh pun yang telah dikumpulkan dalam bentuk pendudukan semula kepada mereka. Jadi, persoalan yang saya ingin timbulkan di sini ialah siapakah Orang-orang Asli yang mendapat manfaat daripada usaha-usaha ini?

Kemudian timbul juga persoalan di sini, Kementerian manakah yang memberi perhatian yang sebenarnya kepada Orang-orang Asli? Saya lihat di bawah Belanjawan yang telah dibuat tempoh hari, Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah memberi perhatian, Kementerian Dalam Negeri memberi perhatian, tidak ketinggalan Kementerian Pertanian. Jadi, masalah Orang Asli ini adalah masalah mereka ini Orang Asli, mereka lebih tertarik kepada perkara-perkara yang asli. Kalau sekiranya kita cacamurbakan pemikiran mereka dengan berbagai-bagai Kementerian yang memberi perhatian dalam apa motif sekalipun, kita akan menghadapi masalah.

Sebagai contoh, di bawah Butiran 00200 di mana kita memberi perkhidmatan pelajaran. Sejauh mana

kita memberi perkhidmatan pelajaran kepada mereka dan siapakah Orang-orang Asli yang kita telah memberi perkhidmatan? Saya beri contoh, dahulu Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah melalui Unit Sosial dan institusinya telah memberi didikan dalam bentuk didikan agama kepada Orang-orang Asli yang telah pun memeluk agama Islam. Selepas itu mereka mungkin terputus hubungan dan semasa pengislaman Orang-orang Asli ini, saya pernah hadir dalam satu majlis di mana kita terpaksa beri nama-nama pembesar-pembesar, nama saya sendiri, tetapi bila lawatan yang kedua secara peribadi saya pergi pula, saya lihat nama saya sudah tidak ada, nama "Shahidan" itu sudah tidak ada tetapi sudah tukar balik jadi nama "Anding anak Kera", makna kata mereka telah murtad dalam bentuk yang mereka memeluk agama Islam. Jadi, sejauh manakah peruntukan pendidikan ini diberi di bawah Perkhidmatan Sosial?

Saya percaya di antara sebab utama ialah ekonomi, yang keduanya—hubungan mereka terputus, yang ketiganya—penumpuan kepada Orang Asli yang kita berikan ini adakah kita kaji bahawa mereka ini daripada kumpulan mana, kumpulan Temiarkah, kumpulan Negritoskah, di mana latar belakang tiap-tiap Orang Asli ini adalah penting. Jangan kita mengambil kalau sekiranya mereka ini datang daripada negeri Pahang, maka kita kumpulkan satu tempat tanpa melihat latar belakang daripada keturunan ataupun kaum asal Orang Asli.

Mereka ini tidak dapat lari daripada perkataan "asli" tadi, jadi dengan itu banyaklah perkara-perkara yang kita telah buat telah balik ke jalan asal dan saya takut bantuan-bantuan pertanian ini juga mungkin terjadi salahguna ataupun seleweng. Kita lihat, ini terpaksa disebutkan supaya dapat satu tindakan diambil, kita lihat terdapat orang-orang luar yang mencari

kesempatan melalui keaslian Orang Asli ini. Yang pertamanya kontraktor-kontraktor yang telah mengambil Orang Asli jadi buruh dan hanya membayar makan, tidak membayar gaji. Yang keduanya, pelarian-pelarian Indonesia yang lari masuk ke dalam hutan, mereka kahwin dengan Orang Asli sebab mudah berkahwin di sana dan dapat menggunakan kemudahan Orang Asli, dapat meneroka hutan sebab Orang Asli menganggap hutan adalah negeri mereka, jadi mereka bebas bertindak dalam hutan. Ada juga kumpulan Orang Asli yang telah digunakan oleh taukeh-taukeh balak untuk tujuan hiburan.

Jadi, untuk pengetahuan Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri bahawa kita akan terkejut melihat terdapat pesta-pesta yang diadakan di dalam hutan, ada pesta-pesta yang menarik diadakan di dalam hutan di mana orang-orang tertentu mencari kesempatan untuk bersama-sama dengan anak-anak dara Orang Asli. Jadi, perkara ini merupakan eksploitasi yang patut diberi perhatian. Kita juga tidak terkejut untuk mendengar berita bahawa terdapat anak-anak Orang-orang Asli ini yang telah bekerja di pusat-pusat sosial di Kuantan, contohnya di bar-bar yang mana mereka dieksploitasikan dalam bentuk tidak mendapat ganjaran dan bayaran yang sewajarnya.

Jadi, saya mintalah supaya apa pun peruntukan tambahan yang diberikan untuk tujuan Pembangunan Ekonomi dan Perkhidmatan Sosial, perkara-perkara ini harus diberi perhatian.

Kemudian di bawah Butiran 00300 ini kita lihat peruntukan sebanyak \$1.2 juta diberikan di mana tujuannya ialah untuk membina rumah bagi peserta-peserta Orang Asli. Saya minta supaya kumpulan Orang-orang Asli yang hidup berpindah-randah iaitu kumpulan Negritos, mengikut kajian daripada Iskandar Carey bahawa

kumpulan ini memang tidak mahu duduk setempat dan merekalah di antara Orang-orang Asli yang susah sedikit jika dibandingkan dengan Orang-orang Asli daripada suku kaum Jakun di mana mereka ini hidup berpindah-randah dan kita lihat sekarang ini kawasan mereka sudah terhad, hutannya sudah terhad dan sekarang ini mereka terpaksa bertanding pula dengan binatang-binatang dalam hutan untuk mencari makan di dalam kawasan yang terhad dan mereka terpaksa mencari makan di kawasan yang terhad. Dengan itu kita lihat kumpulan Negritos ini perlahan-lahan akan kehilangan keturunan dan kita lihat keluarga mereka sekarang semakin kecil kerana berlaku kematian di peringkat kecil dan sebagainya.

Jadi saya minta kepada Kementerian yang berkenaan supaya memberi perhatian kepada kumpulan-kumpulan ini dan juga kumpulan-kumpulan lain yang masih lagi hidup berpindah-randah supaya memberi perhatian kepada mereka. Perkara-perkara ini atau penekanan ini bukan sahaja ditekankan di Semenanjung termasuk juga di Sabah dan Sarawak. Saya menyokong.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat daripada Kampar.

5.11 ptg.

Tuan Ngoi Thiam Woh (Kampar): Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh P.41 Butiran 00100—Pembangunan Ekonomi. Tambahan sebanyak \$300,000 adalah dikehendaki untuk membiayai aktiviti-aktiviti penyelenggaraan, tanaman, pembelian alat jentera pertanian dan pembinaan pusat ternakan bagi Orang-orang Asli.

Tuan Pengerusi, sejak kemerdekaan 30 tahun nampaknya kumpulan Orang Asli, yang adalah bumiputera negara kita ini, tidak dijaga dengan sebaik-baiknya dan tidak dapat peruntukan

yang sepatutnya untuk membangun ekonomi kumpulan Orang Asli. Hanya bila datangnya pilihanraya ahli-ahli politik terutama ahli-ahli politik daripada Barisan Nasional selalu pergi ke tempat, hanya dalam tempoh pilihanraya sahaja pergi ke tempat kediaman Orang Asli mengajak mereka mengundi Barisan Nasional supaya mereka dapat pembangunan di kawasan masing-masing. Satu tempat kediaman Orang Asli. . .

Tuan Haji Ghazali bin Ahmad: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Jerai bangun.

Tuan Haji Ghazali bin Ahmad: Tuan Pengerusi, saya minta penjelasan.

Tuan Ngoi Thiam Woh: Tidak beri jalan.

Tuan Pengerusi: Dia tidak beri jalan.

Tuan Ngoi Thiam Woh: Satu keadaan muncul iaitu di dalam pilihanraya kecil Gopeng calon Barisan Nasional serta komponen parti Barisan Nasional pergi ke satu tempat kediaman Orang Asli dan tempat sana Orang Asli ini telah memohon Kerajaan membina sebatang jalan dari pekan Gopeng hingga ke tempat kediaman mereka. Telah pun puluhan tahun mereka mengemukakan permohonan ini dan Gopeng pun telah dimenangi oleh Barisan Nasional tetapi sampai hari ini jalan itu belum lagi dibina. Kita tahu jalan adalah.

Dr Ting Chew Peh: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Gopeng bangun.

Dr Ting Chew Peh: Minta penjelasan.

Tuan Ngoi Thiam Woh: Tidak beri jalan.

Tuan Pengerusi: Dia tidak beri jalan.

Tuan Ngoi Thiam Woh: Tidak beri jalan. Kita semua maklum jalan adalah mustahak untuk pembangunan sosial serta ekonomi. Kalau sebatang jalan pun tidak sanggup Kerajaan membina ke tempat kediaman Orang Asli janganlah kita sebut pembangunan yang lain.

Saya mengesyorkan Kerajaan supaya memberi lebih peruntukan kepada kumpulan rakyat jelata bumiputera ini yang kurang bernasib baik sebab sejak turun temurun mereka bermastautin di hutan ataupun di pinggir hutan dan mereka adalah terkeluar daripada aliran pembangunan. Bila kita sebut negara kita telah merdeka, tidak di bawah kongkongan kolonialis dan kita sudah jadi tuan punya negara kita sendiri, kita mestilah menjaga terlebih-lebih kumpulan rakyat yang kurang bernasib baik ini. Sekian.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Menteri menjawab.

5.17 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Mohamed Farid bin Ariffin): Tuan Pengerusi, izinkan saya menjawab bagi pihak Kementerian Dalam Negeri. Berkenaan dengan ucapan Yang Berhormat dari Arau saya mengucapkan bagi pihak Kementerian Dalam Negeri berbilang-banyak terima kasih kerana teguran yang telah pun dibuat dan saranan yang telah pun dikemukakan. Walau bagaimanapun mengenai kemudahan pembangunan dan perkhidmatan semula Orang-orang Asli, sebenarnya rancangan penempatan semula adalah rancangan pembangunan yang berunsur keselamatan. Cuma kumpulan-kumpulan tertentu yang tinggal di kawasan-kawasan terdedah kepada

ancaman daripada penganas komunis sahaja yang ditempatkan semula dalam rancangan-rancangan ini.

Mengenai dengan teguran yang dibuat oleh Yang Berhormat dari Kampar, teguran ini tentu sekali akan mendapat perhatian daripada Yang Berhormat dari Gopeng dan juga daripada Kerajaan. Sekian.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$21,500,000 untuk Maksud B.36 di bawah Kementerian Dalam Negeri jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$21,500,000 untuk Maksud B.36 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$120 yang disebutkan dalam Maksud P.36; \$729,000 dalam Maksud P.37; \$20 dalam Maksud P.40; \$1,900,000 dalam Maksud P.41 dan \$10 dalam Maksud P.42 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 1987 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$120 untuk Maksud P. 36; \$729,000 untuk Maksud P.37; \$20 untuk Maksud P.40; \$1,900,000 untuk Maksud P.41 dan \$10 untuk Maksud P.42 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2) 1987.

Maksud P.44 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2) 1987)—

Tuan Pengerusi: Maksud P.44 di bawah Kementerian Penerangan terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$20 yang disebutkan dalam Maksud P.44 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 1987 di bawah Kementerian Penerangan hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$20 untuk Maksud P.44 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2) 1987.

Maksud P.45 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2) 1987)—

Tuan Pengerusi: Maksud P.45 di bawah Kementerian Buruh terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$10 yang disebutkan dalam Maksud P.45 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 1987 di bawah Kementerian Buruh hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$10 untuk Maksud P.45 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2) 1987.

Maksud P.46 dan P.48 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2) 1987)—

Tuan Pengerusi: Maksud P.46 dan P.48 di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$60 yang disebutkan dalam Maksud P.46 dan \$90 dalam Maksud P.48 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 1987 di

bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$60 untuk Maksud P.46 dan \$90 untuk Maksud P.48 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2) 1987.

Maksud P.49 dan P.50 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2) 1987)—

Tuan Pengerusi: Maksud P.49 dan P.50 di bawah Kementerian Pengangkutan terbuka untuk dibahas. Ahli Yang Berhormat daripada Nibong Tebal.

5.19 ptg.

Dr Goh Cheng Teik (Nibong Tebal): Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada Maksud P.49 Butiran 01100, 02500 di bawah tajuk Keretapi Tanah Melayu.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Tuan Pengerusi, saya bangun untuk menyokong peruntukan ini dengan sekuat-kuatnya kerana saya lihat bahawa perkhidmatan Keretapi di tanahair kita telah bertambah baik. Sebagai seorang Wakil Rakyat, saya layak menduduki keretapi dengan percuma dari kawasan pilihanraya saya ke Kuala Lumpur.

Mengikut pengalaman saya, tempat-tempat duduk amat selesa dan perkhidmatan yang diberi oleh kakitangan keretapi baik sekali dan juga jarang sekali keretapi tidak berjalan mengikut jadual. Jadi, saya mengucapkan syabas kepada pengurusan dan kakitangan Keretapi Tanah Melayu (KTM), dan saya

menyokong peruntukan ini dengan sepenuhnya.

Cuma satu cadangan yang saya ingin bangkitkan untuk pertimbangan pihak KTM. Oleh kerana landasan yang ada sekarang sudah lama, jadi saya mengesyorkan kepada KTM supaya membelanjakan wang yang diperlukan untuk memperkuatkan landasan terutama sekali dari Butterworth ke Johor Bahru dan di samping itu mempercepatkan kelajuan keretapi. Penumpang-penumpang nampaknya menggunakan rel, menggunakan keretapi dan kalau kita melawat ke negeri Jepun misalnya setiap hari kita melihat beribu-ribu penumpang menggunakan perkhidmatan rel, tetapi di situ keretapi berjalan dengan laju.

Jadi, saya percayalah sekiranya kelajuan keretapi dapat dipercepatkan, Keretapi Tanah Melayu tentu boleh menarik lebih banyak penumpang untuk menikmati perkhidmatan yang nampaknya sudah bertambah baik. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Arau.

5.21 ptg.

Tuan Shahidan bin Kassim (Arau): Tuan Pengerusi, saya pertama sekali hendak sentuh fasal keretapi, Butiran 025000 di bawah Maksud P.49 Kementerian Pengangkutan.

Saya hendak menyokong lebih kuat daripada Ahli Yang Berhormat dari Nibong Tebal berhubung dengan keretapi, cuma satu perkara iaitu berhubung dengan penswastaan Keretapi Tanah Melayu.

Saya bukan hendak komplek, tetapi cuma saya minta kalau sekiranya Kerajaan betul-betul berpuas hati dengan perkhidmatan keretapi ini barulah kita jalankan penswastaan

kerana kita lihat di negara-negara maju penswastaaan ini tidak ditumpukan sangat kepada pengangkutan awam. Pengangkutan awam terpaksa dikawal oleh pihak kerajaan dan bagi negeri-negeri yang telah maju yang mana Yang Berhormat Menteri banyak lawati, kita lihat bahawa pengangkutan awam ini bukan sahaja diberi subsidi tetapi ditampung oleh pihak Kerajaan.

Maknanya keretapi itu walaupun kita sampai ke peringkat komersial tetapi biarlah kita dapat betul-betul menjamin kemajuan yang ada. Sekarang ini kita baru ada satu rel sahaja daripada utara sehingga ke selatan dan sampai ke peringkat kita ada dua rel di mana keretapi boleh selisih sepanjang utara ke selatan barulah kita memikirkan penswastaaan itu.

Yang kedua, saya hendak sentuh fasal Jabatan Penerbangan Awam di bawah Maksud P.50, Butiran 00100, yang mana telah diberi peruntukan sebanyak \$15.68 juta kepada MAS, sekarang ini Malaysia Airlines.

Semalam Yang Berhormat Timbalan Menteri telah memberi jawapan kepada soalan yang telah ditimbulkan oleh rakan saya dari Sungai Benut dan saya tak dapat bertanya dan hari ini saya hendak bertanya sekali lagi. Dari segi logiknya, kapal terbang MAS yang menghadapi masalah pada tarikh iaitu Yang Berhormat Timbalan Menteri telah pun tahu, telah bertolak dari Kuala Lumpur selama 1½ jam dan saya difahamkan bahawa lapangan terbang yang terdekat ialah Madras atau Bombay yang hanya ½ jam sahaja untuk sampai ke lapangan terbang tersebut. Mengapakah usaha-usaha tidak diambil untuk mendarat di lapangan terbang yang terdekat yang hanya mengambil masa ½ jam? Tetapi kita patah balik ke Kuala Lumpur selama 1½ jam dan selepas itu kita paksa pula penumpang untuk turun dalam masa 1½ minit?

Saya ingat tindakan itu tak logik apabila kita paksa orang berbuat demikian. Kalau kita sanggup terbang 1½ jam, apa salahnya kalau kita bagi 10 minit untuk mereka turun? Oleh kerana itu, ada kejadian di mana seorang wanita terpaksa menghadapi masalah keguguran, sebab kita terlampau takut atau mungkin panik tak tentu fasal sehingga membuat peraturan-peraturan yang boleh menjejaskan kedudukan penumpang-penumpang. Dari segi logik cukuplah, tak payah fikir yang lain. Adakah semua pihak tak dapat menghadapi keadaan panik dan tak dapat menghadapi keadaan kecemasan sehingga sanggup kita sanggup membuat tindakan yang sedemikian rupa?

Saya ingat kalau ditanya kawan saya di Perlis yang selalu naik basikal itu pun dia akan menjawab perkara ini tak logik. Ini pula tindakan yang diambil oleh orang-orang profesional, mengapa sehingga kita sanggup berbuat demikian?

Yang kedua berhubung dengan tajuk yang sama—pentadbiran MAS. Dahulu dulu saya memuji MAS sebab perkhidmatannya bagus, dalam kapal terbang layanannya bagus tetapi sampai ke peringkat pengurusan ini ada sedikit yang kurang bagus. Hari ini kita hendak bincang dengan MAS mengenai lawatan kita ke Sabah dan Sarawak. Kita minta berbincang dengan pihak MAS, jawapan yang pihak MAS berikan ialah mereka tak boleh berjumpa dengan client, sebaliknya client mesti datang ke pejabat mereka.

Kita sanggup juga berbuat demikian, tetapi sikap tinggi diri yang ditunjukkan oleh pihak pengurusan ini, kalau sekiranya berlaku kepada orang awam yang lain, saya rasa perkara ini kurang enak. Tetapi benda ini berlaku kepada kami, sebab Ahli-ahli Parlimen orang yang sabar, jadi

kita cuma komplén kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri sahaja.

Jadi itulah sahaja pandangan saya dan saya minta maaf, dengan teguran ini—saya bukan hendak komplén apa, tetapi hendak meminta diberi jawapan secara logik dan kalau boleh diperbetulkan di peringkat atas supaya sesuai. Setakat ini pramugari dan pramugara sahaja yang tahu senyum, dan kalau pengurusan tak senyum sama, saya ingat rosaklah mutu pengurusan itu.

Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Batu Berendam.

5.27 ptg.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar (Batu Berendam): Tuan Pengerusi, saya juga ingin bercakap di atas Maksud P.49, Kementerian Pengangkutan, Butiran 12100, Pengangkutan Darat.

Tuan Pengerusi, saya ingin membuat beberapa teguran kepada Kementerian berkenaan khususnya tentang kemudahan-kemudahan awam ataupun public transport yang ada di dalam negara kita pada hari ini.

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Tuan Pengerusi, di bawah Butiran 12100 ini tak ada peruntukan yang diminta.

Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Ada token vote?

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Tuan Pengerusi, tak ada token pun.

Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Baiklah, Timbalan Menteri, sila jawab.

5.28 ptg.

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Tuan Pengerusi, saya

mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Nibong Tebal, dari Arau dan juga Ahli dari Batu Berendam yang berminat tetapi beliau salah pilih tajuk.

Saya sebenarnya berasa begitu gembira bahawa Ahli Yang Berhormat dari Nibong Tebal sangat sukakan perkhidmatan Keretapi Tanah Melayu (KTM). Memang pihak KTM sendiri telah berusaha untuk memperbaiki perkhidmatannya, dan seperti yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat tadi, tempat duduk selesa, perkhidmatan baik, tepat waktu dan beliau memberikan sokongan untuk mendapatkan peruntukan.

Saya juga mengucapkan berbilang-banyak terima kasih atas teguran Ahli Yang Berhormat mengenai landasan. Memang kita memperbaiki landasan dan landasan ini diperbaiki mengikut peringkat-peringkat iaitu peringkat Sungai Yu ke Tumpat sejauh 246 km, Gemas-Paloh 84 km—ini sedang diusahakan dan peringkat-peringkat yang lain akan dapat diperbaiki pula. Kami di Kementerian Pengangkutan dan KTM sendiri memang sangat-sangat berharap bahawa lebih ramai lagi rakyat suka menggunakan keretapi. Setakat 1987, untuk makluman Dewan yang mulia ini, hampir 7 juta penumpang menggunakan Keretapi Tanah Melayu dan mendatangkan hasil pendapatan yang agak besar.

Yang Berhormat dari Arau juga, saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kerana menyokong lebih kuat daripada Yang Berhormat dari Nibong Tebal. Yang Berhormat tadi menyentuh mengenai penswastaaan. Katanya biarlah betul-betul baik perkhidmatan itu barulah diswastakan. Kalau sudah baik perkhidmatan, tidak payah diswastakan lagi, Yang Berhormat, kerana kita hendak menswastakan itu supaya diperbaiki

lagi perkhidmatan lebih daripada yang ada sekarang.

Yang Berhormat juga menyentuh Butiran 00100 di bawah Jabatan Penerbangan Awam. Sebenarnya MAS tidak terletak di bawah tajuk Jabatan Penerbangan Awam. MAS adalah swasta, syarikat bersendirian. Walau bagaimanapun, untuk penjelasan mengenai kejadian pada 12hb Januari, 1988 di mana satu panggilan yang palsu telah dibuat yang mengatakan sebuah bom dalam penerbangan Kuala Lumpur ke London akan meletup pada jam 3.45 pagi. Panggilan ini diterima pada jam 2.15 pagi dan semasa itu kapal terbang berkenaan berada sejauh 245 batu daripada Batu Arang, bererti mungkin dalam kawasan negara Malaysia lagi dan apabila dalam keadaan kecemasan, Juruterbang terpaksa membuat keputusannya sendiri. Kita tidak ada bersama-sama dengan dia. Keputusannya ialah untuk balik ke Kuala Lumpur dan keadaan itu juga. . . .

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Pengerusi, minta penjelasan. Semalam semasa soalan tambahan, soalan itu berbunyi, "setelah kapal terbang bertolak satu setengah jam daripada Subang. . . ." dan Yang Berhormat Menteri pun tidak menafikan perkataan "satu setengah jam" itu.

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Yang Berhormat, pada jam 2.45 pagi panggilan kita dapat, kita contact dan apabila balik ia dapat mendarat jam 3.30 pagi. Dalam satu setengah minit dia melepaskan semua lebih kurang 500 penumpang, mengeluarkan penumpang daripada kapal terbang. Jadi walaupun ada kecederaan berlaku, maklumlah dalam satu setengah minit 500 orang hendak keluar, terjadilah peristiwa yang saya pun kesal juga. Sebagai seorang wanita, saya merasa sangat betapa kecewanya wanita yang terlibat itu.

Tetapi apakah daya lain untuk menyelamatkannya. Saya juga mengutuk perbuatan orang yang membuat panggilan palsu kerana ianya menyebabkan kesusahan kepada begitu ramai penumpang dan juga kepada pihak pengurusan MAS sendiri dan Jabatan Penerbangan Awam serta juga kepada Kerajaan kita kerana kita kerugian lebih daripada \$1 juta disebabkan panggilan palsu itu. Ini satu pengalaman kecemasan yang menguji juga kebolehan, kecekapan sistem kawalan dan keselamatan di lapangan terbang dan kita dapat membuktikan bahawa sistem kawalan dan keselamatan itu dapat memenuhi keperluan-keperluan kecemasan.

Mengenai pengurusan MAS, rasa saya tidak payah saya jawab di sini sebab iaitu di luar daripada tajuk yang dibincangkan. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Batu Berendam dan saya harap lain kali beliau dapat tajuk yang betul. Terima kasih.

Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$24,477,070 yang disebutkan dalam Maksud P.49 dan \$15,680,000 dalam Maksud P.50 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 1987 di bawah Kementerian Pengangkutan hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$24,477,070 untuk Maksud P.49 dan \$15,680,000 untuk Maksud P.50 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2) 1987.

Maksud P.51 dan P.53 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2) 1987)—

Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli-ahli Yang

Berhormat masalahnya ialah perbelanjaan di bawah Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$20 yang disebutkan dalam Maksud P.51 dan \$10 dalam Maksud P.53 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 1987 di bawah Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$20 untuk Maksud P.51 dan \$10 untuk Maksud P.53 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2) 1987.

Maksud B.54 (Jadual)—

Maksud P.54 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2) 1987)—

Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah perbelanjaan di bawah Kementerian Kebajikan Masyarakat terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$1,100,000 untuk maksud B.54 di bawah Kementerian Kebajikan Masyarakat jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$1,100,000 untuk Maksud B.54 diperintahkan jadi sebahagian daripada jadual.

Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$1,096,300 yang disebutkan dalam

Maksud P.54 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 1987 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$1,096,300 untuk Maksud P.54 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2), 1987.

Maksud P.55 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2) 1987)—

Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli-ahli Yang Berhormat, perbelanjaan di bawah Kepala P.55, Kementerian Kerjaraya terbuka untuk dibahas.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada Maksud P.55, Butiran 02000—Skim Mengatasi Kesesakan Lalulintas Pulau Pinang—\$10.

Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, ini token vote, kita tidak bincang.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Pengerusi, saya hendak berucap kerana token vote ini dan saya akan memberi sedikit sebab-sebab mengapa kerajaan patut memberi peruntukan yang sewajarnya untuk melaksanakan skim ini. Dengan izin, Tuan Pengerusi.

Saya merasa kesal bahawa Kementerian Kerjaraya tidak mengambil berat masalah lalulintas di Pulau Pinang. Selepas Jambatan Pulau Pinang dibina, negeri Pulau Pinang telah menarik lebih banyak pelancong, baik pelancong dari dalam negeri mahupun pelancong dari luar negeri, secara langsung dan tidak langsung. Perkembangan ini telah menguntungkan negeri khususnya dan

negara pada amnya. Tetapi akibatnya pengguna-pengguna jalan menderita kerana kesesakan lalulintas bertambah buruk.

Tambahan pula industri di negeri Pulau Pinang pun berkembang dengan lebih pesat baru-baru ini, misalnya industri elektronik dan tekstil. Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perindustrian telah memaklumkan bahawa tambahan eksport barangan elektronik dan tekstil dari Pulau Pinang dan negeri-negeri lain telah menguntungkan matawang asing bernilai beberapa bilion ringgit. Malangnya, pengguna-pengguna jalan Pulau Pinang akhirnya menjadi mangsa kesesakan lalulintas yang lebih buruk akibat perkembangan industri ini.

Tuan Pengerusi, memandangkan bahawa sektor pelancongan, perindustrian dan perdagangan membayar banyak cukai tiap-tiap tahun kepada Kerajaan Persekutuan, saya ingin memprotes ke atas peruntukan \$10 ini bagi Maksud P.55 Butiran 02000 Skim Mengatasi Kesesakan Lalulintas Pulau Pinang. Terima kasih.

Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Arau.

5.42 ptg.

Tuan Shahidan bin Kassim (Arau): Tuan Pengerusi, saya hendak bercakap atas token vote juga kerana sebab ini sudah menjadi peraturan. Saya hendak bercakap berkenaan dengan Lembaga Lebuhraya Malaysia, pinjaman \$10.00

Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, sebenarnya peruntukan token ini tidak perlu dibahas.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tadi kawan kita boleh?

Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Ya, sedikit sahaja saya benar.

Tuan Shahidan bin Kassim : Saya sedikit sahaja, saya tidak hendak bahas. Saya hendak tanya. Lebuhraya Utara—Selatan ini mulai daripada Bukit Kayu Hitam ke Johor Bahru. Jadi saya hendak tanya Kementerian yang berkenaan apa hal dengan Perlis? Di manakah letaknya Perlis dalam bentuk utara? Saya rasa negeri yang paling utara sekali dalam Malaysia ialah Perlis. Saya kurang pasti bagaimana perbincangan dibuat kerana masa itu saya belum lagi berada di sini tetapi saya hairan kenapa Perlis ditinggalkan. Apa kita hendak buat dengan Perlis? Saya takut besok, kalau ada cadangan pula hendak tukarkan jalan keretapi ke Bukit Kayu Hitam maka lebih baik kita tutup Padang Besar. Kalau boleh write-off terus, senang. Ini kecil hatil sedikitlah, merajuk. Sebab sesuatu pertimbangan harus dibuat supaya Padang Besar yang merupakan pekan yang lama yang wujud sebelum Yang Berhormat—Yang Berhormat dilahirkan lagi, Padang Besar memang sudah terkenal. Tetapi apabila Bukit Kayu Hitam dibina, bukanlah cemburu saya lihat ianya adalah lebih cantik dan lebih memberangsangkan untuk pelancong-pelancong pergi ke sana. Jadi saya minta supaya pinjaman dibuat, ditambah untuk mengelencongkan lebuhraya itu masuk juga ke Perlis. Kalau tidak pun, tidak boleh buat dalam bentuk lebuhraya, baiki jalan yang ada sekarang sama taraf dalam bentuk lebuhraya seperti yang disebutkan. Dengan itu Perlis tidak terkecualilah dalam konteks Utara—Selatan. Kalau tidak jangan guna Utara—Selatan, guna Bukit Kayu Hitam ke Johor Bahru sebab utara, adalah kami. Kami berhak claim, dengan izin, bahawa kami orang utara dan dengan itu harus dibuat sesuatu supaya lebuhraya ini termasuk juga Perlis.

Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Timbalan Menteri hendak jawab?

5.43 ptg.

Timbalan Menteri Kerjaraya (Tuan Osu bin Haji Sukam): Tuan Pengerusi, mengenai dengan pandangan yang telah disuarakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Nibong Tebal di bawah tajuk Skim Mengatasi Kesyakan Lalulintas Pulau Pinang. Memang Kementerian telah pun membelanjakan wang untuk memperbaiki dan bagi mengatasi kesesakan lalulintas di Pulau Pinang itu sendiri di antaranya ialah dalam tahun 1987 jalanraya di bandar Pulau Pinang yang berhampiran dengan Mesjid Negeri telah pun diperbaiki dan diperluaskan dan telah dibuka untuk kegunaan orang-orang awam.

Jadi memandangkan peruntukan \$10 iaitu token sahaja dibuat di atas tajuk Perbelanjaan Tahun Kedua ini adalah berdasarkan kepada jika perlu, kita akan memberi peruntukan bagi kegunaan di bawah tajuk ini. Jadi, saranan yang disuarakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Nibong Tebal itu akan diambil perhatian.

Begitu juga saya bersama-sama dengan Ahli Yang Berhormat dari Arau yang telah menimbulkan persoalan di bawah tajuk Lembaga Lebuhraya Malaysia di mana Lebuhraya Utara—Selatan cuma daripada Bukit Kayu Hitam ke Johor Bahru sahaja dan tidak sampai ke negeri Perlis. Saya sendiri pun tidak mengetahui kenapa Perlis telah tidak dimasukkan ke dalam rancangan ini. Tetapi saya dengan ikhlas menyatakan di sini mungkin barangkali Perlis negerinya kecil. (*Ketawa*) Walau bagaimanapun, kita akan ambil ingatan di atas pandangan yang telah disuarakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Arau dan kita akan bincangkan perkara ini selanjutnya.

Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$21,000,080 yang disebutkan dalam Maksud P.55 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 1987 di bawah Kementerian Kerjaraya hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$21,000,080 untuk Maksud P.55 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2) 1987.

Maksud P.56 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2) 1987—

Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Kepala P.56 di bawah Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Arau.

5.47 ptg.

Tuan Shahidan bin Kassim (Arau) : Tuan Pengerusi, saya hendak menyentuh di bawah Ukur, Butiran 02800 sampai 03300.

Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud) : Di atas tajuk apa Yang Berhormat?

Tuan Shahidan bin Kassim : Tajuk Mesin dan Alat-alat, Bangunan dan Binaan dan Bank Data Tanah. Muka surat 102.

Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud) : Ini sebenarnya perbelanjaan token.

Tuan Shahidan bin Kassim : Token ini hendak minta penjelasan sedikit sahaja, Tuan Pengerusi, macam tadilah.

Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Saya beri token—"token perbincangan".

Tuan Shahidan bin Kassim: Ya, token. Perlis ini walaupun negeri kecil....

Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Hendak dibesarkan?

Tuan Shahidan bin Kassim: Walaupun negeri kecil, tetapi orang-orangnya besar-besar (*Ketawa*) hatinya besar, malah saya di antara orang yang terbesar sekali badan saya, berat saya 200 lb. Jadi saya ingat saya boleh menghadapi kawan-kawan lain termasuk DAP. DAP dan PAS ini sebab ada reporter dia tidak hendak cakap, dia cari publisiti sahaja, dia tidak hendak cakap untuk.

Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat bercakap atas tajuk, ya?

Tuan Shahidan bin Kassim: Atas tajuk. Tuan Pengerusi, saya hendak menyentuh ini di bawah mesin dan alat-alat. Kita lihat.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad : Tuan Pengerusi, penjelasan. Beri peluang saya sekejap ya.

Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa minta penjelasan.

Tuan Shahidan bin Kassim : Boleh. Saya memang lama tunggu dia ini.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Sebab begini sahaja. Sebab Tuan Pengerusi berkata tidak boleh bahas perkara token. Tetapi kadang-kadang boleh, kadang-kadang tidak boleh. Jadi, saya hendak tahu macam mana yang tidak boleh, boleh; yang boleh, tidak boleh? Selalu masa saya, tidak boleh. Yang boleh pun tidak boleh. Tetapi orang lain, wakil Kerajaan yang tidak boleh pun boleh. Itu sahaja yang saya minta penjelasan.

Tuan Shahidan bin Kassim: Jawapannya senang. (Tuan Haji Nik Abdullah bangun meninggalkan Dewan) Yang Berhormat itu lari keluar macam mana hendak cakap ini? (*Ketawa*) Macam PAS buatlah. Yang halal diharamkan, yang haram dihalalkan. Itu jawapan. (*Ketawa*) Jadi, oleh kerana saya orang yang besar dan hati besar, semua orang takut, lari keluar habis.

Tuan Pengerusi, saya hendak sentuh ini di bawah alat-alat dan juga mesin, \$10.00 token. Saya rasa alat-alat ini mesti diperbaharui termasuk pemikiran orang-orang di dalam Jabatan Pemetaan.

Saya dengan terang saya sentuh dulu bahawa Pulau Berasmana ini diukur dengan cara tidak betul. Jadi alat-alat baru yang dibeli atau yang akan dibeli kemudian ini, belilah alat-alat yang betul. Ini untuk orang Jabatan Ukur, tolong balik fikir. 20 tahun yang lalu hujung muara Kuala Perlis itu bersambung dengan Pulau Berasmana. Jadi makna kata, Pulau Berasmana itu adalah sebahagian daripada pantai Kuala Perlis. Tetapi hakisan ombak dan sebagainya.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, nanti sekejap. Ahli Yang Berhormat dari Marang hendak cakap.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Bolehkah saya minta penjelasan sedikit?

Tuan Shahidan bin Kassim: Sila.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Saya hendak tahu adakah Pulau Berasmana ini termasuk dalam negeri Thailand ataupun Perlis, sebab ada masalah di segi pemetaan baru

Thailand sedangkan dari segi tradisinya memang hak Malaysia. Minta penjelasan sedikit.

Tuan Shahidan bin Kassim: Sebagai orang Perlis dan sebagai rakyat Malaysia termasuk saudara dari Marang mengakui bahawa Berasmana adalah hak Perlis, sebab (saya tunjuk dengan jari) hujung di antara dua muara itu terdapat satu bukit kecil tetapi apabila berlaku hakisan ombak selama 20 tahun, jadi ianya menjadi sebuah pulau. Apabila ia menjadi sebuah pulau, orang-orang pemetaan berkata ikut Perjanjian 1909.

Saya tahu Perjanjian 1909 menyebutkan cara-cara pemetaan yang melibatkan Pulau Panjang masuk ke Thailand bukan Pulau Berasmana. Sudahlah Perlis itu kecil, semua orang akui; hujung Berasmana, Kuala Perlis itu yang sekarang menjadi pulau hendak diserahkan kepada Thailand. Pada masa pemetaan yang dahulu pulau ini dipotong tengah-tengah tetapi pemetaan yang baru menyerah balik kepada Thailand kerana berdasarkan kepada Perjanjian 1909. Saya juga boleh menimbulkan perjanjian sebelum 1909, perjanjian yang bertulis Jawi di antara Kerajaan Thailand dengan Sultan Kedah—Perlis belum ada lagi masa itu. Jadi, kalau kita hendak ikut perjanjian, susah kita kira. Tetapi walau bagaimanapun, oleh kerana kita orang moden sekarang terpaksa mengikut perjanjian yang telah dibuat oleh kolonial British kerana

Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, saya rasa perkara ini telah dibangkitkan masa ucapan dasar.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tidak, saya sentuh masalah lain, bukan fasal muara. Ini muara Kuala Perlis.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: (*Bangun*)

Tuan Shahidan bin Kassim: Hendak tanya?

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Tuan Pengerusi, saya ingin minta penjelasan sedikit. Kita hendak tahu sebesar mana Pulau Berasmana ini, adakah lebih besar daripada Perlis yang orang Perlis hebohkan ini ataupun bagaimana?

Tuan Shahidan bin Kassim: Besarnya saya ingat sebesar Dewan inilah. (*Ketawa*) Tetapi keistimewaan pulau ini ialah saya rasa seluruh rakyat Malaysia sedang menikmati hasil daripada pulau ini iaitu sarang burung layang-layang. Ini khas untuk orang lelaki. Jadi, saya rasa haruslah dipelihara.

Saya balik tanya orang tua-tua dahulu, ada yang berumur 90 tahun, 100 tahun, mereka kata dahulu pulau itu memang boleh berjalan kaki. Bermakna dia sebahagian daripada pantai dan bukan pulau tetapi bila orang-orang muda yang lahir kemudian, bila dia terputus daripada pantai, dipanggil pulau. Selepas itu kita beri pula kepada Siam. Ini cerita, saya pun tak tahulah. Jadi, saya harap mesin dan alat-alat yang akan dibeli ini biarlah mesin dan alat-alat yang boleh membantu pemikiran orang-orang daripada Jabatan Ukur supaya jangan menyerah Pulau Berasmana. Terima kasih.

Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Ada jawapan?

5.54 ptg.

Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus): Tuan Pengerusi, saya pohon izin untuk memberikan sedikit penjelasan tentang perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Arau ini.

Dari segi soal untuk hendak mengganti dan menokoktambah ataupun menjaga mutu mesin-mesin yang kita gunakan itu memanglah ini satu perkara biasa yang kita pertingkatkan dari satu masa ke satu masa.

Saya hendak sebut sedikit tentang soal Perjanjian 1909 ini. Saya suka hendak memberikan penjelasan secara umum kerana saya suka menekankan perkara ini, saya harap Yang Berhormat rakan saya dari Arau hati-hati sedikit tentang perkara ini kerana soal Perjanjian 1909 ini ada memberi implikasi-implikasi yang cukup besar dari segi hubungan kita dengan negeri Thai dan hubungan kita dengan negeri Thai sekarang ini Alhamdulillah cukup baik dan jangan perkara-perkara yang telah pun dimeterai dalam Perjanjian 1909 itu boleh dijadikan satu perkara yang akan memberi kesan kepada hubungan baik kita ini. Mengikut Perjanjian 1909 itu sudah jelas ada perkara-perkara yang cukup sah yang memberikan gambaran yang cukup jelas kepada Kerajaan kita tentang kedudukan, khususnya Pulau Berasmana ini. Jadi, Tuan Pengerusi, saya harap oleh kerana perjanjian itu mempunyai

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: (*Bangun*)

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Marang.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Minta penjelasan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah maksud daripada penjelasan itu menggambarkan bahawa Pulau Berasmana yang dihebohkan terutama oleh Yang Berhormat dari Arau ini, itu adalah telah menjadi hakmilik mutlak Kerajaan Thailand atau masih lagi

dalam keadaan yang tidak menentu? Saya mohon penjelasan.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Pengerusi, pulau itu adalah kepunyaan negeri Thailand mengikut Perjanjian 1909 dan dalam perjanjian itu ada lagi fasal-fasal yang ada hubung kaitnya dengan keadaan-keadaan di negara kita ini dengan soal sempadan ini. Jadi, Tuan Pengerusi, saya hanyalah sekadar hendak menjelaskan sedikit supaya jangan sampai perkara ini menjadi modal kepada orang lain untuk hendak menjadikannya sebagai satu perkara yang boleh menjejaskan hubungan baik kita dengan negeri Thai.

Itu sahajalah, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$90 yang disebutkan dalam Maksud P.56 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 1987 di bawah Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$90 untuk Maksud P.56 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2) 1987.

Maksud B.57 (Jadual)—

Maksud P.57 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2) 1987)—

Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli-ahli Yang Berhormat, Maksud B.57 dan Maksud P.57 di bawah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$33,982,000 untuk Maksud B.57 di bawah Kementerian

Pembangunan Negara dan Luar Bandar jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$33,982,000 untuk Maksud B.57 diperintah jadi sebahagian daripada Jadual.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$130,586,550 yang disebutkan dalam Maksud P.57 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 1987 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan setujukan.

Wang sebanyak \$130,586,550 untuk Maksud P.57 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2) 1987.

Maksud B.22 dan B.59 (Jadual)—

Maksud P.23, P.24 dan P.59 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2) 1987)—

Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli-ahli Yang Berhormat, Maksud B.22 dan B.59 dan Maksud P.23, P.24 dan P.59 di bawah Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan terbuka untuk dibahas.

Yang Berhormat dari Bukit Bintang.

6.00 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Bukit Bintang): Tuan Pengerusi, saya bercadang untuk berucap secara ringkas atas Maksud B.59 Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan. Di sini saya ingin menarik perhatian Tuan Pengerusi kepada Kertas Perintah 3A Tahun 1988

Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Mukasurat berapa?

Tuan Lee Lam Thye: Mukasurat 10, bahagian hujung, Tuan Pengerusi, di mana ada diterangkan bahawa tambahan sebanyak \$28.6 juta adalah dikehendaki bagi perbelanjaan yang berikut. Yang pertama, sebanyak \$23.4 juta untuk menyelaras peruntukan Perbelanjaan Mengurus bagi Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia atau TDC yang telah dipindahkan di bawah Kementerian baru ini dari Kementerian Perdagangan dan Perindustrian.

Saya ingin menyentuh sedikit mengenai peranan yang dapat dimainkan oleh Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia dalam menggalakkan pelancongan di negara kita. Saya percaya bahawa pihak TDC dapat memainkan satu peranan yang aktif dalam aspek ini dan memang benar bahawa pihak TDC ataupun pihak Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia sehingga hari inipun telah mengambil berbagai-bagai usaha untuk menggalakkan pelancongan. Akan tetapi, di sini saya suka ingin membangkitkan satu perkara yang ada berkaitan dengan aktiviti yang dijalankan oleh pihak Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia, iaitu berkenaan dengan Pelan Induk Pelancongan yang disentuh oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan dalam sidang Parlimen yang lepas. Saya berpendapat bahawa adalah sangat perlu bagi Kementerian yang berkenaan untuk memperkenalkan Pelan Induk Pelancongan Negara dengan seberapa segera memandangkan bahawa pelan induk ini dianggap sangat perlu kerana ia dapat merumuskan satu pelan bagi pelancongan untuk mengawasi dan memastikan pembangunan pelancongan yang teratur dalam negara ini.

Di sini saya ingin menggunakan kesempatan ini untuk mendapat penjelasan daripada Kementerian yang berkenaan tentang apakah perkembangan mengenai perumusan satu Pelan Induk Pelancongan Negara dan saya harap bahawa Yang Berhormat Menteri yang berkenaan boleh memberikan sedikit maklumat tentang perkembangan atas perkara ini. Dalam usaha untuk menggalakkan pelancongan, saya difahamkan bahawa pihak Kementerian akan mengadakan "Projek Melawat Malaysia" pada tahun 1990 ataupun satu cogankata yang telah digunakan oleh Kementerian yang berkenaan untuk menarik lebih ramai pelancong ke negara kita. Cadangan ini adalah satu cadangan yang baik bagi meningkatkan lagi hasil negara yang diperolehi daripada bidang pelancongan. Kalau kita lihat angka pelancongan asing yang tiba di negara ini bagi tahun 1986, iaitu seramai 3.2 juta orang pelancong asing, manakala pendapatan yang diperolehi dari kemasukan mereka ialah dianggarkan \$1.5 juta dalam tahun 1986. Jika kita membuat persediaan yang secukupnya, saya percaya angka-angka ini akan bertambah berlipatganda.

Tuan Pengerusi, saya rasa bahawa ini sahajalah yang saya ingin memberi komen sedikit terhadap Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan. Sekian.

Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Arau.

6.05 ptg.

Tuan Shahidan bin Kassim (Arau): Tuan Pengerusi, yang pertama saya hendak sentuh fasal B. 22 Muzium Negara. Saya ucap tahniah kepada Muzium Negara kerana telah dapat menjalankan usaha-usaha yang begitu gigih sehingga telah berjaya memperkenalkan dalam bentuk budaya Malaysia sampai ke peringkat

antarabangsa. Cuma di bawah Belanja Mengurus ini, saya dapati Ketua Pengarah Muzium Negara sekarang ini kedudukannya ataupun gred yang dipegangnya adalah rendah kalau dibandingkan dengan

Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, peruntukan ini hanya untuk pembinaan Taman Kektus dan Taman Jepun sahaja.

Tuan Shahidan bin Kassim: Ini Belanja Mengurus.

Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Ya, B.22. Mukasurat berapa, Yang Berhormat?

Tuan Shahidan bin Kassim: Hendak cari Ketua Pengarah yang berkaliber

Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Tidak, wang ini khusus untuk pembinaan taman-taman berkenaan, tak ada kaitan dengan

Tuan Shahidan bin Kassim: Di bawah Muzium Negara? Susahlah.

Sekarang saya ingin sentuh, Tuan Pengerusi, Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan di bawah B.59 dan juga P.59.

Di bawah P.59, 00100 sebanyak \$2.3 juta dan di bawah B.59, \$28,559,900. Boleh saya bercakap, Tuan Pengerusi, atas tajuk ini?

Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Atas tajuk apa, Yang Berhormat? Dia ada tajuk!

Tuan Shahidan bin Kassim: Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan.

Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Mukasurat berapa?

Tuan Shahidan bin Kassim: Mukasurat 108, 109 dan Kertas ini mukasurat 4.

Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Projek mana itu?

Tuan Shahidan bin Kassim: Projek butiran baru 00100 Perbadanan Kemajuan Pelancongan (TDC).

Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat cakaplah apa hendak cakap.

Tuan Shahidan bin Kassim: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Kepada Kementerian baru ini saya ucap tahniah kerana telah dapat menonjolkan diri dalam usaha-usaha kita untuk memajukan pelancongan di Malaysia. Di antara perkara-perkara yang menarik yang pernah saya lihat ialah kemenangan Malaysia dalam Pesta Bunga-bunga di Amerika Syarikat baru-baru ini. Cuma satu saya kesal kepada Kementerian ini, peruntukan yang diminta terlampau kecil, hendak minta kita luluskan \$2.3 juta sahaja pembangunan. Saya rasa ini merupakan satu angka yang menyedihkan. Kalau minta \$100 juta pun kita akan pertimbang beramai-ramai di sini kerana Kementerian ini adalah menjadi harapan Kerajaan untuk menambahkan pertukaran wang asing. Jadi, kepada Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen haruslah memikirkan menggerakkan pegawai-pegawai dan juga kakitangan di bawah Kementerian ini agar bergerak dengan lebih cergas lagi untuk memajukan usaha-usaha pelancongan.

Semasa soal-jawab dahulu saya telah menyentuh bahawa pelancong-pelancong Arab ini menganggap bahawa Malaysia ini hanya tempat untuk melancong dengan keluarga dan kalau seorang-seorang, dia kata, dia kena pergi ke negara jiran, itu kita tak kisah. Tetapi penekanan yang harus

diberi keutamaan ialah biarlah kehendak mereka itu kita turuti, melancong bersama keluarga di Malaysia, tekankan, berikan promosi yang sebanyak-banyaknya, beri sokongan kepada pihak-pihak swasta untuk menjalankan apa-apa sahaja promosi yang boleh memberi gambaran yang sihat, boleh memberi gambaran bahawa orang seronok untuk melancong ke Malaysia. Ini usaha-usaha kita untuk menarik pelancong-pelancong daripada luar dan pelancong-pelancong daripada luar ini, saya harap Yang Berhormat yang berkenaan mengambil ingatan bahawa dia berbagai-bagai.

Kalau orang Korea, dia suka apa datang ke sini, kalau orang-orang Timur Tengah, apa minatnya bila datang ke sini. Orang Thailand pun ada tadi, saya terlupa, Thailand minatnya dia suka barang-barang elektronik, kita buka banyak lagi kedai-kedai bebas cukai. Demikian juga lain-lain. Kalau orang-orang Eropah dia suka pantai-pantai yang bersih, kolam renang dan sebagainya. Kalau orang-orang daripada Eropah, Germany dan sebagainya, dia suka memanjat Gunung Tahan. Jadi, sediakan kemudahan-kemudahan untuk membolehkan mereka balik ceritakan Malaysia ini bagus. Saya beri contoh, dahulu saya tekankan mengapakah Kementerian ini tidak memikirkan untuk bekerjasama dengan Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar. Kementerian ini sekarang menjaga Taman Negara, tetapi Taman Negara ini, di samping usaha kita untuk mempertahankan atau melindungi pokok-pokok dan binatang, termasuk alam semula jadi, tetapi Taman Negara ini adalah merupakan tempat yang dilawati oleh pelancong-pelancong.

Kalau Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tidak pernah pergi, satu hari boleh ikut saya. Di sana, 95%, malah sampai 98% penghuni-penghuninya, Tuan Pengerusi (sebagai orang

Pahang), yang melawat Taman Negara ialah orang luar dan kalau saya pergi, kadang-kadang saya cuma seorang diri sahaja orang tempatan, mungkin termasuk wakil rakyat di sana yang hadir ke kawasan tersebut, yang lain-lain adalah orang luar. Ini menunjukkan bahawa Taman ini merupakan tempat yang paling potensial, dengan izin, untuk menarik pelancong-pelancong. Bahagikan usaha-usaha, berikan promosi yang lebih kepadanya. Kita buat lapangan terbang semasa Persidangan PATA dahulu. Lapangan terbang itu menjadi tempat “hantu-hantu” untuk bersidang, tidak ada kapalterbang untuk pergi ke sana dan baru-baru ini saya mendengar berita bahawa Pelangi Air akan membuat penerbangan ke kawasan tersebut, tetapi sehingga sekarang, saya belum lagi mendapat makluman yang sebenarnya. Sekarang orang sudah berminat untuk pergi ke sana dengan secara cepat sebab orang-orang yang turun dari Gunung Tahan selalunya dia terpaksa balik cepat untuk pergi massage, dengan izin, sebab apabila dia naik Gunung Tahan, kakinya akan bengkok dan sebagainya.

Kita tidak mahu berada lama-lama di situ, jadi, terpaksa pergi ke tempat lain. Ada kemudahan udara dan juga lapangan terbang yang sekarang ini menjadi gajah putih di Taman Negara itu, harus difikirkan cara-cara untuk menyelesaikannya, Kementerian ini harus mengambil daya usaha. Walaupun negara meleset saya rasa kawan saya dalam Parlimen termasuk DAP yang cari publisiti—sekarang dia lari sebab tidak ada pemberita—saya rasa mereka akan menyokong dan kami penyokong-penyokong Kerajaan terus menyokonglah, tidak ada berbelah bahagi lagi. Jadi, kepada Kementerian berkenaan saya pohon supaya memikirkan tempat-tempat lain juga yang mana menjadi tarikan pelancong-pelancong dari luar negeri.

Kita kena ingat dalam hutan belantara yang kita anggap cuma

dihuni oleh binatang-binatang, kita tidak sedar bahawa dalam itu ada 200-300 orang yang sedang menyelesaikan hobi mereka untuk menjadi orang-orang yang adventurous, dengan izin, dan tempat-tempat lain juga banyak yang di bawah Kementerian Alam Sekitar ini yang harus diberi perhatian supaya bukanlah untuk suruh ambilalih tetapi fikirkanlah cara-cara yang boleh, berpakatliah. Maklumlah dalam Kerajaan ini boleh berpakat. Kalau dulu macam FELCRA, sebagai contoh, berpakat-pakat, sekarang masuk di bawah Kementerian Luar Bandar. Kalau Taman Negara dahulu di bawah Kementerian lain, tidak bolehkah Yang Berhormat berpakat-pakat supaya sekarang masuk di bawah Kementerian Pelancongan.

Dengan itu saya rasa binatang-binatang dan pokok-pokok juga boleh dibuat bentuk dalam keadaan untuk menarik pelancong bukan sahaja memberi perlindungan seperti keadaan yang ada sekarang. Saya lihat binatang-binatang yang diberi perlindungan yang berkeliaran di Taman Negara, oleh kerana mereka hendak melindungi sahaja, binatang-binatang yang sakit apabila mereka terdedah kepada kawasan ini, makan kertas—sebab pelancong-pelancong kadang-kadang beri plastik dan sebagainya, banyak binatang-binatang ini yang sakit, walaupun jinak seperti rusa, babi hutan dan sebagainya. Oleh kerana sakit, saya rasa banyak pelancong-pelancong yang tidak mahu bergesel lagi, tidak mahu pegang-pegang lagi binatang yang berkenaan. Jadi, Kementerian ini harus fikir, ambil alih, kita akan sokong.

Yang kedua, saya hendak tekankan balik bahawa melancong bersama keluarga di Malaysia. Saya tidak tahu kalau Yang Berhormat Menteri faham maksud saya, tetapi yang saya hendak tekankan di sini, apa sahaja benda dalam dunia ini kalau sekiranya diberi pendedahan, benda yang tidak cantik

jadi cantik. Suara yang tidak sedap jadi sedap. Dulu Elvis Presley saya rasa suaranya tidak sedap, tetapi oleh kerana pendedahan yang menelan belanja berjuta-juta ringgit sehingga suaranya terpaksa disediakan dan kita pun terpengaruh bahawa suara dia sedap. Demikian juga iklan-iklan dalam TV, dulu minuman dalam kotak (tidak boleh disebut di sini nanti kita beri pendedahan kepada minuman tersebut), minuman itu tidak terkenal, saya tahu orang yang mula membuat minuman itu, dia jual air tepi jalan, tetapi dia terfikir jadikan air tebu, air kacang soya dan sebagainya dan dia beri nama-namanya dan sekarang ini sudah merupakan syarikat yang terbesar di Malaysia kerana melalui publisiti bukan kualiti ataupun lain-lain. Jadi, demikian juga perkara-perkara ini, kalau Yang Berhormat Menteri Kementerian yang berkenaan beri publisiti dan beri promosi yang lebih, saya percaya, yang saya sebutkan tidak elok jadi elok yang elok akan bertambah elok. Banyak penyanyi kita yang suara tidak sedap kerana publisiti lebih dia akan mendapat tempat. Demikian juga pelakon-pelakon yang mendapat publisiti lebih dia akan mendapat tempat.

Demikian juga perkara-perkara ini kalau sekiranya di masa sekarang elok tetapi tidak ada publisiti yang berlebihan maka ianya jadi tidak elok dan apabila pelancong-pelancong datang, terutama pelancong yang rasa kita beri penekanan tadi, janganlah dibawa melawat tempat-tempat yang lain yang kita harus beri penekanan. Kita tidak mahu acara-acara malam yang diberi tambahan kepada pelancong-pelancong ini, kita bawa cerita-cerita yang lain, banyak pelancong-pelancong yang membuat komen mengenai cerita-cerita tambahan semasa mereka membuat lawatan ke sini yang dianjurkan oleh agensi-agensi pelancongan. Acara-acara yang sebenarnya kita

menganggap kalau orang Arab datang dia mesti mahu acara tambahan di malam hari. Saya rasa bukan semua orang Arab macam itu. Jadi, janganlah yang dia tidak mahu kita hendak beri nanti dia balik cerita yang bukan-bukan dan dia pun tidak seronok untuk datang. Jadi, siapa yang datang daripada negeri yang berkenaan kalau sekiranya anjuran daripada Kementerian Yang Berhormat harus kita tekankan bahawa Malaysia ini betul-betul tempat untuk melancong. Beri dia melawat keluarga-keluarga bahagia di Malaysia, ramai, termasuk rumah-rumah Yang Berhormat Menteri, Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen, menunjukkan bahawa kalau datang ke Malaysia mereka akan menjadi keluarga bahagia.

Akhir sekali oleh kerana selepas ini Yang Berhormat dari Marang akan berucap, Tuan Pengerusi

Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Belum tahu lagi, saya yang beri kebenaran, saya yang berkuasa.

Tuan Shahidan bin Kassim: Oh! ya, minta maaf, Tuan Pengerusi. Sebab dia banyak hendak ganggu tadi.

Akhir sekali saya memberi sokongan kepada Kementerian ini dan saya pohon Kementerian ini melalui TDC supaya lebih banyak adakan pendedahan. Kalau pertandingan bunga, menghias kereta dengan bunga-bunga itu kita masuk apa sahaja pertandingan di luar negeri, kita masuk. Jangan kira perbelanjaan sebab kita boleh menang, saya rasa melalui perbelanjaan, tetapi yang penting ialah penyertaan kita itu biarlah mendapat sokongan dan berilah sokongan kepada agensi-agensi pelancongan tempatan dengan seberapa yang boleh dan janganlah memberi tekanan kepada mereka. Saya beri contoh, baru-baru ini

terdapat satu ejen pelancongan yang datang merayu kepada saya bahawa di atas peraturan Kerajaan dia tidak lagi mendapat tempahan daripada pihak Kerajaan. Jadi, kita hendak beri amaran kepada pihak Kerajaan (sebuah Kerajaan Negeri), saya tidak mahu sebut, sebab saya kenal, supaya tidak membuat usaha-usaha boikot, dengan izin, hendak gam, biar RTM sahajalah. Jadi, janganlah buat usaha-usaha yang boleh menjejaskan agensi-agensi pelancongan tadi. Berilah keutamaan setakat yang mampu terutamanya bumiputera yang mana inilah di antara bidang-bidang yang boleh mereka ceburi.

Jadi, sekian sahaja, Tuan Pengerusi Saya mohon menyokong, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Marang hendak berucap?

6.20 ptg.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar (Marang): Tuan Pengerusi, terima kasih. Saya ingin membahaskan Maksud P.59, Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan yang baru terhadap Anggaran Perbelanjaan Pembangunan tambahan untuk tahun 1987, Butiran 00100—Perbadanan Kemajuan Pelancongan di mana kita sedang membahaskan Tambahan Kedua 1987 sebanyak \$2,300,000.

Dalam perkara ini ingin saya menekankan sedikit iaitu masalah dari segi tarikan pelancong di mana kita dapati terdapat iklan-iklan yang ditonjolkan bagi memaparkan tentang perkara-perkara yang boleh menjadi hidangan kepada pelancong-pelancong. Ada banyak perkara cara yang boleh kita hidangan kepada pelancong-pelancong, tetapi dalam konteks negara dan budaya Malaysia, satu sumber yang maha penting yang perlu kita kaitkan dengan daya tarikan itu iaitu mengenai dengan budaya

ataupun kebudayaan itu sendiri. Ertinya kewujudan kebudayaan asal peribumi ini sendiri mestilah dikaitkan dengan tarikan pelancong itu sendiri, di mana kadang-kadang kita nampak iklan sahaja yang lebih, iklan begitu banyak, begitu heboh diperkatakan tetapi apabila pelancong datang ke mari, hidangan-hidangan yang hendak disantap ataupun yang hendak dilihat, hendak dirasa, benda itu tidak ada.

Contohnya, misal katakan budaya-budaya peribumi seperti rotat, dikir barat, makyong dan bermacam-macam lagi, termasuklah beruk panjat kelapa. Jadi apabila orang putih ataupun bukan orang putih datang ke mari untuk melihat benda-benda itu semua, dilihat dalam brochure, dalam pamphlet, benda itu ada tetapi dari segi kenyataan tidak ada. Inilah kadang-kadang perkara yang kita rasa sangat mendukacitakan. Kita lihat hari ini budaya-budaya peribumi, budaya yang bertunjangkan kepada pertuanan dan adat-resam di sini telah banyak mati dan ditelan oleh arus pembangunan moden yang tidak tentu hala tujuannya.

Jadi, dalam soal ini kita minta pastikan bahawa peruntukan yang ditambah untuk Tambahan Kedua 1987 itu mungkin akan boleh kita ambil kira pada pertambahan peruntukan 1988 di mana apabila sesuatu yang telah kita iklankan, yang telah kita paparkan, kita seharusnya pastikan benda itu wujud dan ada.

Perkara yang kedua, kita lihat budaya dan juga cara hidup, adat-resam negara kita ini berpecah-pecah. Para pelancong yang datang ke negara kita ini tidaklah mempunyai masa, ruang dan waktu yang cukup untuk menjelajah daripada Perlis sampai ke Sabah. Jadi, pada pandangan kita adalah elok kalau sekiranya satu bentuk kebudayaan, adat-resam, cara hidup dari pelbagai rupa bangsa ini diadakan ataupun diwujudkan di satu

tempat, misal kata di Kompleks Budaya Negara ataupun di satu tempat yang dicentralisekan, dengan izin. Jadi, pelancong-pelancong yang datang pada masa yang singkat akan dapat melihat cara dan corak kehidupan itu tanpa payah-payah lagi menjelajah ke negeri-negeri ataupun tempat-tempat yang berkenaan dan ini telah dilakukan oleh negara-negara lain. Misal kata di Indonesia, mereka mengadakan Taman Budaya, Taman Negara, Taman Ismail Marzuki. Jadi, perkara-perkara ini dapat dipusatkan. Dengan cara ini memudahkan kepada kita, kepada pelancong bagi menikmati keadaan-keadaan corak hidup tanpa banyak berjalan ke negeri-negeri ataupun di kawasan-kawasan yang ada dalam Malaysia ini sendiri.

Selain daripada itu juga kita melihat bahawa soal budi dan corak hidup merupakan satu perkara yang perlu ditekankan. Di dalam peruntukan perbelanjaan yang diberikan sebanyak \$2,300,000 ini mungkin soal-soal infrastruktur, soal kemudahan fizikal, soal pandangan budaya hidup seseorang manusia itu ditekankan tetapi soal akhlak, soal budi bahasa, soal kesopanan, soal tatasusila merupakan soal yang saya kira sangat penting dan perlu diutamakan.

Di Syria, kenapa orang suka melawat Syria—kalau merujuk kepada negara-negara di Timur Tengah—kerana Syria merupakan satu-satunya negara yang mempunyai cara hidup, adat-resam yang begitu mengagumkan apabila dilihat dalam konteks budi dan budaya. Ini telah diakui sendiri—di zaman Rasulullah dahulu, Nabi Muhammad sendiri pernah memberi keutamaan ketika melawat, berdagang dan sebagainya, iaitu di negeri Sham ataupun Syria. Jadi, kalau bentuk budaya itu sendiri ditekankan kepada soal pembangunan fizikal semata-mata, saya kira soal ini akan menjadi tidak berkesan.

Jadi, agihan ataupun peruntukan tambahan perbelanjaan yang diperuntukkan bagi tahun 1987 mungkin akan berlaku dan menyusul kembali pada tahun 1988 ataupun 1989 sehingga 1990 sebagaimana yang diperuntukkan sebanyak \$4.5 juta ini, akan mempunyai perkara-perkara yang sama. Jadi ini perlulah ditekankan dan diberikan keutamaan.

Akhir sekali saya inginlah sekali lagi menyeru supaya peruntukan yang telah dibelanjakan untuk Tambahan Kedua 1987 ini bukan sahaja patut kita luluskan dan sokong, tetapi saya kira tambahan-tambahan yang sepertinya ini akan juga mungkin berlaku pada tahun 1988 dan kita percaya soal-soal Perbadanan Kemajuan Pelancongan mestilah mempunyai hubungkait dengan kebudayaan dan cara hidup, adat budaya ini dan mengeneipikan bentuk-bentuk tarikan sebagaimana yang orang lain buat. Maksud saya, kalau kita merujuk kepada Thailand—“Venice of the East”, dengan izin, kita dapati bahawa tarikan mereka itu kepada satu bentuk tarikan dagangan tradisi manusia yang mana semua ini apabila kita rujuk kepada kekuasaan Allah, ianya bertentangan yang amat sangat. Begitu juga dalam bentuk ilmu, agama dan lain-lain.

Jadi, perkara-perkara ini dalam kita menekankan soal menarik pelancong, tidak seharusnya semua hidangan yang orang hendak kita berikan. Saya sama sekali tidak bersetuju, Tuan Pengerusi, kalau sekiranya kita mengagih-agihkan selera kita dengan kita rasa apa yang orang lain hendak. Macam Yang Berhormat dari Arau katakan tadi, orang putih hendak ini, beri orang ini; Mat Saleh hendak ini, beri orang ini; Thailand hendak ini, beri ini tanpa kita merujuk kepada akal budi, kepada akhlak, kepada cara hidup dan yang paling penting kepada sikap-sikap, kepada perlakuan dan pertanyaan yang akan kita tempoh nanti. Sama ada dia warganegara biasa, sama ada dia

Menteri, sama ada dia Setiausaha Parlimen, sama ada dia dari Kementerian apa sekalipun, rujukan terakhir, matlamat hidup terakhir merupakan bidang tugas tanggungjawab yang mesti kita amanahkan, kita pikul sama ada di dunia, lebih-lebih lagi di akhirat. Jadi jangan kita apabila orang sebut hendak, kita beri semua. Ini tadi karut, cacamurba, tidak bermatlamat, tidak berprinsip dan tidak berpendirian.

Tuan Pengerusi, saya rasa inilah perkara-perkara yang hendak saya sebutkan dan yang saya hendak ingatkan dalam kita merangka strategi pembangunan terutama dalam konteks Perbadanan Kemajuan Pelancongan. Sekian, saya turut menyokong.

Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Dijemput Setiausaha Parlimen menjawab.

6.28 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan (Tuan Abdul Raman bin Suliman): Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada 3 orang Ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian, iaitu Ahli dari Bukit Bintang, Ahli dari Arau dan Ahli dari Marang. Rumusan yang dapat saya timba daripada ucapan-ucapan itu ialah ketiga-tiga Ahli Yang Berhormat

ini telah memberi sokongan kepada Kementerian ini untuk meneruskan kegiatan Kementerian terutamanya Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang yang juga telah memberikan pujian kepada TDC khususnya yang mengikut pendapat beliau telah memainkan peranan yang aktif dan bergiat ke arah yang dikehendaki.

Perkara yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat dari Bukit Bintang iaitu berkenaan dengan Pelan Induk Pelancongan Negara yang mana beliau ingin mengetahui setakat ini sejauh manakah kedudukan Pelan Induk tersebut dan beliau berharap supaya Pelan tersebut dapat disiapkan dengan seberapa segera yang mungkin.

Tuan Pengerusi, memanglah benar bahawa Kementerian sedang menyiapkan Pelan Induk Pelancongan ini

Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, duduk! Yang Berhormat boleh sambung esok.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Mesyuarat ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.